

DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 47

Selasa

4 Oktober 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)	
• Letupan Bom Di Pulau Bali	
- <i>Y.B. Tuan Salahuddin Ayub (Kubang Kerian)</i>	(Halaman 32)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 34)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2006	(Halaman 34)
USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2006	(Halaman 34)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 128)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 4 Oktober, 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan pusat latihan untuk bekas penagih dadah agar mereka diberikan latihan dan peluang pekerjaan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Tuan Chia Kwang Chye]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri bercadang untuk mewujudkan pusat latihan untuk bekas penagih dadah di pusat serenti yang baru iaitu di Sepang. Latihan dan kerjasama dengan Giat MARA juga diadakan untuk melatih penghuni-penghuni tersebut dalam bidang tertentu seperti automatif, jahitan, plumbing, teknologi percetakan dan teknologi bangunan. Di antara pusat serenti yang akan mengadakan bengkel dan khusus sedemikian ialah Pusat Serenti Tampin, Pusat Serenti Sungai Petani dan Pusat Serenti Gambang. Semoga dengan wujudnya pusat serenti sedemikian, peluang penghuni-penghuni tersebut untuk mendapat pekerjaan adalah terbuka luas. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Timbalan Menteri. Biasanya masyarakat susah atau tidak mahu menerima bekas penagih dadah ini termasuk juga ahli keluarga sendiri, jadi, soalan saya di bawah Agensi Anti Dadah Kebangsaan terdapat satu unit iaitu Unit Kerjaya. Jadi, di bawah Unit Kerjaya ini berapa ramaikah bekas penagih dadah yang telah mendapat pekerjaan dan biasanya dalam bidang apa bekas penagih dadah ini mendapat pekerjaan dan berapa ramaikah penagih dadah ini sebenarnya yang telah pulih sepenuhnya? Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, tugas ataupun kejayaan untuk pemulihan adalah bukan sahaja di bawah ADK. Walaupun tugas utama ialah di bawah

ADK tetapi untuk menggunakannya untuk mencapai kejayaan adalah tanggungjawab keluarga, masyarakat dan juga pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Jadi, sebab itu kerajaan memang menggalakkan penyertaan dari semua pihak. Berkenaan dengan soalan yang berkenaan dengan butir-butiran saya, akan beri secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita dapati hampir 70 peratus penagih dadah mengambil semula dadah selepas keluar dari pusat pemulihan kerana tidak mendapat sokongan pekerjaan yang baik. Soalan saya adakah kerajaan sedia menimbangkan untuk memberikan insentif kepada syarikat-syarikat swasta untuk mengambil penagih-penagih ini bekerja seperti yang kita berikan kepada golongan kurang upaya supaya syarikat swasta dapat bekerjasama mengambil bekas-bekas penagih ini bekerja dengan syarikat-syarikat mereka. Terima kasih.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, kalau berbanding di antara penagih baru yang dikesan dan dengan penagih yang berulang, biasanya lebih kurang 50-50, *fifty-fifty*, kadang-kadang *sixty-forty* dan sebagainya. Dan kerajaan telah mengambil usaha seperti yang saya katakan tadi berkenaan dengan Giat MARA dan usaha-usaha lain ialah bersama dengan andai kata FELDA di mana mereka sebelum dibebaskan akan dihantar ke ladang-ladang FELDA untuk menjalankan kerja dan kerajaan pun atau ADK masih berunding dengan pasaran-pasaran yang tertentu supaya dapat menerima mereka.

Usaha lain yang telah dijalankan ialah berkenaan dengan ternakan ayam di mana dengan kerjasama dengan sebuah syarikat kita dapat membina dan dengan ini dapat memberi pekerjaan kepada mereka. Inilah usaha-usaha yang telah dijalankan dan kos-kos yang tertentu akan diselenggarakan tidak lama lagi. Sekian, terima kasih.

2. **Dato Gazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah jumlah kes-kes di Mahkamah Syariah yang tertunggak mengikut negeri. Apakah punca utama menyebabkan kes-kes ini tertunggak dan cara penyelesaiannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]: Tuan Yang di-Pertua, kes tertunggak yang dimaksudkan ataupun ditakrifkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ialah kes-kes yang tidak dapat diselesaikan melebihi daripada setahun daripada tarikh kes tersebut didaftarkan. Sehingga akhir tahun 2004 pecahan statistik pecahan kes mengikut negeri ialah seperti berikut:

Negeri	Kes Tertunggak
Wilayah Persekutuan	27
Melaka	0
Selangor	43
Pulau Pinang	5
Kelantan	20
Terengganu	6
Sabah	38
Negeri Sembilan	20
Sarawak	3
Pahang	79
Johor	28
Kedah	1
Perak	2
Perlis	5
Jumlah keseluruhan	277

Antara punca utama kes-kes di Mahkamah Syariah yang tertunggak adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut:

- i) pihak plaintif dan defendan gagal membuktikan bukti-bukti yang menyokong permohonan mereka seperti laporan polis, surat pengesahan doktor dan saksi, ini dalam kes MAL. Terdapat juga sikap pihak plaintif dan defendan yang kerap menukar-nukar peguam menyebabkan kes tertangguh untuk jangka masa yang lama kerana mahkamah terpaksa membenarkan permohonan peguam baru untuk mengambil maklumat mengenai kes anak guam mereka;
- ii) kesukaran penyerahan saman kepada pihak defendan kerana pertukaran alamat ataupun alamat tidak lengkap, ada kalanya pihak defendan tidak dijumpai dan ini menyebabkan proses penyerahan saman perlu dilakukan secara serahan gantian iaitu melalui iklan dalam akhbar dan sebagainya; dan
- iii) ketidakhadiran peguam dan anak guam ke mahkamah juga menyebabkan sesuatu kes lewat diselesaikan.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah kes tertunggak seperti berikut. Dengan penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada tahun 1998, antara lain bertujuan untuk menyelia Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia dan menyelaraskan serta menyeragamkan Undang-undang Prosedur dan Peraturan-peraturan Pentadbiran Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri. JKSM dan JAKIM telah memainkan peranan dalam penyeragaman lima rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Majlis Raja-Raja, sebagaimana yang kita bincangkan untuk mendapatkan kelulusan daripada Parlimen ini kepada wilayah-wilayah persekutuan.

Yang ketiga, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah memperkenalkan penyelesaian kes melalui "sulh" iaitu perdamaian. Kes-kes ini dikendalikan oleh seorang pegawai "sulh". Beliau mengendalikan kes-kes kekeluargaan tanpa perbicaraan yang panjang dan pertikaian diselesaikan dengan secara baik dalam masa ataupun dalam tempoh 21 hari daripada tarikh permohonan dan tuntutan di mahkamah. Antara negeri-negeri yang telah menjalankan cara ini ialah Selangor, Melaka dan Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan penyelesaian kes melalui "sulh" ini telah dapat mengurangkan kes perceraian sebanyak 10 peratus. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Walaupun angka-angka yang telah pun diberikan oleh pihak menteri agak rendah, cuma 217 orang sahaja tetapi ianya memberi kesan yang agak mendalam terhadap orang yang terlibat dan kita telah menubuhkan jawatankuasa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Apakah perancangan-perancangan yang lebih berkesan yang mungkin telah disusun atau telah diputuskan oleh JKSM ini mengatasi masalah ini dengan lebih berkesan lagi kerana ia memberi kesan yang kurang baik kepada orang yang terlibat. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Sebenarnya saya telah menerangkan sedikit sahaja iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah cuba mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh mahkamah-mahkamah di seluruh Malaysia dan ada di antara negeri-negeri yang telah pun menggunakan perkhidmatan guna sama, kita istilahkan, iaitu mereka boleh bertukar kalau sekiranya ada jawatan kosong di sesebuah negeri, boleh di hantar, boleh diisi oleh negeri yang lain yang lebih banyak pegawai. Jadi, Itu juga memberi kesan yang baik kepada kekurangan kakitangan Mahkamah-

mahkamah Syariah di negeri-negeri yang menggunakan sistem perkhidmatan guna sama pegawai syariah.

Sebagai contoh sahaja boleh saya sebut di sini, iaitu misalnya bilangan hakim-hakim syarie di Mahkamah-mahkamah Syariah telah bertambah, sebagaimana yang telah saya sebut masa penggulungan pembentangan Rang Undang-undang Keluarga Islam dahulu.

Sebagai contoh sahaja, di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan telah ditambah daripada lima kepada sepuluh, itu sudah saya rasa baik, begitu juga dari Mahkamah Tinggi Wilayah Persekutuan daripada dua hakim kepada lima hakim mahkamah tinggi. Itu juga dikuti, misalnya di Selangor juga pertambahan cukup jelas iaitu boleh dikatakan sebagaimana yang berlaku di Wilayah Persekutuan dan juga negeri-negeri yang menggunakan guna sama pegawai-pegawai syariah ini.

Selain daripada itu boleh saya perpanjangkan sedikit iaitu JKSM sentiasa memantau dan juga menyelia statistik kes secara bulanan supaya ianya tidak tertunggak melalui laporan bulanan kes berhubung dengan kes mal, jenayah, faraid dan kes rayuan Mahkamah Syariah negeri-negeri.

Selain daripada itu Mahkamah Syariah juga telah menggunakan kemudahan ICT bagi melancarkan urusan pentadbiran dan memberi kemudahan kepada orang ramai bagi membuat urusan sistem e-syariah. Ini telah dilancarkan pada 7 Februari 2003, iaitu memperkenalkan perkhidmatan secara *on-line*. Ini juga kita mengharapkan apabila beroperasi sepenuhnya juga akan memudahkan dan melicinkan lagi perjalanan kes-kes di Mahkamah Syariah.

Selain daripada itu ada juga beberapa usaha yang telah dilakukan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, iaitu dengan mengadakan kursus melatih mereka yang terlibat dalam Mahkamah Syariah seperti bidang penguatkuasaan, pendakwaan dan juga hakim-hakim syarie itu diberi latihan untuk memahirkan mereka dengan prosedur dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pindaan Perlembagaan Fasal 121(a) telah pun dipinda yang membolehkan bahawa setiap keputusan Mahkamah Syariah tidak boleh lagi dicabar di Mahkamah Sivil. Tetapi pindaan ini sebenarnya hanya pada spiritnya sahaja. Saya hendak bagi contoh, sekiranya satu pasangan bukan Islam, isterinya masuk Islam dan suaminya masih belum masuk Islam, di Mahkamah Syariah mengiktiraf dia sebagai Islam, tetapi perkara

ini tidak boleh diselesaikan sehingga dia pergi ke Mahkamah Sivil untuk mengesahkan bahawa dia sudah tidak bersama, maknanya dia sudah masuk Islam, mesti disahkan dulu oleh Mahkamah Sivil. Jadi dengan sendirinya pindaan 121(a) ini, tidak bermakna kepada hal-hal seperti ini.

Soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang untuk meminda lagi beberapa peraturan dalam Perlembagaan dan peraturan-peraturan bagi membolehkan perkara seperti ini boleh diselesaikan hanya di Mahkamah Syariah tanpa lagi pergi ke Mahkamah Sivil, termasuk juga soal wasiat dan juga sebagainya. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Kalau sekiranya berlaku percanggahan dan juga pertentangan di antara undang-undang syariah dan undang-undang sivil ataupun Mahkamah-mahkamah Syariah dan juga Mahkamah-mahkamah Sivil, maka dirujuk kepada sebuah jawatankuasa di Jabatan Peguam Negara yang akan mengkaji keadaan pertentangan (*conflict*), di antara kedua-dua Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil ataupun undang-undang syariah dan undang-undang sivil tadi.

Pada prinsipnya yang berlaku, iaitu apa yang diputuskan di Mahkamah Syariah tidak boleh dicabar - tidak boleh ulang semula perbicaraannya di Mahkamah Sivil. Begitu juga apa yang diputuskan di Mahkamah Sivil tidak boleh dibawa dalam Mahkamah Syariah, itu pada prinsipnya. Kalau ada kes-kes yang berlaku itu, maka dirujuk kepada jawatankuasa tadi di Jabatan Peguam Negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum dikemukakan soalan, izinkan saya bagi pihak semua menyampaikan betapa terhormatnya kami rasakan kehadiran Yang Berhormat Menteri *in person* untuk menjawab soalan pada pagi ini.

Kami ibarat pungguk merindukan bulan, Yang Berhormat Menteri sebagai Permaisuri Lindungan Bulan. *[Disorak]* Apabila bulan mengambang

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Yang Berhormat, terus kepada soalan.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh: Apabila bulan mengambang dia bersembunyi di balik awan, maka gelaplah malam. Gerik mengemukakan soalan no. 3.

3. **Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah usaha kerajaan untuk mempertahankan industri automatif negara daripada merosot dan mengalami kerugian akibat kemasukan kereta-kereta dari luar negara yang tidak dikawal dengan baik.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasihlah di atas sambutan tadi. Sebenarnya "permaisuri ini" bila tidak datang pada tiga hari pertama Dewan Rakyat ialah kerana saya bertugas di Amerika Syarikat... [Disorak] bahkan ada dua Ahli Dewan Rakyat bersama dengan saya, mengikuti saya. Ini kena jelaslah, saya tidak lari. Sebenarnya saya bertugas dan semua ini adalah atas urusan yang telah diluluskan oleh Kabinet. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat bagi Gerik bersama-sama soalan lain yang berkaitan dengan Dasar Automatif Negara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Bukit Gantang pada 13 dan 17 Oktober, Yang Berhormat bagi Serian pada 25 Oktober, Yang Berhormat bagi Lipis pada 14 November dan Yang Berhormat bagi Gopeng pada 12 November dan Ahli Yang Berhormat bagi Bintulu pada 21 November kerana ini semuanya mengenai Dasar Automatif Negara.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya industri automatif tempatan merangkumi beberapa aktiviti dan sektor, iaitu pembuatan dan pemasangan kereta penumpang, pemasangan kereta perdagangan, pemasangan motosikal, pengeluaran komponen peralatan dan alat ganti, pengimportan kenderaan, dengan izin *completely built-up unit (CBU)* dan juga aktiviti pengedaran kenderaan.

Dalam sektor pembuatan dan pemasangan kenderaan-kenderaan penumpang dan perdagangan terdapat dua syarikat mengeluarkan kereta penumpang bertaraf nasional iaitu Proton dan Perodua, dan juga NAZA *Automotive Manufacturing* yang mengeluarkan model Naza Ria. Terdapat dua pengilang kenderaan perdagangan iaitu Inocom dan MTV dan sebuah pengilang motosikal iaitu MODENAS.

Profil industri automatif tempatan pada masa kini adalah seperti berikut:

Pertama, jumlah kapasiti terpasang atau dengan izin, *install capacity* ialah 891,000 unit, jumlah pengeluaran dalam tahun 2004 telah mencapai 471,975 unit iaitu 53% daripada keupayaan terpasang. Nilai pelaburan terkumpul sehingga Jun 2005 ialah RM19.6 ribu juta. Prestasi eksport keluaran automatif bagi tahun 2004 berjumlah 2.5 ribu juta, dan daripada jumlah itu 73% atau 1.8 ribu juta ialah eksport komponen dan

alat ganti, bakinya ialah eksport kenderaan pasang siap (CBU) dan juga kenderaan CKD.

Terdapat juga 443 syarikat pengilang komponen dan alat ganti termasuk 350 untuk kereta dan bakinya untuk komponen motosikal. Daripada jumlah tersebut 23 syarikat berada dalam kategori yang dipanggil *Tier I* dan bakinya kategori *Tier II* dan *Tier III*. Syarikat-syarikat komponen *Tier I* terdiri daripada syarikat yang berkemampuan mereka bentuk, melaksana R&D dan mengeksport. Pada tahun 2004, jumlah pengeluaran komponen dan alat ganti tempatan bernilai RM4.9 ribu juta dan eksport pula berjumlah RM1.8 ribu juta. Jumlah syarikat bumiputera yang terlibat dalam aktiviti pengedaran kenderaan motor adalah 367 iaitu 31% daripada jumlah 1,189 syarikat.

Dalam pembuatan komponen pula, sebanyak 252 atau 57% adalah syarikat bumiputera daripada jumlah 443. Pada penghujung tahun 2004, jumlah guna tenaga dalam industri automatif negara berjumlah 52,647 orang, iaitu 20,100 dalam pengilang dan pemasang, 6,271 adalah dalam sektor pengilang dan pemasang motosikal, dan 26,276 dalam sektor membuat komponen dan peralatan. Bagi sektor pembuatan motosikal pula, terdapat satu syarikat pengilang dan 9 syarikat pemasang yang telah mengeluarkan sebanyak 472,726 unit motosikal pada tahun 2004, iaitu 57% daripada kapasiti terpasang yang berjumlah 826,000 unit.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak projek kereta nasional beroperasi mulai tahun 1985, beberapa langkah telah pun dilaksanakan oleh kerajaan bagi mempromosi dan melindungi projek kereta nasional serta syarikat-syarikat pemasang yang lain. Langkah-langkah tersebut ialah:

- perlindungan melalui struktur duti;
- pemberian status nasional dan layanan istimewa;
- kawalan import melalui Dasar AP;
- pembekuan kelulusan lesen pengilang baru;
- pengenaan syarat ekuiti kepada pemasang-pemasang baru;
- insentif galakan cukai seperti taraf perintis dan elaun cukai pelaburan kepada syarikat yang layak;
- mekanisme kawalan harga dan pematuhan syarat kandungan tempatan.

Walaupun dasar semasa telah membolehkan projek kereta nasional berkembang, namun beberapa objektif untuk meningkatkan daya saing dan prestasi

eksport masih perlu dilaksanakan, iaitu untuk memastikan kenderaan-kenderaan nasional adalah kompetitif dari segi harga, kualiti dan model-model yang dikeluarkan.

Bagi menghadapi cabaran ini, Dasar Automatif Negara yang sedang digubal dengan matlamat-matlamat antaranya:

- (i) menjadikan keseluruhan industri automatif tempatan berdaya saing dan berdaya tahan dalam menghadapi persaingan di dalam pasaran terbuka;
- (ii) menggalakkan lebih banyak penglibatan vendor dan pengilang komponen dan alat ganti tempatan dalam industri automatif;
- (iii) menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan pengedaran serantau untuk kenderaan automatif dan menggalakkan penglibatan bumiputera dalam jangka masa panjang serta juga mematuhi komitmen kita, iaitu dalam perjanjian di peringkat serantau atau antarabangsa seperti AFTA dan juga rundingan-rundingan dua hala kawasan perdagangan bebas dan juga WTO. Sebuah jawatankuasa khas penggubalan Dasar Automatif Negara telah pun ditubuhkan dan dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan di sini mengenai Dasar AP bagi pengimportan kenderaan CBU. Dasar AP telah diperkenalkan pada tahun 1970 bagi mengawal pengimportan kenderaan CKD dan CBU, dan menggalakkan penyertaan bumiputera dalam industri automatif. Dasar ini juga diguna pakai bagi kenderaan perdagangan dan juga motosikal.

Selepas pelancaran projek kereta nasional pada tahun 1985, dasar pemberian AP telah diteruskan bagi tujuan melindungi industri automatif tempatan khususnya kereta tempatan dengan menghadkan bilangan kemasukan kereta-kereta automatif daripada import. Tanpa Dasar AP kereta-kereta import akan masuk tanpa kawalan dan sekatan dan pasti akan menjejaskan pengeluaran kenderaan-kenderaan dalam negara termasuklah kenderaan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, garis panduan Dasar AP adalah seperti berikut:

- (i) import CBU dihadkan kepada 10% sahaja daripada jumlah pengeluaran kereta penumpang dan kenderaan perdagangan tempatan bagi tahun sebelumnya dengan pertumbuhan sebanyak

10% setahun. Ini adalah selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 21 Ogos 1991. Import CKD oleh syarikat pengilang yang dilesenkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dikeluarkan tanpa sekatan kuantitatif untuk membolehkan syarikat-syarikat memasang kenderaan di negara kita.

AP bagi kereta penumpang CBU dibahagikan kepada dua kategori:

- (i) AP bukan francais ataupun AP terbuka bagi kereta penumpang baru, terpakai dan MPV yang saya katakan tadi telah dilaksanakan sejak 1970; dan
- (ii) AP francais bagi model yang spesifik atau khusus untuk kereta penumpang dan MPV, iaitu AP untuk syarikat pemegang francais dan pengimport tunggal. Dasar ini telah diperkenalkan dalam tahun 1997.

Bagi AP francais atau pengimport tunggal, syarat-syarat kepada syarikat pemohon ialah seperti berikut:

- (i) pegangan ekuiti bumiputera mestilah sekurang-kurangnya 70%;
- (ii) perjanjian francais yang sah mestilah ditandatangani antara pemegang francais atau pengimport tunggal dengan pengilang asing atau *principal* di luar negara;
- (iii) kenderaan mesti diimport terus daripada pengilang atau *principal* di luar negara;
- (iv) model-model kenderaan hendaklah tidak ada dikeluarkan di Malaysia, juga syarikat terbukti keupayaan pengurusan dan kewangan dan mempunyai bilik pameran atau pusat jualan dan menyediakan perkhidmatan selepas jualan.

Di samping itu AP juga dikeluarkan kepada individu-individu yang layak, iaitu rakyat Malaysia yang kembali daripada bertugas atau belajar di luar negara, anggota-anggota kedutaan asing, Ahli-ahli Parlimen serta pegawai-pegawai dagang. Semua permohonan peruntukan AP adalah berdasarkan kriteria dan syarat-syarat yang telus. Sebuah jawatankuasa kerja mentadbir lesen import dan eksport di Kementerian Perdagangan dan Antarabangsa dan Industri menilai setiap permohonan secara objektif.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Dasar AP diperkenalkan, 37 buah syarikat bumiputera telah berjaya mendapat francais dan status pengimport tunggal untuk

mengimport 44 model kenderaan. Adalah diperhatikan bahawa ada di antara mereka yang telah berjaya mengambil alih pengimportan jenama-jenama kenderaan yang dahulunya untuk sekian lama dimonopoli oleh syarikat-syarikat bukan bumiputera. 76 lagi daripada AP adalah pemegang AP terbuka, yang mana 8 adalah syarikat konsortium.

Jumlah pelaburan di dalam pengimportan dan pengedaran kereta ialah RM754.58 juta. Sekarang ini terdapat 506 pengedar bumiputera yang dapat diwujudkan di samping memberi peluang kepada 3,811 orang. Pemegang-pemegang AP yang berjaya telah pun dapat menceburi bidang perniagaan lain seperti pemasangan kenderaan, perkhidmatan-perkhidmatan sokongan industri automatif, pengeluaran komponen serta eksport produk-produk automatif.

Pada tahun 2004, sebanyak 45,500 unit kenderaan telah diimport iaitu 9.6% daripada jumlah pengeluaran tempatan kenderaan penumpang dan kenderaan perdagangan. 17,455 unit merupakan kenderaan dengan kapasiti enjin 1800 cc ke bawah yang bersaing secara langsung dengan kenderaan-kenderaan nasional seperti Proton dan Produa. Ini cumalah merupakan 3.2% daripada 530,035 unit kenderaan yang dijual dalam pasaran tempatan dalam dalam tahun 2004.

Dalam konteks ini, sukacita dilaporkan bahawa sungguhpun terpaksa bersaing dengan kereta-kereta CPU yang diimport, Produa telah berjaya menerima tempahan berjumlah 62,575 unit kenderaan Myvi yang berkapasiti 1000 – 1.3 cc. sejak pelancarannya pada empat bulan yang lalu yang mana 19,053 unit telah pun dijual setakat ini. Bagi Proton pula, Savvy telah menerima tempahan 4,958 dan jualan 3,050.

Mengenai isu berkaitan dengan pengimportan kenderaan *tune-up* kerajaan telah pun memberhentikan memberi AP untuk kenderaan *tune-up* bermula 13 Mei, tahun 2005. Tindakan telah dan sedang diambil ke atas syarikat-syarikat yang terbukti telah melanggar syarat-syarat kelulusan AP.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dasar automotif negara yang telah saya sebutkan tadi, pihak kerajaan akan mengumumkannya sebaik sahaja jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selesai membincangkannya. Terima kasih.

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan The [Grik]: Tuan Yang di-Pertua dua puluh tahun yang lalu kita begitu berbangga dengan kehadiran kereta nasional yang pertama iaitu Proton Saga dan ini dikuti dengan ghairahnya dengan model-model Wira, Waja,

Satria, Kancil, Kenari, Perdana dan sebagainya. Namun begitu, hari ini nampaknya ada virus-virus yang menyerang projek kereta nasional dan ini merisaukan kita. Kita takut dasar perindustrian negara menuju wawasan 2020 menjadikan negara sebuah negara perindustrian akan gagal. Jadi soalan saya adakah sudah dikenal pasti akan virus-virus yang menyerang yang melambatkan kemajuan industri kereta nasional kita dan bagaimanakah kita mengatasinya, di mana kuasa pasaran saya kira telah menurun dan bilangan negara-negara yang mengimport kereta kita pun telah menurun juga dari 50 kepada 20, kalau itu betul. Silakan.

Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz: Terima kasih. Sebenarnya mungkin maksud Yang Berhormat virus ialah halangan-halangan? Dalam menggubal dasar automotif yang baru ini itulah yang sedang diteliti, apakah halangan-halangan bukan sahaja kepada kereta nasional tetapi kepada keseluruhan industri automotif yang saya katakan tadi yang mempunyai berbagai sektor. Adakah halangan itu kerana kurang keupayaan teknologi atau teknikal, adakah keupayaan itu kurangnya sokongan bantuan kerajaan dari segi kewangan ataupun adakah kekurangan itu masalah dalaman misalnya teknologi, kualiti tak kiralah, jadi ini sedang diteliti oleh dasar automotif negara yang baru.

Yang pentingnya ialah kita ingat bahawa dalam dunia pasaran, Malaysia tidak boleh terkecuali dari membuka pasaran, tidak boleh Malaysia sebagai negara tunggal mengehendkan, menutup semua import sama ada kereta atau lain-lain barang masuk ke pasaran sendiri. Tapi bagi kita dari segi automotif telah diputuskan oleh Kabinet seperti yang saya katakan tadi, dalam tahun 1991 lagi bahawa had siling untuk dibenarkan import ialah cuma 10% daripada jumlah pengeluaran setahun dan untuk menunjukkan kepada dunia bahawa kita sedang dalam proses membuka sikit demi sikit maka boleh ditambah had itu 10% lagi dalam setahun. Tapi kita lihat dalam tahun 2004, tak tercecah pun 10% tadi.

Jadi yang pentingnya ialah syarikat-syarikat memasang dan juga pengeluar kereta tempatan perlu menghadapi saingan dan perlu memastikan mereka mempunyai keupayaan bersaing dan kerajaan, insya-Allah dalam dasar automotif negara yang baru ini akan melengkapkan pakej-pakej sokongan dan bantuan yang sewajarnya bagi membantu syarikat-syarikat yang sedia ada dalam Malaysia ini lebih kompetitif bila bersaing dengan syarikat-syarikat yang terdapat di Thailand dan juga di serantau.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, sebab mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri, hari yang ke-31 dalam enam tahun, 400 hari dan saya harap bahawa kelakuan buruk ini, Minister in *self-exile* from Parliament akan diberhentikan dan tak perlu diarah oleh Kabinet baru datang. [Disampuk] Soalan saya, soalan saya ialah baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada mencadangkan AP akan dihapuskan. Kenapa pendirian ini tidak berjaya untuk dapat Kabinet dapat lulus dan adakah serius dalam perkara ini. Dan adakah surat ini (*menunjukkan sepucuk surat*) oleh Ketua Setiausaha, KSU dibuat atas arahan Yang Berhormat Menteri dan bukannya benar bahawa apabila keputusan dibuat untuk memberi AP kepada Ahli-ahli Parlimen tahun 1997 ialah berhasrat untuk membeli *silent* ahli-ahli Parlimen oleh sebab skandal korupsi Yang Berhormat Menteri pemberian saham kepada menantu Fadzrin Azwar...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang: belum habis, saya belum habis, duduk, duduk

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus kepada soalan

Tuan Lim Kit Siang:...ya soalan saya belum habisoleh kerana untuk membeli silent ahli-ahli Parlimen oleh sebab skandal korupsi Yang Berhormat Menteri memberi berjuta-juta saham Leader Universal, First Allied dalam perkara ini dan itulah latar belakang, bukannya ini benar dan bolehkah Yang Berhormat Menteri, sebenarnya Peguam Negara sekarang ada mencadangkan Yang Berhormat Menteri didakwa, ditahan didakwa di mahkamah atas korupsi, bukannya itu benar? Luar tajuk, itu latar belakang AP untuk MP.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus pada soalan

Tuan Lim Kit Siang: Ya, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi tahu Dewan yang mulia ini segala faedah Yang Berhormat Menteri dan keluarga yang dapat dari sistem AP daripada 'AP King of King' yang keluar masuk guna helicopter, bukan guna kereta, apa...apa faedah yang dapat daripada 'AP King of King' sama ada hadiah, kereta, saham atau apa-apa.

Bolehkah kita dapat satu senarai yang penuh dan kenapa Yang Berhormat Menteri tak rela untuk mengumumkan senarai AP semenjak Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri MITI sehingga perlu dua kali YAB Perdana Menteri mengarahkan Yang Berhormat Menteri keluarkan senarai 2004, 2005, sekarang mahu tarik balik senarai ini.

Kenapa Yang Berhormat Menteri bertentang dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai satu kerajaan yang terbuka yang *open transparent*. Adakah Yang Berhormat faham, apa Yang Amat Perdana Menteri mahu, cemerlang, gemilang, terbilang, bukan melalui semacam ini ...gelap, korupsi, penyelewengan menyalah guna kuasa. Bolehkah satu jawapan semua dibagi.

Dato' Seri Rafidah binti Abdul Aziz: Ya, jawapan saya, saya agak sabar lama mendengar segala yang difitnah yang ditabur oleh Yang Berhormat itu.....

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun menyampuk*]

Dato' Seri Rafidah binti Abdul Aziz: Saya tidak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ipoh Timor, sila duduk, sila duduk.

[*Dewan riuh*]

Dato' Seri Rafidah binti Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sanggup difitnah dan tidak sanggup Yang Berhormat memfitnah ahli keluarga saya. Yang Berhormat jangan main-main, kerana saya tidak mahu perkara ini Yang Berhormat bangkitkan mengikut mulut sendiri, kalau saya dipanggil queen, Yang Berhormat itu Court Jester, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, pemberian AP kepada....

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timor.

Dato' Seri Rafidah binti Abdul Aziz: I'll sue you. Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan AP kepada MP ini bukan saya yang putuskan. Ini telah diputuskan kesan daripada permohonan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat *Back Bencher* tempoh hari dan telah dikemukakan kepada Kabinet dan Kabinet sendiri memutuskan supaya AP dikeluarkan seorang satu semasa dalam term atau pun penggal berkhidmat dan untuk kegunaan sendiri. Saya tidak ada kuasa nak memberi kepada siapa individu, ini keputusan Kabinet, ada rekod minit Kabinet. Jadi janganlah Yang Berhormat memikir yang bukan-bukan.

Mengenai senarai yang dikeluarkan oleh pegawai saya, jelas bahawa senarai itu tidak ada disuruh buat oleh sesiapa bahkan masa itu saya berada di luar negeri, Ketua Setiausaha Kementerian saya, Timbalan-Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha dan pegawai kanan, tidak mengetahui bahawa senarai Ahli Parlimen yang mendapat AP telah pun disediakan. Bahkan dalam soalan itu pun yang dikepilkan sebagai soalan bertulis kerana tak keluar pada hari itu, tidak juga

mengepilkan satu senarai. Jadi kami pun hairan, mengapa AP disenaraikan untuk MP, ada kawan-kawan kita di sini menganggap kononnya saya keluarkan sengaja, nak belilah sokongan dan sebagainya. Tidak, kami tak tau. Sebenarnya kalau dari segi logik, tidak ada apa masalahnya mengeluarkan senarai untuk MP tetapi saya tidak suka kalau senarai itu dikeluarkan dengan tidak tepat, tidak betul sehingga mengelirukan, kalau betul hendak dikeluarkan, biar disemak supaya jangan ada nama yang tidak patut dalam tu ada.

Saya hairan mengapa pegawai ini buat dan saya telah minta KSU, saya telefon dia soal apa fasal, dah dia tak dapat beri jawab, mengapa dia buat senarai. Jadi saya harap Ahli-ahli Parlimen tolonglah faham. Kalau saya tahu nak buat senarai, takkan kita buat senarai yang kata orang Cina, cincai saja, pakai sebarang senarai, tentu kita semak, bahkan ada yang tak ada di situ, apa salahnya kita beri, hak kita diberi oleh Kabinet nak lari untuk apa. Saya megah kalau kita laksanakan apa yang Kabinet suruh dan MP-MP dapat beli, apa salahnya hak Ahli-ahli Yang Berhormat, jangan malu, nama keluar, kami sebagai kerajaan berpegang teguh kepada ini, jangan malu kerana kita beli kereta, kita beli kereta ya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendaklah supaya Yang Berhormat tu tarik balik, kononnya saya keluarkan AP kepada MP untuk beri *silent*, tak, bukan keputusan saya, keputusan Kabinet, tak ada apa yang nak dijual beli dengan Ahli Parlimen, hak mereka kita beri.

Kedua, saya nak kata, kalau Yang Berhormat buat tuduhan macam ini, saya rasa ini adalah menyentuh peribadi. Saya tidak hendak integriti saya dicabar, saya tidak hendak integriti saya disentuh, saya seorang yang berpegang kepada sumpah jawatan saya wa'wallhi, wa'billi watalahi, jangan sekali-kalai Ahli Yang Berhormat itu memandang serong ke atas integriti saya dan saya tidak ada kaitan saya nak sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak ada kaitan langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pemegang AP kerana ini semua adalah ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa yang diketuai oleh Ketua Setiausaha saya sendiri dan kita amat bermegah dengan integriti kita melaksanakan apa yang dikehendaki oleh kerajaan dan apa yang dikehendaki oleh Dewan yang mulia ini.

Jadi Yang Berhormat janganlah seronok bercakap, celupar mulut di sini. Saya kalau kata lain kata, tapi jangan dicabar integriti saya dan jangan dicabar integriti keluarga saya. Saya tidak hendak lagi jawab soal ini.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dia dah jawab, cukuplah, tak payah, sila duduk. Bintulu. Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan dari Menteri. Soalan tambahan, kita sudah, AP sudah jadi satu perkara huru-hara dalam negara kita. Jadi saya mahu bertanya sikit, apakah rasional Yang Berhormat Menteri mengatakan polisi pengeluaran AP akan ditarik balik dan adakah kerajaan bercadang untuk tender AP. Terima kasih.

Dato' Seri Rafidah binti Abdul Aziz: Sebenarnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri, sila duduk dulu sebelum menjawab. Kita ada pengumuman.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kehadiran Tuan Yang Terutama Islam Karimov, Presiden Republik Uzbekistan *[Tepuk]* yang hadir ke majlis kita hari ini berserta pegawai-pegawai beliau. Beliau diiringi oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya bagi pihak Majlis ini mengalu-alukan lawatan beliau ke Malaysia dan ke majlis ini. Moga-moga lawatan beliau ini akan mengeratkan lagi hubungan dua hala di antara Uzbekistan dan negara Malaysia.

Yang Berhormat Menteri sila.

Dato' Seri Rafidah binti Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita di Malaysia adalah negara tunggal di dunia yang mengamalkan sistem Pemberian AP untuk import kereta, tidak ada lagi lain negara di dunia dan kalau mengikutkan keperluan WTO, sepatutnya tidak ada dasar AP ini

Tetapi Malaysia berhujah di dalam WTO oleh kerana kita hendak membangunkan syarikat-syarikat bumiputera, hendak memenuhi kuota bumiputera dan hendak melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, maka kita telah pertahankan dasar AP ini di dalam WTO. Itulah sebabnya mereka tidak boleh ambil apa-apa tindakan kerana kita kata kita banyak sosioekonomi *agenda*, dengan izin, yang melibatkan bumiputera dan ini adalah dasar khusus untuk bumiputera.

Mengenai sama ada ditarik balik atau tidak, itu keputusan kerajaan dan jelas bahawa selagi kita belum mencapai keseluruhan matlamat kita dalam membangunkan sektor ini untuk bumiputera, maka tidak bolehlah kita buka atau kita tarik balik satu dasar

yang telah berjaya mengetengahkan bumiputera, dan lagi yang kedua, kerana dasar ini seperti saya katakan dalam jawapan saya tadi telah melindungi dengan berjaya industri kereta tempatan terutamanya industri kereta nasional.

Kalau kita tarik balik AP ini seperti yang kalau boleh dituntutlah seperti yang saya katakan, oleh negara-negara lain, maka apa hal industri kereta automatif, apa hal Proton, Perodua, tanpa sesiapa dapat kawal? Semua orang boleh bawa masuk kereta import. Tidak payah mohon kepada sesiapa. Tidak payah mohon AP, bawa sahaja masuk. Maka kerana itulah sungguhpun WTO tegas mengatakan ini bukan satu dasar yang dibolehkan tetapi kerana kita ada agenda sosioekonomi kita, maka kita pertahankan di WTO dan insya-Allah, kita akan terus pertahankan.

Yang penting ialah supaya bila kita lihat industri automatif ini secara menyeluruh, APnya, kereta nasionalnya, *assembly*nya, komponennya, maka dalam Dasar Automatif Negara yang baru ini, insya-Allah, kita akan dapat lihat apa yang kerajaan sendiri boleh buat dan apa yang industri itu sendiri boleh buat, menjadikan Malaysia satu daripada *hub* ataupun pusat serantau industri automatif di wilayah ini. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya...

Tuan Lim Kit Siang: *Point of Order*, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: *Point of Order* 26(1)(p) ialah mengenai "usul berkenaan dengan hak dan kebebasan semasa kejadian itu berlaku." Tadi Yang Berhormat Menteri MITI ada buat satu tuduhan yang sangat serius bahawa saya ada buat fitnah dalam soalan tambahan saya dalam Dewan yang mulia ini. Ini satu fitnah, ini tentu kalau benar, satu pelanggaran hak keistimewaan seseorang. Saya cadang bahawa usul saya ialah "bahawa Dewan buat satu keputusan merujuk Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan mengenai ucapan tuduhan..."

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah...

Tuan Lim Kit Siang: ...ucapan Yang Berhormat Menteri MITI." Ini serius!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Ipoh Timur.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Kit Siang: Habiskan saya dahulu. Saya ada hak berdiri kemukakan usul saya. Saya serius. Saya rela buat begitu oleh kerana saya tidak buat fitnah. Apa yang saya kata itu bukan fitnah tetapi Yang Berhormat Menteri perlu jawab, khasnya mengenai skandal korupsi saham itu, bukan fitnah, bahawa....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bahawa tidak apa, saya sebutkan.

Seorang Ahli: Syok sendiri!

Tuan Lim Kit Siang: Saya cadang bahawa Dewan yang mulia ini merujuk Yang Berhormat bagi Ipoh Timur kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan mengenai tuduhan Yang Berhormat Menteri MITI bahawa beliau ada buat fitnah dalam Dewan ini. Ini serius. Bolehkah kita membenarkan fitnah? Saya harap ada penyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang: Ha, penyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payahlah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh berdiri di sini dan kata apa-apa sesuka hati. Ini serius, kita anggap itu serius, bukan main-main, bukan syok sendiri. *[Ketawa]* Tetapi kalau kita anggap ini serius, kita pergi jawatankuasa, ada satu siasatan mengenai perkara ini termasuk kenapa AP diberi kepada MP, sama ada ada bersangkut paut dengan skandal korupsi Yang Berhormat Menteri mengenai saham menantu beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah. Ahli Yang Berhormat, menteri sudah datang beri jawapan di sini, saya ingat tidak ada asas yang kukuh untuk perkara itu. Saya tidak membenarkan usul itu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut, teruskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of Order 26(1)(p).*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tidak benarkan, Yang Berhormat. Saya sudah beri penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak benar atau dibenarkan, tidak bersangkutan paut dengan menteri datang atau tidak datang. Ada menteri yang hari-hari datang. Dia dalam 600 hari, datang satu hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: 30 hari apa guna? Itu bersangkutan paut. Penolakan apa-apa usul perlu di atas sebab yang konkrit, yang berasaskan *parliamentary practice*, bukan oleh kerana menteri datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh oleh kerana menteri datang, usul ditolak, tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat. Saya sudah jelaskan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, itu usul saya kemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah jelaskan. Ya, Yang Berhormat bagi Larut sila teruskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, soalan tambahan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Tidak ada asas, menteri sudah hadir.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terus, terus, Yang Berhormat bagi Larut. Duduklah Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, kita dikelirukan dengan penjelasan-penjelasan tentang AP ini. Matan Perdana Menteri mengatakan bahawa Proton rugi, MITI kata

untung. Cukup mengelirukan. Laporan audit mengatakan *under declaration*, dengan izin. Jadi saya mintalah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan tentang kereta nasional yang kita sama-sama bangga, kita sama-sama hendak lihat lebih maju di tanah tumpah darah kita ini sendiri, alih-alih mengatakan bahawa tidak boleh bersaing. Kereta import boleh masuk dengan pengeluaran AP kepada individu-individu tertentu, sedangkan kereta kita hendak bawa masuk ke negara lain, tidak boleh.

Apakah langkah-langkah MITI, pihak Yang Berhormat, dalam menangani masalah ini? Ini merupakan kereta nasional, sedangkan ia dikatakan, diumumkan oleh bekas Perdana Menteri kita sendiri yang terlibat dalam menjayakan kereta nasional ini. Jadi saya minta tolonglah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sejelas-jelasnya supaya tidak dikelirukan lagi masalah ini. Terima kasih.

Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz: Terima kasih. Saya pun tidak tahu apa yang keliru kerana saya tidak pernah menyebut tentang untung rugi Proton kerana saya sendiri tidak mengawal Proton. Itu adalah terpulang kepada syarikat mengumumkan untung atau rugi. Mengenai angka yang saya sebut tadi ialah menunjukkan tempahan...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat, saya tidak sebut Yang Berhormat yang sebut, syarikat yang sebut.

Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz: Tidak tahulah saya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pihak MITI, saya tidak sebut Yang Berhormat. Lagi keliru saya!

Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz: MITI pun tidak sebut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi minta Yang Berhormat tolong perjelaskan.

Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz: MITI tidak pernah sebut untung rugi Proton kerana kita tidak mengawal Proton. Jadi hendak rekodlah, MITI tidak pernah menyentuh soal Proton rugi atau tidak. Yang kita tahu ialah berapa dia keluarkan, berapa di jual, itu kita tahu kerana kita menyimpan rekod.

Mengenai mengapa kita tidak boleh masuk ke negara lain, tidak benar. Kereta-kereta daripada Malaysia bebas untuk menerokai mana-mana pasaran. Yang masalahnya ialah ada kita ini kompetitif menjual kereta kita di luar negara. Itu pokok pangkalnya. Contohnya, Protonlah mula-mula sekali menjual ke negeri China, Yang Berhormat, tetapi hanya setakat 20 kereta sahaja dapat dijual waktu itu. *[Disampuk]* Jadi saya pun tidak tahu mengapa tidak diteruskan *aggressive promotion*, dengan izin,

di negeri China. Masa itu China belum ada kereta automatif dia, kita masuk dulu, 20 kita jual tetapi selepas itu tidak ada susulan. Saya pun tidak tahu mengapa. Padahal hari ini kita tahu pasaran China berpuluh juta. Jadi kalau kita masuk 20 unit, tambah 200 unit, jadi 2 ribu atau 20 ribu, saya rasa kita sudah menerokai pasaran.

Begitu juga Proton telah mula masuk ke Australia dan Turki. Bukan tidak buat, buat, ini cerita Proton ya. Tetapi kenalah kita tanya syarikat, mengapa tidak disusuli *aggressive promotion* eksport itu. Jadi tidak ada halangan. Saya hendak beritahu terus terang, tidak ada mana-mana negara di dunia melarang atau menyekat kereta Malaysia dijual di negeri sana dan kita juga tidak melarang tetapi menyekat dengan ada siling 10%. Inilah hakikatnya. Jadi kalau kita boleh setanding dari segi harga, saya rasa tidak ada masalahnya. Kalau setanding dari segi kualiti model, boleh dibuat. Jadi ini pun kita telah sebut kepada Proton supaya mengadakan strategi eksport yang komprehensif kerana pasaran ada. Dengan AFTA ini kita boleh menjual.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah pengeluar terbesar kereta kenderaan motor *passenger* di ASEAN dan kita ketiga pengeluar terbesar kenderaan komersial di ASEAN. Jadi maknanya kita ada kekuatan tetapi kenalah kita agresif memasarkan kereta kita seperti agresifnya kereta-kereta import dipasarkan di Malaysia. Ini adalah strategi syarikat. Kerajaan tidak boleh membantu kecuali membantu cara sampingan dengan insentif, dengan menolong memberi geran, memberi apa juga pakej-pakej kewangan untuk eksport.

Selain daripada itu, terpulang kepada syarikat sendiri untuk mengeksport dan memastikan kita bertapak dalam eksport. Jadi itulah penjelasan. Sebenarnya tidak keliru kalau kita tengok secara rasional, tidak keliru, jelas. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pasal individu tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang akhirlah, Yang Berhormat bagi Jasin.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang individu tadi.

Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz: Oh, yang individu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang ada *showroom* tidak dapat, yang tidak ada *showroom* dapat.

Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz: Untuk AP terbuka, sudah lama dibekukan semenjak tahun 1987 lagi. Yang terbuka semenjak 1997 adalah AP francais atau import

tunggal yang mana saya sudah bagi syarat tadi, ia mesti 70% bumiputera, mesti ada *franchise agreement*, bukan hasrat sahaja hendak berniaga, tidak. Mesti ada tanda tangan perjanjian francais atau import tunggal dengan pihak asing. Sainlah dengan *Toyota*, sainlah dengan *Daimler Chrysler*, sainlah dengan *General Motors* di luar negara. Dan di mana dalam kontrak itu dinyatakan syarikat ini telah diberi hak milik tunggal membawa masuk jenama yang tertera dalam kontrak.

Kadangkala disebut juga berapa setahun mesti dibeli dan pembelian mesti dibuat *direct* daripada luar negara, daripada *principle* yang berkenaan, kerana ini terhad, AP tidak boleh dijual kerana ia *designated models*, dengan izin, dan *principle* itu menentukan model apa. Tidaklah sembarangan kepada individu. Individu tidak boleh dapat, ia mesti syarikat, 70% milik bumiputera. Jadi itulah yang dibuat dan semua ini berasaskan perjanjian. Tidak ada *agreement*, tidak usah cakap. Sudah banyak yang ditolak. Mungkin yang bising itu sebab ditolaklah kot yang di luar ini. Tidak tahulah saya. Tetapi yang ada *agreement* yang *valid*, dengan izin, yang mana kita ada *lawyer* di kementerian, tiap-tiap *agreement* ini, ada dua *lawyer* saya di kementerian daripada *AG's Chambers*. *Vet agreement* ini, sama ada MOU ke atau perjanjian sebenar. MOU tidak pakai. Ia mesti perjanjian yang mesti ada *seal* ke, apalah, mengikut kontrak.

Agreement yang tidak ada kesahihan ditolak. Itu sebabnya yang layak daripada yang ramai meminta ialah cuma setakat ini ialah 37 syarikat. Boleh dikatakan hampir semua, kalau tak semua adalah milik bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jasin, ringkaskan soalan, Yang Berhormat bagi Jasin, terus.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ringkaskan tetapi ini masalah besar, Tuan Yang di-Pertua, [*Disampuk*] dan saya hendak soalkan ini soalan tambahan bagi pihak rakan saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan [*Tepuk*] kerana Malaysia mengatakan kemerosotan jualan kereta nasional disebabkan lambakan AP. Saya hendak tanya di mana rasionalnya MITI? Kalau mengikut dari apa yang disebutkan oleh Menteri MTI tadi bahawa kuota AP hanya 10% dan dicampur lagi 10%. Tetapi kalau kita lihat pada 2003, mengikut data yang dikeluarkan oleh *Malaysian Automobile Association*, kereta yang dikeluarkan di dalam negara, *passenger* dan juga komersial hanya 424,107. Kalau 10% campur 10%, 46 ribu sahaja. Tetapi AP yang dikeluarkan oleh MITI ialah 62,677. [*Tepuk*]

Pada 2004, pengeluaran kereta *passenger* dan juga komersial ialah sebanyak 471,975, sepatutnya siling 10% *plus* 10% hanya 51,917 tetapi mengikut angka yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, 67,158. [Disampuk]

Soalan saya yang kedua, memang menteri tadi cakap hendak menolong bumiputera. 76 syarikat bumiputera diberi AP terbuka. Kalau terbuka, kata terbuka semua. [Ketawa] Tetapi malangnya di dalam AP itu dicap oleh MITI, boleh import kereta kecuali kereta *Audi* tidak boleh, *Bentley* tidak boleh, *Cadillac* tidak boleh, *Chevrolet* tidak boleh, *Citroen* tidak boleh, *Daimler* tidak boleh, *Ferrari* tidak boleh, *Fiat* tidak boleh, *Hyundai* tidak boleh, *Impul* tidak boleh, *Jaguar* tidak boleh, KIA tidak boleh, *Kleemen* tidak boleh, *Lancia* tidak boleh, *Opel* tidak boleh, *Ford* tidak boleh, *Honda* tidak boleh, *Porsche* tidak boleh, *Rolls Royce* tidak boleh, *Saab* tidak boleh, *Rover* tidak boleh, *Scoda* tidak boleh, *Smart* tidak boleh, *Wald* tidak boleh, *Lamborghini* tidak boleh, *Alfa Romeo* tidak boleh, *Suzuki* tidak boleh, *Mitsubishi* tidak boleh, yang boleh apa? [Ketawa] Dan kita tahu syarikat-syarikat bumiputera ini bermula dahulu membawa masuk kereta-kereta daripada luar, kereta-kereta *second hand*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:bumiputera ini bermula dulu membawa masuk kereta-kereta dari luar, kereta-kereta *second-hand*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Soalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini penting, Tuan Yang di-Pertua. Rakyat Malaysia tidak kenal *Honda* kalau tidak usaha dari orang-orang ini yang import *second-hand* dahulu, tahun 70-an, tahun 80-an tetapi mengapa sekarang kereta terpakai oleh 76 AP bumiputera ini tidak dibenarkan membawa *second-hand* lagi, apatah lagi yang baru sebagaimana disebut tadi. Apa rasionalnya, Menteri MITI, hoi?

Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, angka 66 ribu lebih itu ialah mesti lihat begini. Angka yang kita beri dalam 2004 memang kita lulus RM66,000 tetapi sebenarnya dalam kelulusan 2004 itu ada yang diluluskan bulan September, ada yang diluluskan bulan Oktober, ada yang diluluskan Ogos, yang mana setahun bagi syarikat luluskan hujung tahun itu ialah Oktober yang satu lagi.

Jadi, yang sebenarnya *effectively*, dengan izin, sungguh, katalah hari ini kementerian luluskan 500 untuk sebuah syarikat, tetapi kelulusan itu tidaklah dihabiskan

untuk diimport tahun ini juga. Ia boleh import daripada hari ini, 4 Oktober sehinggalah 4 Oktober 2006, jadi kita akan terpaksa buat *rationalization*, import sebenar bagi tahun-tahun yang sedemikian. Tetapi kalau ikut pengeluaran memanglah setakat, pada nampaknya 66 ribu. Saya harap Yang Berhormat dapat memahami, 66 ribu tetapi setengah itu dikeluarkan bulan Ogos.

Jadi, *expiry date*, dengan izin, Ogos tahun depan. Ia sebenarnya boleh import lima bulan sahaja nilai kereta bagi tahun 2004, sungguhpun ia diluluskan 500 kerana *effective datenya* setahun untuk mana-mana permit. Bukan tidak ada *confusion*. Kita diminta keluarkan AP, kita tulislah RM66 ribu, tetapi setengah itu dikeluarkan sebenarnya untuk tahun 2006 baru ia boleh *start*. Kalau dikeluarkan bulan November, satu pun tidak masuk, ia akan masuk tahun 2006.

Mengenai cap-cap terhad, ini ialah untuk memastikan bahawa orang yang sudah dapat kontrak daripada *principal* luar negara yang mengehadkan sama ada *Hondakah*, *Chevroletkah*, tidak kiralah, maka merekalah menjadi pengimport tunggal jenama itu dan merekalah yang berhak untuk mengimport jenama sedemikian kerana mereka ada kontrak. Jadi, pihak lain dihadkan daripada membawa masuk jenama yang telah dibolehkan bawa masuk melalui import tunggal oleh francais melalui *agreement*.

Yang boleh dibawa masuk oleh AP terbuka yang telah berjalan sejak tahun 1970 ialah motokar *second-hand* boleh bawa masuk. Jenama-jenama yang tidak terhad di bawah *agreement principle* dengan *sole importer* tadi boleh dibawa masuk. Boleh, tidak ada hadnya, cuma mengikut JPJ sahaja berapa tahun usia kereta. Yang pentingnya ialah kita ingat orang-orang yang mendapat AP terbuka ini sudah 35 tahun berniaga dan saya telah lama berpesan kepada mereka, hendaklah mereka mula melihat. Bahkan merekalah yang dahulunya saya beri umum tahun 1997 mengenai dasar francais.

Apabila telah dipersetujukan dasar import tunggal dan francais diberi dalam bulan Mac, tidak salah saya tahun 1997, saya telah memanggil semua pemegang AP terbuka menerangkan inilah dasar baru kita. Kerana kita beku jadi dia tidak boleh buat lain, saya kata kita buka dengan cara francais dan *sole importer*, merekalah orang yang pertama saya beri maklum di kementerian saya, dan saya telah berpesan kepada mereka carilah francais, pergilah *negotiate* atau runding *sole import distributorship* dari jenama luar, dari *principal* asing.

Bahkan saya teringat lagi, Pengerusi PEKEMA, Datuk Hamid, beliau antara yang pertama dalam tahun itu juga mendapat francais Fiat kerana beliau mendengar kata kita. Dia pergi cari Fiat, dapat francais Fiat tetapi yang lain ini tidak pergi berusaha mencari francais. Yang berusaha mencari francais ialah orang-orang baru yang tahu ada dasar baru ini, telah bertungkus-lumus, berunding dengan *principal* dari luar. Itulah ada SKUDA. SKUDA itu ialah *Czechoslovakia*.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu faham, tidak pernah dengar kereta *Czechoslovakia* ini. Ada bumiputera pergi ke *Czechoslovakia*, cari republik, cari, ada kereta SKUDA. Sama ada laku atau tidak laku, itu cerita lain tetapi dia *sign agreement*. Dan, diikutilah oleh, saya kata tadi 37 syarikat bumiputera yang sanggup berdepan dengan *principal-principal* di luar negara dan berjaya mendapat francais, berjaya mendapat tahap *sole distributor*.

Pada pendapat saya, inilah usahawan-usahawan yang dibanggakan, bukan dia niaga 23 AP, 20 AP, tidak. Ribu! Dan, kepada sayalah hendak membangun 37 usahawan bumiputera yang mampu mendapat kepercayaan syarikat-syarikat terbesar dunia adalah satu kebanggaan. Saya rasa kalau syarikat-syarikat dunia ini tidak yakin kepada syarikat bumiputera ini, tidak bagi francais ini. Dia tidak bagi, dia tidak tandatangan. Dia yang menilai. Sudah dapat tandatangan, *agreement* barulah kita keluarkan AP.

Jadi, saya harap ini akan dapat dilihat secara objektif, dan saya ingin tegaskan bahawa semuanya ini diambil perhatian dalam menggubal Dasar Automatif Negara yang baru dan kita kena lihatlah secara menyeluruh, bukan hanya setakat PROTON atau Perodua kerana kita ada juga *assembles*, saya katakan tadi, 9 *assembles*, kita ada motosikal, kita ada komponen, kita ada peralatan. Sudah saya kata eksport komponen semakin meningkat, 1.8 ribu juta eksport komponen dari Malaysia. Ini membanggakan.

Jadi, saya berharap kita tunggulah bersama-sama, Tuan Yang di-Pertua, diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dasar Automatif Negara yang baru. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron [Rantau Panjang]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapakah jumlah projek kerajaan yang tergendala mengikut negeri-negeri dan apakah punca sebenar perkara ini boleh berlaku.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Saya ingat tidak ada, sudah habis. *[Ketawa]* Ubah Parlimen jadi satu Menteri jawab satu hari lebih baiklah. *[Disorak]* Itu lebih senang. Tidak payah kita semua datang ke Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah projek kerajaan di bawah kendalian Kementerian Kerja Raya yang dianggap tergendala mengikut negeri-negeri boleh dikategorikan kepada dua kumpulan, iaitu projek yang lewat melebihi tiga bulan dan yang kedua projek yang belum disiapkan selepas tamat tempoh kontrak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah projek yang lewat melebihi tiga bulan adalah sebanyak 20 projek, iaitu:

Negeri	Angka
Johor	3
Kedah	3
Kelantan	2
Melaka	5
Pahang	3
Selangor	1
Terengganu	1

Manakala, jumlah projek yang belum disiapkan selepas tamat tempoh kontrak adalah sebanyak 34 projek, iaitu:

Negeri	Angka
Johor	4
Kedah	6
Kelantan	2
Melaka	1
Negeri Sembilan	4
Pahang	4
Perak	3
Perlis	2
Pulau Pinang	1
Selangor	1
Terengganu	2
Kuala Lumpur	3
Kelantan	1

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya, punca-punca kelewatan projek-projek tersebut adalah seperti berikut:

- (i) kelemahan kontraktor dari segi kewangan dan pengurusan;
- (ii) masalah pengambilan balik tanah;
- (iii) perubahan reka bentuk yang tidak dapat dielakkan;
- (iv) perubahan skop kerja;
- (v) masalah berkaitan utiliti seperti pengaliran paip air, kabel elektrik dan telekom; dan
- (vi) kekurangan bahan binaan seperti besi pada tahun 2004.

Sekian.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Apakah langkah-langkah drastik yang boleh dilakukan oleh kementerian ini bagi mengatasi kelewatan-kelewatan tersebut di kedua-dua kategori yang disebutkan tadi? Dan, adakah termasuk salah satu projek yang masih belum siap semenjak 20 tahun dahulu, iaitu pusat penyembelihan yang berada di Gual Periuk, Jajahan Pasir Mas. Selama 20 tahun masih tidak boleh digunakan hingga sekarang ini.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Kerja Raya telah mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi masalah ini. Yang pertamanya, seperti apa yang saya sebut tadi, ialah masalah pengambilan balik tanah yang menjadi satu masalah punca yang besar. Oleh kerana itu, kita akan menjalankan beberapa aktiviti sekarang iaitu:

- (i) penjadualan semula kerja-kerja supaya kerja boleh bermula di mana tiada masalah tanah nampak bertompok-tompok;
- (ii) bantu pejabat tanah dari segi peralatan dan kakitangan;
- (iii) beritahu pejabat tanah keutamaan pengambilan tanah;

Tindakan yang kedua:

- (i) berkenaan dengan masalah utiliti bermula daripada Rancangan Malaysia Ketujuh, Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan, senarai dimajukan ke utiliti;
- (ii) membuat utiliti *mapping* untuk memudahkan utiliti tahu penglibatan mereka;
- (iii) maklumkan dan dijemput pada setiap mesyuarat;
- (iv) penjadualan semula;

- (v) beritahu keutamaan kawasan kerja.

Masalah pada pihak utiliti pula ialah tidak ada peruntukan dan lewat mendapat peruntukan.

Masalah kelemahan kontraktor membina:

- (i) membuat bayaran pendahuluan jika dipohon;
- (ii) membuat bayaran kerap dua kali sebulan;
- (iii) membuat bayaran terus kepada pihak-pihak tertentu jika diminta;
- (iv) meluluskan sebarang permohonan yang lengkap dengan segera;
- (v) memberi khidmat nasihat teknikal.

Tuan Yang di-Pertua, inilah tindakan-tindakan telah dan sedang diambil oleh Jabatan Kerja Raya untuk mengatasi masalah seperti apa saya kata tadi.

Satu lagi soalan daripada Yang Berhormat tadi, projek yang belum selesai untuk 20 tahun lagi. Oh! Ini selepas saya jadi Menteri empat tahun, masalah itu sudah sampailah. Jadi, saya minta Ahli Yang Berhormat beri saya butir-butir, saya akan mengambil tindakan dan juga kita akan mendedahkan siapa yang bertanggungjawab untuk kerja i tu. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah pun menyenaraikan projek-projek tergendala. Ada satu kriteria projek tergendala yang mungkin boleh menarik minat pihak kementerian. Projek ini tergendala tetapi sudah boleh digunakan oleh pengguna-pengguna. Jadi, apakah sikap kementerian terhadap projek-projek yang tergendala ini tetapi telah digunakan oleh pengguna dan ada yang sudah kena saman pun di atas jalan projek yang tergendala tersebut.

Sebagai contoh Yang Berhormat Menteri, projek sepatutnya empat lorong tetapi disempurnakan dua lorong sahaja, jadi yang satu hala dua lorong tadi dijadikan dua hala oleh pengguna-pengguna. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kadangkalanya apabila kita meluaskan jalan, di mana jalan sudah ada dua lorong, kita memberi kebenaran kepada kenderaan-kenderaan untuk menggunakan jalan yang sedia ada, masa kita meluaskan jalan yang baru. Jadi, itulah satu cadangan yang kita dapat daripada Jabatan Kerja Raya. Jikalau kita menutup jalan itu, kita akan menghadapi lebih banyak masalah untuk penduduk-penduduk di kawasan tempatan di mana kerja-kerja itu sedang dijalankan. Terima kasih.

5. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan program-program di bawah *'Third Industrial Master Plan'* (IMP3) yang boleh membantu kerajaan menarik pelaburan langsung asing (FDI) dan sasarannya dari segi nilai, skop dan bidang pelaburan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Beluran yang perlu dijawab pada 20 Oktober kerana soalan-soalan ini ada berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Pelan Induk Perindustrian Ke-2 (IMP2) iaitu jangka masa 1996 hingga 2005, memberi fokus kepada pembangunan industri nilai tambah yang tinggi dan tambah nilai, dengan izin, *value change*, serta industri berkelompok iaitu, dengan izin, *industrial cluster*.

Pencapaian IMP2 dapat dilihat dari beberapa segi. Di antaranya:

- (i) pertumbuhan dan sumbangan sektor perkilangan kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK) kepada eksport dan kepada guna tenaga, juga jumlah dan kualiti pelaburan dalam sektor perkilangan dan pembangunan industri berkelompok;
- (ii) dari segi pertumbuhan dan sumbangan sektor perkilangan kepada KDNK, eksport dan guna tenaga dalam tempoh 1996 hingga 2004 sektor perkilangan terus berperanan sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 6.4%.

Sektor perkilangan telah menyumbang sebanyak 31.4% kepada KDNK, 78.4% kepada jumlah eksport dan 20.3% kepada jumlah guna tenaga pada tahun 2004. Eksport produk perkilangan telah meningkat dengan kadar purata tahunan sebanyak 11.3% kepada RM376.8 ribu juta dalam tahun 2004 iaitu daripada jumlah RM154.7 ribu juta pada tahun 1996 iaitu mulanya pelan induk perindustrian itu.

Bagi tempoh 1996 hingga Julai 2005, jumlah pelaburan yang telah diluluskan dalam sektor perkilangan adalah sebanyak RM254 ribu juta iaitu melebihi jumlah RM250 ribu juta yang disasarkan dalam tempoh ataupun bagi tempoh Pelan Induk Perindustrian Kedua (IMP2).

Tuan Yang di-Pertua, melalui usaha-usaha yang berterusan yang dilaksanakan oleh kerajaan, sektor perkilangan telah beralih kepada aktiviti yang mempunyai nilai

tambah yang lebih tinggi. Ini dapat dilihat dari segi pelaburan dalam industri berteknologi tinggi, perindustrian modal dan pengetahuan. Antara subsektor yang telah menarik pelaburan dalam projek berteknologi tinggi dalam tempoh IMP2 termasuklah *electrical electronic*, turap logam dibentuk, dengan izin *fabricated metal product*, kelengkapan saintifik dan pengukuran serta kimia dan produk kimia.

Beberapa kelompok industri telah dapat diwujudkan, di antaranya dalam subsektor *electrical electronic* bertempat di Pulau Pinang, teknologi maklumat dan komunikasi di Koridor Raya Multimedia, Automotif di Tanjung Malim (Perak) dan Gurun (Kedah) serta petrokimia di Kerteh (Terengganu) dan di Gebeng (Pahang).

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga pula, untuk jangka masa 2006 hingga 2020, yang dijangka dilancarkan pada awal tahun 2006, beberapa teras akan diperkenalkan untuk mengukuhkan lagi sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan atau *services* dengan izin ke arah merealisasikan visi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Antara teras, dasar dan strategi yang sedang dikaji termasuklah:

- (i) meningkatkan daya saing negara bagi menghadapi cabaran global;
- (ii) menjadikan sektor perkhidmatan atau dengan izin *services* sebagai sumber pertumbuhan utama;
- (iii) mengintegrasikan syarikat-syarikat Malaysia ke dalam rangkaian pengeluaran, dengan izin, *production net works* dan rangkaian bekalan dengan izin *supply chain* di peringkat serantau dan global;
- (iv) mengekalkan sumbangan penting sektor perkilangan kepada pertumbuhan negara;
- (v) menggalakkan pertumbuhan industri dan perkhidmatan yang berintensif teknologi dan pengetahuan;
- (vi) meningkatkan peranan institusi sektor swasta dalam pembangunan perindustrian negara;
- (vii) membangunkan modal insan yang inovatif dan kreatif;
- (viii) meningkatkan keberkesanan institusi kewangan dan sokongan dan mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih *condusive* serta membaiki kekesan serta penyampaian perkhidmatan kerajaan dan menumpukan kepada usaha-usaha untuk menarik

pelaburan asing atau dengan izin, *foreign direct investment* yang berkualiti dalam industri nilai tambah yang tinggi, berintensif teknologi dan pengetahuan di samping menggalakkan pelaburan dari sumber domestik ke dalam sektor-sektor dan aktiviti yang telah digalakkan; juga

- (ix) memperkenalkan insentif-insentif fiskal dan pakej kewangan yang lebih menarik kepada syarikat-syarikat dalam industri-industri dan sektor-sektor sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi skop pula, IMP3 akan meliputi tiga sektor utama iaitu:

- (i) perkilangan,
- (ii) perkhidmatan, dan
- (iii) pertanian.

Antara sektor yang sedang dikenal pasti untuk dimajukan seterusnya dan ini termasuklah:

- (i) sektor *electrical electronic* seperti dengan izin *photonic* dan *nan-technology* dalam petrokimia seperti dengan izin *high value added polymers* dan *specialty petrochemical*;
- (ii) bidang *pharmaceutical* seperti dengan izin *bio-pharmaceutical* dan *oncology product*;
- (iii) perkhidmatan ICT seperti, dengan izin *high value sheet services* dan *out*
- (iv) *sourcing* termasuklah dengan izin *business process outsourcing* juga dalam bidang *biotechnology* seperti dengan izin *biodegradable plastics and high serial palm oil*;
- (v) industri berasaskan sumber seperti dengan izin *biofeul* dan *specialty glove* dan industri berasaskan pertanian seperti dengan izin *convenience food and food ingredients* serta produk-produk halal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa cukup, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Masih bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukuplah.

Masa bagi pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

LETUPAN BOM DI PULAU BALI, INDONESIA

11.20 pagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2), saya Salahuddin bin Haji Ayub [Kubang Kerian] mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu letupan bom di pulau peranginan Bali di Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, pada tanggal 1 Oktober 2005, lebih kurang jam 6.50 petang sekali lagi pulau pelancongan Bali, Indonesia telah digegarkan dengan enam letupan bom secara serentak dan setakat usul ini ditulis telah mengakibatkan korban seramai 23 orang dan mencederakan 51 orang yang lain yang kebanyakan adalah terdiri daripada pelancong-pelancong asing.

Rakyat Malaysia saya yakin dan Parlimen ini amat kesal dan pastinya mengutuk sekeras-kerasnya akan tragedi malang ini, apatah lagi ianya berlaku di negara jiran kita Indonesia. Situasi serta senario malang yang sedang melanda negara-negara jiran kita seperti Thailand dan Indonesia mutakhir ini sangat menyulitkan kerajaan dan rakyat negara ini yang pastinya menyulitkan hubungan diplomatik kita. Keganasan di atas nama apa dan siapa sekalipun tidak boleh diizinkan berlaku di dunia ini.

Saya berdiri sekali lagi pada hari ini sebagai mewakili Ahli-ahli Parlimen Malaysia adalah bukti bahawa kita tidak rela berlakunya pertumpahan darah, pembunuhan beramai-ramai, pencabulan hak asasi manusia dilakukan oleh siapa-siapa sahaja tanpa mengira bangsa, agama dan di mana sahaja seperti mana usul-usul yang saya

kemukakan dalam Dewan yang mulia ini yang melibatkan isu keganasan di Selatan Thai, pengeboman WTC dan kota raya London.

Islam adalah ajaran yang sangat melarang dilakukan pembunuhan kepada mana-mana individu yang tidak berdosa. Saya sangat bimbang sekiranya isu ini dan insiden ini tidak dapat diselesaikan dengan segera maka rantau Asia Tenggara akan terus menjadi percaturan politik kuasa-kuasa besar dunia yang memang sangat cenderung menuding jari kepada negara umat Islam dan Islam itu sendiri sebagai penganas dan pelaku keganasan. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada 3 Oktober 2005. Teks ucapan itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (i) ia tertentu – perkara ini adalah perkara tertentu;
- (ii) kepentingan orang ramai – ia adalah bagi kepentingan orang ramai, dan
- (iii) berkehendak disegerakan – pada fikiran saya, ini tidak memerlukan perbincangan segera di Dewan Rakyat ini.

Dalam menangani masalah keganasan serantau ini, langkah-langkah sesuai termasuk kerjasama di antara pihak keselamatan kedua-dua negara sedang giat berjalan. Sebarang perbincangan mengenai isu tersebut mungkin menjejaskan usaha-usaha di dalam membanteras keganasan juga menyukarkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia terjejas. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2005****Bacaan Kali Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, dibacakan kali yang pertama oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya); akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2006****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2006**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2006 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada tiga puluh bilion lima ratus dua juta empat puluh empat ribu enam ratus ringgit (RM35,502,044,600) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2006, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2006, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 21 Tahun 2005, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut hendaklah disahkan.” **[3 Oktober 2005]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sambung. Yang Berhormat ada 15 minit Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Semalam saya kata setengah jam. Setengah jam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi sekarang 15 minit.

Tuan Lim Kit Siang: Saya cepat. Saya cepat. Tidak lebih daripada setengah jam.

11.27 pagi.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Tuan Yang di-Pertua, negara dan Ahli-ahli Parlimen tunggu begitu lama. Yang Berhormat Menteri MITI datang untuk menjawab, harap ini akan - beliau tahu saya akan menyentuh dalam perkara ini. Dia lari dan keluar Dewan. Dia tahu yang saya akan sentuh, berucap mengenai perkara ini, kenapa dia lari. Dia kata dia tidak lari tetapi sekarang dia sudah lari. Saya harap dia ada di luar, dia boleh balik ke Dewan yang mulia ini untuk mendengar apa Ahli-ahli Parlimen berucap dalam perkara yang di bawah kementeriannya. Kalau ini sangat tidak bertanggungjawab.

Tadi dia pun gagal untuk memberi jawapan yang memuaskan. Dia kata bahawa saya buat fitnah dan apabila bercadang baik, perkara ini dirujuk kepada Jawatankuasa Hak Keistimewaan, semua takut. Saya tidak takut. Kenapa? Oleh kerana inilah fakta, apa latar belakang di mana keputusan dibuat pada tahun 1997 di mana AP diberi ke Ahli Parlimen. Kenapa dahulu semenjak tahun 1970 apabila AP diperkenalkan, tidak ada peruntukan untuk pemberian AP kepada MP, kenapa? Kenapa baru tahun 1997 barulah ada keputusan dibuat untuk memberi AP kepada MP. Saya mahu tanya adakah oleh kerana untuk membeli *silence* Ahli-ahli Parlimen mengenai skandal korupsi Yang Berhormat Menteri mengenai pemberian saham First Allied dan Universal Leader berjuta-juta saham kepada menantu beliau Fazrin dan Azwar dan ini bukan direka oleh saya. Ini ada ditanya dalam Parlimen, ada ditanya di luar Parlimen dan itu soalan. Kita mahu dia kata ini keputusan Kabinet bukan keputusan beliau.

Baik, siapa *power* kepada Kabinet? Siapa membawa perkara ini kepada Kabinet? Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri (Tun Dr. Mahathir) beberapa hari dahulu berkata dia tidak tahu dalam perkara ini. Dia tidak tahu bahawa Ahli-ahli Parlimen ada diperuntukkan dengan AP. Kalau keputusan dibuat oleh kabinet adalah perkara ini *dismuggle* dalam kabinet sehingga Perdana Menteri pun tidak tahu.

Kalau ada perkara ini *dismuggle* dalam Kabinet, siapa yang *smuggle*, kalau bukan Yang Berhormat Menteri MITI? Kalau begitu kita mahu perkara ini disiasat. Sebab itu saya rela perkara ini dirujuk kepada *Committee of Privileges* oleh kerana

barulah kita ada satu peluang untuk siasat dengan mendalam latar belakang keputusan ini oleh kerana ini bukan antara hak keistimewaan Ahli-ahli Parlimen.

Setiap penggal apabila Ahli-ahli Parlimen datang yang baru, apabila mereka mendapat surat rasmi daripada Jabatan Parlimen mengenai hak keistimewaan mereka, tidak termasuk AP, bukan? Tidak ada AP kata mereka ada hak dapat AP, tetapi inilah asing daripada hak keistimewaan Ahli-ahli Parlimen yang diberikan oleh MITI. Kenapa? Saya mahu tahu kenapa? Daripada tahun 1997 dan masa itu apabila satu hari tahun ini saya datang, semua Ahli-ahli Parlimen datang ke Dewan yang mulia ini kita tengok surat daripada MITI dan menawarkan Ahli-ahli Parlimen boleh dapat satu AP masa itu saya rasa *outrage*. Pada masa itu saya rasa *outrage* ini satu *blithen attempt* oleh Menteri MITI untuk membeli *silence* Ahli-ahli Parlimen mengenai skandal korupsi AP dan sebab itu saya tidak ada bukti.

Sebab itu saya tidak rela untuk dapat AP, saya tidak tahu sama ada selepas itu 1999 Kabinet kemudian membuat keputusan bahawa ini menjadi bahagian hak keistimewaan, itu saya tidak tahu. Tetapi itu masa perasan saya. Ini bukan ciptaan saya. Oleh kerana kita tahu bahawa sebenarnya pada 14 Mac 1995, pejabat Peguam Negara ada membuat satu perakuan, pada masa itu Ketua Bahagian *Prosecution* (Pendakwaan) sekarang Tan Sri Ghani Patail, Peguam Negara.

Masa itu dia *Head of Prosecution*, dia ada buat suatu perakuan bahawa Yang Berhormat Menteri ada *prima facie evidence* Yang Berhormat Menteri adalah salah dan boleh didakwa atas tuduhan rasuah mengikut Seksyen 2(2) Ordinen 22/1997 oleh kerana beliau ada bersabit dengan *conflict of interest*.

Inilah *official paper* atas lima sebab:

- (i) selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembahagian Saham Bumiputera MITI yang meluluskan 1.5 juta saham dalam Leader Universal Holdings Berhad kepada menantunya Pasrin Azwa Mohd Noor;
- (ii) meluluskan permohonan Fazrin Azwar bagi menjual 450,000 unit saham tersebut;
- (iii) untuk meluluskan permohonan Fazrin Azwar bagi menjual 315,000 unit saham tersebut;
- (iv) untuk meluluskan permohonan Fazrin Azwar bagi menjual 335,000 unit saham tersebut; dan

- (v) meluluskan pembahagian 4.1 juta unit saham FACD First Allied kepada Fazrin Azwar.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada Menteri Dalam Negeri.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak tanya Yang Berhormat, isu apa Yang Berhormat bangkitkan ini adakah Yang Berhormat sedar dalam sesi Parlimen yang lepas, kita sudah berbincang panjang lebar.

Saya pada masa itu menjawab soalan ini dalam Parlimen sebagai Setiausaha Parlimen. Pada masa itu kita sudah jawab dah. Saya sudah jawab *detail* dah. Tetapi Yang Berhormat nampaknya ketinggalan zamanlah sebab penggal lepas dia tidak jadi Ahli Parlimen. Dia pun tidak ikut perkembangan Parlimen, tidak baca surat khabar. Hari ini, bawa lagi isu lama. Jadi ini buang masa Yang Berhormat, nyanyi lagu yang lama. Saya sudah terang dah, baca *Hansard* lebih baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat *lucky* fasal dia tidak di sini. Kalau ada di sini, tidak begitu senang Yang Berhormat, tidak boleh lari daripada perkara ini. Dia *lucky*, dia *run away from me*. Jawab sekarang. Tengok saya boleh terima tidak boleh terima. Itulah mustahak. *Unacceptable* oleh kerana inilah suatu serius, satu *recommendation* untuk mendakwa, untuk tidak *arrest and prosecute the minister*, dia lari. *One of the 18 sharks* lari dan *escape*, bukan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Hendak suruh saya jawab sekarang? Saya masih ingat apa yang

Tuan Lim Kit Siang: Tidak apalah, tidak apalah. Itu kita boleh balik. Saya sudah tidak ada masa.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak. Saya hendak jawab benda ini Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, mahu beri laluan?

Tuan Lim Kit Siang: Masa sudah suntuk, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat siap nyanyi lagu lama lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak bagi laluan. Tadi bagi laluan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ehh buka lagu barulah, Yang Berhormat. Buang masalah!

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak bagi laluan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini nyanyi lagu lama, buang masa sahaja. Hendak suruh jawab, saya boleh jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Nanti. Dan ini.....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah jawab dah lama dah Yang Berhormat benda ini.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara yang hendak benar, tidak benar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ipoh Timur pengecutlah. [*Dewan gamat seketika*]

Tuan Lim Kit Siang: Perkara yang benar tidak benar, selain daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, ini tidak benar. Ini *official paper* tidak benar. Mana boleh tidak benar. Oleh kerana ia diserahkan kepada siapa? Diserahkan pada masa itu oleh Timbalan Perdana Menteri Anwar Ibrahim dan dia ada buat satu *police report*. Dia *give it to him as an Deputy Prime Minister* dan kedua kalau *official paper* itu tidak benar.....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang: Nanti. Saya tidak bagi, kerana masa sudah suntuk. Kalau *official paper* itu tidak benar, kenapa Ezam didakwa dan *diconvicted* oleh kerana melanggar *Official Secrets Act*? Benar melalui undang-undang, dia melanggar *Official Secrets Act* tetapi ini menunjukkan *that is an official paper*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak beri jalankah tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Itu benar, itu benar. Saya tidak bagi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Dia boleh jawab. Masa sudah tidak banyak.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Isu ini Yang Berhormat, kita sudah debat lama dah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Masa, *I have no time, I have no time*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya sudah setahun lepas saya boleh ingat.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau saya boleh buat *injury time*, okey. Boleh saya dapat *injury time*?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada, tidak ada Yang Berhormat, ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak. Bukan *injury time*. Ini buang masa.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau saya boleh ada *injury time*, saya bagi. Bolehkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada masa. Saya ada 10 minit.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ehh, nyanyi lagu lamalah. Tukar lagu barulah.

[Dewan gamat seketika]

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Membuat bising]*

Tuan Lim Kit Siang: Bukan lagu lama.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sudah lama.

Tuan Lim Kit Siang: Lagu lama..... Kalau betul kita mahu bersih, kerajaan yang bersih.....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Itu sebab kita

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ehh, Yang Berhormat pengecut, pengecut, bagilah peluang dia jawab. Jawablah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Bagi laluan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, berapa lama ini Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ipoh Timur pengecut!. *[Keadaan tegang]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia tidak bagi laluan.

Tuan Lim Kit Siang: Lagu lama bukan erti.....

Seorang Ahli: Cakap banyak. Dalam jawatankuasa, buang masa. *[Dewan gamat seketika]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau bagi *injury time*, saya bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Timur, berapa lama lagi cakap?

Tuan Lim Kit Siang: Saya berani....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nyanyi lagu lamalah. Tutup bukulah Yang Berhormat. Tutuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup. Cukuplah Yang Berhormat. Cukup. [*Dewan gamat seketika*] [*Keadaan di luar kawalan*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya pohon Speaker bagi masa lebih untuk Menteri jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Ooh boleh, nanti. Ini *injury time*. Sampai pukul 12.00.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini lagu lama, kita pun tidak hendak dengar dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini, hendak bagi jalankah tidak?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, kalau bagi *injury time*, saya boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalankah tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan ambil alasan itu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bagi saya masa yang cukup untuk habis ucapan saya. Boleh? Boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya boleh, saya bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, berapa lama lagi Ipoh Timur bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah saya bagi 15 minit tadi, ya. Hendak bagi jalankah tidak Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Fasal saya hendak bercakap juga Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kacau dia, lamalah dia bercakap.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau saya boleh.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tidak kacau. Saya hendak tanya sama. Sebab itu saya hendak cakap.

Tuan Lim Kit Siang:..Kalau dapat. jaminan saya boleh habiskan ucapan saya, saya akan beri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dari semalam saya tunggu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan beri jalan kepada semua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ipoh Timor, tolong pendeklah. Kita pun mahu bercakap.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bagilah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Penakut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan. Teruskan, teruskan ucapan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan penakut. Pengerusi sana.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dia mahu jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak ada janji.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bagilah jawapan. Bagilah peluang.

Tuan Lim Kit Siang: Saya boleh bagi, kalau saya diberi jaminan. *Injury time? Injury time?*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak payahlah. Cakaplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Injury time.*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Penakut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya mohon jasa baik Tuan Yang di-Pertua bagi masa sedikit untuk Timbalan Menteri jawab untuk *clear*kan ini..

Tuan Lim Kit Siang: Saya dituduh bahawa menyanyikan lagu lama. Saya bangga oleh kerana lagu lama untuk kebaikan, untuk menghapuskan rasuah, kita patut semua berani menyanyikan lagu lama itu. Kalau menggunakan *excuse* ini supaya mahu meneruskan korupsi dan penyalahgunaan kuasa, inilah apa yang kita rasa malu. Ini memalukan. Apa silap menyanyi lagu lama oleh kerana mahu masyarakat yang lebih baik, negara yang lebih baik?

Puan Chong Eng: Lagu P. Ramlee.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. *Stupid. Stupid* idea.

Seorang Ahli: Hey, cakap banyaklah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Hey, *you* bagilah Timbalan Menteri jawab kalau *you* berani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak hendak bagi jalan Yang Berhormat? Tidak bagi jalan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Penakut.

Tuan Lim Kit Siang: *Injury time?*

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Cakap pandai tetapi tidak berani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terpulang kepada dia.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau ada *injury time*, saya bagi jalan. Bukan saya tidak mahu bagi jalan, saya tidak ada *injury time*. Kalau saya ada *injury time*, saya bagi jalan.

Puan Chong Eng: Buang masa.

Seorang Ahli: Bagi, bagi *injury time*, bagi jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Ini benar oleh kerana.....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: You bagi peluang menteri jawab. Kenapa mahu biadab?

Tuan Lim Kit Siang: Mahu menjadi pembela korupsi dan jawatankuasa dalam Dewan yang mulia ini.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: You kalau berani betul, you bagi peluang jawab. You jangan tuduh dia korupsi. [*Dewan gamat seketika*]

Tuan Lim Kit Siang: bagi *injury time*. Bagi *injury time*.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] [*Keadaan riuh-rendah*]

Beberapa Ahli: [*Bangun*] [*Menyampuk*]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak ada asas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.....
Yang Berhormat.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat.....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bagi peluang Timbalan Menteri jawab. You penakut, pengecut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat,
Yang Berhormat Ipoh Timor.....

Tuan Lim Kit Siang: Jangan menjadi juara rasuah di dalam Dewan yang mulia ini.

Puan Chong Eng: Ya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: You tidak berani bagi peluang dekat dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri.....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: You cakap sahaja. You tidak berani, tidak bertanggungjawab.

Seorang Ahli: Kena keluar.

Tuan Lim Kit Siang: Juara rasuah, kenapa?

Puan Chong Eng: Kalau menteri berani, menteri datang.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau saya *injury*.....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya cabar kamu semua, bagi peluang Timbalan Menteri jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak bagi jalan atau tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Dato' Speaker....

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan beri jalan kalau saya diberi *injury time*.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:demi keadilan dan untuk membersihkan nama, saya minta Yang Berhormat bagi masa untuk dia.....

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Pandai cakap tetapi penakut. Cakap banyak, hati kecil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Semua yang lain sila duduk.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Menyampuk*] [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini bukan lagu Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak ikut perkembangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak bagi jalankah tidak?

Tuan Lim Kit Siang: *Injury time?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, saya bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Ada *injury time?* Dia *injury time*, okey.

Beberapa Ahli: Haa, macam itulah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey, saya hendak bagi *clear* benda ini. Tahun lepas, penggal lepas telah kita bincang begitu hangat isu ini. Saya masih ingat, saya yang jawab. Betul, kertas kerja itu memang ditandatangani oleh Tan Sri Ghani Patail pada masa itu Ketua Pendakwaan. Dia pada masa itu Ketua Pendakwaan tetapi dia bukan Peguam Negara. Tetapi setelah Tan Sri Ghani Patail berjumpa dengan Peguam Negara pada masa itu, dia berbincang beberapa isu.

Maka, pada masa itu didapati bahawa setelah berbincang dengan Peguam Negara, Peguam Negara berpendapat tidak ada kes untuk mendakwa menteri pada masa itu. Saya hendak bagi satu contoh. Macam kata Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat cakap satu perkara, kemudian Yang Berhormat ada ketua, ketua Yang Berhormat. Apa jua *statement* Yang Berhormat buat, katalah Yang Berhormat dulu sebagai seorang pemimpin, kemudian Yang Berhormat setiausaha, buat salah satu keputusan. Kemudian bila rujuk kepada ketua Yang Berhormat, setelah berbincang balik, bermakna ketua Yang Berhormat lebih berpengalaman dalam beberapa persoalan, ketua Yang Berhormat bersetuju bahawa kes apa Yang Berhormat cakap itu tidak benar ataupun mungkin boleh dipertikaikan kerana kena ingat bahawa kuasa untuk mendakwa ialah kuasa Peguam Negara dan pada masa itu telah berbincang, didapati tidak ada kes untuk dibawa.

Kerana kalau kita bawa ke mahkamah, orang yang didakwa, dia akan panggil peguam dia, ada peguam bela. Kalau satu isu macam itu tiba-tiba kalah, Yang Berhormat akan tuduh pula, ini nanti berpakat pula, mahkamah buat pendirian berat sebelah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, benda ini kita sudah panjang lebar, kita sudah bincang waktu Izam ditahan pada masa itu. Malah kita buat usul kat sini. Tetapi Yang Berhormat ungkit-ungkit, cerita apa ini Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Baik.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Lagu lama. Saya bukan ketua. Itu cerita lama, Yang Berhormat cuba ungkit benda yang sudah kita *clear* benda ini, kita sudah terangkan. Pada masa itu Ahli-ahli DAP pun ada. Yang Berhormat sahaja yang tidak ada. Yang Berhormat tidak percayakah kepada DAP pada masa itu hadir? Masa itu, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun ada, Yang Berhormat bagi Bagan pun ada, ramai lagi yang ada pada masa itu, Yang Berhormat sahaja kalah, pada masa itu.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, okey.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita sudah bincang panjang lebar.

Tuan Lim Kit Siang: Okey, orite.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak percayakah kepada wakil-wakil yang ada?

Tuan Lim Kit Siang: Okey, habis. Habis.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tutuplah cerita lama.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih. Ini menunjukkan, ya! itu *procedural*, penjelasan *procedural*. Saya sudah terima, oleh kerana kita tidak tahu atas apa sebab keputusan dibuat di mana pengakuan Tan Sri Ghani Patail itu ditolak. Adakah oleh kerana ada campur tangan Perdana Menteri pada masa itu, Tun Dr. Mahathir. [Disampuk] Masa itu, Tun Dr. Mahathir ada kata, tiga kali dia selamat, Yang Berhormat Menteri MITI. Ada kali itu, itu satu kali antaranya. [Disampuk] Adakah itu satu daripada tiga kali Yang Berhormat Menteri selamatkan Yang Berhormat Menteri MITI daripada pergi penjara. [Disampuk] Adakah? Sebab itu saya rela dirujuk kepada *Committee of Privileges* oleh kerana kita mahu tahu. Adakah ini satu kali di mana beliau diselamatkan oleh Tun Dr. Mahathir, diselamatkan daripada mahkamah, diselamatkan daripada penjara? Boleh jawab, bagi?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini nampaknya Ketua Pembangkang dia cuba kait isu yang lain. Kalau Yang Berhormat betul-betul tulus, kita kena percaya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ini nampaknya tidak sudah, Tuan Yang di-Pertua. Orang lain hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua. Susahlah masalah ini.

Tuan Lim Kit Siang: Sudah dijinakkan. Tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu saya boleh balas *anytime*.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, ini satu tuduhan.

Tuan Lim Kit Siang: *No, serious. Committee Privilege* boleh pergi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apabila dia bercakap, cakap soal *separation of power*. Saya bagi tahu tadi *separation of power*. Apa kena mengena Perdana Menteri dengan Peguam Negara? Apa juga kesnya Yang Berhormat, apa juga kes yang berlaku mahkamahkah, pendakwaankah, kalau pembangkang kalah, dia kata kerajaan campur tangan, pemimpin campur tangan. Kalau dia menang, dia cakap kerajaan tidak campur tangan. Ini apa pendirian macam ini? Kena tegas. Jangan waktu kalah kutuk kerajaan.....

Tuan Lim Kit Siang: Ini bukan ucapan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: bila menang. Barulah dia kata kerajaan adil.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, bukan ucapan. Sudah habislah, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini tuduhan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan sudah habis. Ini bukan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan ucapan, tidak payah penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan teruskan. Ini bukan apa saya kata, ini apa bekas Perdana Menteri kata, tiga kali dia selamatkan Yang Berhormat Menteri MITI, tiga kali. Apa tiga kali? Bolehkah nanti dalam *winding up* kita diberitahu, apa tiga kali. Adakah melanggar undang-undang, menyalahkan undang-undang? Adakah ini antara satu daripada tiga kali itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya! Tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading pun mahu campur tangan. Dia sudah dijinakkan [*Disampuk*] Kita baca surat khabar, dengan izin. *Two MPs in the dock*, Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya kasihan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya ingat

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti! Saya rasa kasihan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tarik baliklah perkataan 'jinak'. Mana ada 'jinak'?

Tuan Lim Kit Siang: Saya penuh dengan simpati, saya penuh dengan sokongan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: You tarik baliklah perkataan 'jinak'.

Tuan Lim Kit Siang: Saya sokong, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu menghinalah, 36(6). Itu menghinalah. Tiada ada jinak, tidak apalah. Biasa sahajalah, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Dijinakkan, okey.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu Yang Berhormat bagi Sri Gading suka dijinakkan dan inilah budaya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Masa cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Selalu dijinak-jinakkan. *Every now and then*, perlu dijinakkan. Apa yang mustahak di sini, hal Barisan Nasional saya tak mahu campur tangan tetapi kenapa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata bahawa, dengan izin, *“Najib said under the parties policy and practice, Barisan Nasional MPs cannot support a motion by an opposition party. As such you have informed the two MPs involve, they express their regret and effort their apologies.”* Kita di pihak pembangkang selalu dikritik sebagai *opposition for opposition seek*. Ini menunjukkan apa? Mereka yang *guilty, opposition for opposition seek* ialah Barisan Nasional. Tidak boleh sokong apa-apa usul pembangkang. Betul pun tidak boleh sokong. *Isn't this opposition for the seek of opposition*. Ini sikap Barisan Nasional. Sekurang-kurangnya, semalam kita ada Ahli-ahli Barisan Nasional yang berani, bukan sahaja Yang Berhormat bagi Sri Gading, bukan sahaja Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya percaya semua yang ada di sini. Saya ucapkan syabas, *congratulations, you have some guards only for yesterday*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 10 minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: *Just now injury time*. Setengah jam tadi, *injury time*. Saya baru berucap 20 minit dan itu *injury time*. Saya akan cepat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu *self-inflicted injury*.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan *self-inflicted injury*, ini *government injury* dan *implicate by the chair* pun oleh kerana campur tangan dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Saya cepat. Topik ini pada prinsipnya. Saya harap bahawa Kabinet esok bincang perkara Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, bukan sahaja lepaskan mereka, puji mereka oleh kerana keberanian mereka, kelantangan mereka, [*Tepuk*] tetapi pun hapuskan *rule* ini, peraturan ini yang tidak boleh....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua,....

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak ada masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: walaupun Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pergi, sebenarnya saya dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tidak bersetuju sama sekali dengan apa pun yang pembangkang punya pendapat, kami bertentangan.

Tidak pernah sama. *[Disampuk]* You punya pujian ini bagi saya lagi masuk lubang, lagi dalam tau.. Ini sokong bawa rebah punya.

Tuan Lim Kit Siang: Okeylah, okeylah. Cukuplah. Boleh berucap, nanti ucapan beliau. Dia tidak ada floor.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kita memang tidak pernah berkompromi, kita bertentangan. *[Disampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Dia tidak ada floor.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Okey. Bolehlah, kita tahulah, semalam ada ucap atau tidak ucap. Apa yang kita tengok, tidak tengoklah. Apa yang dilaporkan semua tidak betul. Aiya.....*So, pathetic. [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *You must do all that to safe yourself?* Okey, okeylah. *You must do all that to safe yourself, I say okeylah, poor* Yang Berhormat bagi Sri Gading, *poor* Yang Berhormat bagi Kinabatangan, *poor soul*. Begitu takut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan.....

Tuan Lim Kit Siang: Itu hal yang lain, okey. Tetapi saya berharap bahawa Kabinet esok hapuskan *rule* ini. Kita mahu satu *vibrant Parliament*. Apa yang betul, boleh sokong. Dalam dasar kerajaan, okey, tetapi apabila perkara yang berlaku di bawah 26 (1) (*p*) mengenai hak keistimewaan, serta-merta yang cetus inilah terpulang kepada Ahli-ahli Parlimen untuk buat keputusan. Benar tidak benar, sokong tidak sokong. Ini satu *rule*, kalau tidak ada, *its out dated*, saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bolehlah hapuskan dan umumkan tidak ada *rule* lagi semacam itu. Betul, dasar kerajaan, sul Kerajaan mesti ada *web*, tetapi perkara ada *room* sedikit dan saya harap bahawa kita boleh menuju kepada satu Parlimen, satu era, sebenar-benarnya cemerlang, gemilang dan terbilang dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Habis, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Bukan, ada sepuluh *item*. Tidak boleh, 10 *item* saya cepat. *I'll quick run*. Saya tidak ada masa untuk *develop* satu isu, tetapi *at least* saya menyentuh sahaja. Ada perkara yang mustahak, saya harap saya tidak ada masa untuk *developed the issue-issue* tetapi tajuk sahaja. Saya harap bahawa Yang Berhormat menteri-menteri yang berkenaan akan beri jawapan dalam perkara ini.

- (i) *Klang Port Authority* di mana ada membeli tanah RM1.8 bilion dengan harga RM27 per *square feet*. Kenapa RM1.8 bilion dan lepas itu lagi satu RM2 bilion. RM3 bilion projek, yang ada disifatkan sebagai *the rate of Klang*. Walhal pada masa yang sama pihak-pihak yang berkenaan akan jual tanah, *wanted 1/3* harga sahaja. Kenapa perkara ini boleh berlaku? Kenapa Pengerusi KPA, Yang Berhormat bagi Serdang tidak ada kuasa untuk siasat dalam perkara. Saya tahu semua perkara dia *excluded*, Menteri pun tidak ada kuasa. Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu siasat perkara KPA, dia ditahan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Diberitahu ini, *you stay out*. Kenapa? Ini skandal besar, saya harap. *I have no time to develop. I'll take half and hour*, saya tidak akan, tetapi saya harap.

Tuan Yang di-Pertua: Baik Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang:

- (ii) Mengenai Ipoh-Rawang *double track*, pun lagi satu isu yang besar. Harga yang asal ialah RM4.6 bilion sekarang bukan sahaja 4, 5 tahun *delay*, tetapi akhirnya harga sampai RM6 bilion. Kenapa? Ini pun ada terlibat skandal *party corruption* dalam perkara ini.
- (iii) Saya harap satu siasatan, satu *explanation* yang sepenuhnya dalam *winding up* mengenai universiti-universiti, *excellence* mengenai krisis universiti di negara kita. Baru-baru ini kita tengok satu iklan, '*UM Alumni of great frame - University of Malaya 100 years*', semua orang tunjuk *excellence*. Apa contoh *excellence*? Wah! Menteri-menteri, Setiausaha-setiausaha and Menteri Besar-Menteri Besar yang *graduate* dari UM. Adakah ini *the real examples models of excellence*. Bukan! Ada orang yang *corrupt* di sini pun. *[Ketawa]* Ada kaki *corrupt* di sini. Kenapa? *Excellence* ialah ada cara-cara bagaimana kita mahu meningkatkan tinggi kriterianya. Tidak ada sebut dalam perkara ini, ada soalan tidak diberi jawapan yang baik. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi akan datang beri jawapan yang baik mengenai *interference* mengenai *appointment*, tidak *respect* mengenai akademik *excellence*, *mark authoritarian*, tukar *marking* di mana tidak ada *promotion* kakitangan

atau akademik-akademik universiti tidak mengikut kriteria, *political favoritism*. Baru-baru ini mengenai *election university students* di kampus. Ianya semua *undemocratic*, tidak memberi contoh yang baik untuk mahasiswa-mahasiswi. Bagaimana boleh menjadi *good citizen* apabila lepas dari universiti?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat terus gulung.

Tuan Lim Kit Siang: ... terakhir bahawa NNP - *New National Policy* mengikut satu jawapan yang diberi olehsaya harap ini pun tidak akan ditarik balik. Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan kepada Yang Berhormat Seputeh mengenai 30 syarikat *capitalization* yang terbesar kita boleh tengok bahawa sebenarnya penyertaan bumiputera *corporate stake* 33%. Kalau kita tambah Khazanah sudah 45% lebih daripada 30% dan semua ini kita perlu bincang dengan rasional dalam perkara ini. Oleh kerana tidak ada masa saya harap bahawa dengan *final quick submission* mengenai 4 tujuan bajet strategi:

- i) *Implementing proactive government measure to accelerate economic activities - This will be abused oleh kerana over-spending and corruption.*
- ii) *Providing a business-friendly environment - inconsistent with NGP, bureaucracy, corruption unless it means friendly to a selected group bumiputera businesses which the rest of the speech and a unashamedly review.*
- iii) *Developing human capital - inconsistent with operative laws, bureaucracy, lack of freedom information act, also spending in education so massive that only a free and vibrant press and a very noisy parliament can check any of these.*
- iv) *Enhancing the well-being and quality of life of Malaysians. This fourth prong will cause more deficit in the implementation, it is not transparent and well-checked by Parliament.*

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat daripada Ledang.

11.52 pagi.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan bajet yang proaktif. Kita harus lihat daripada sudut yang positif. Sekadarkan kita sekarang berada dalam ruang lingkup tahun 2005 abad ke 21 menjelang pencapaian negara maju tahun 2020. Kita bersyukur kerana kemerdekaan negara Malaysia telah melahirkan rakyat yang berfikiran matang dan ke hadapan. Mereka juga mampu berfikir secara kritis. Mereka tidak boleh diputarbelitkan apatah lagi dibohongi oleh sesiapaupun. Inilah realiti dan hakikat nikmat kemerdekaan hasil perjuangan pemimpin-pemimpin agung Allahyarham Dato' Onn, Al Marhum Tunku Abdul Rahman dan disambut oleh Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussein, Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir juga mendapat kerjasama erat dari tokoh-tokoh China dan India seperti mendiang Tun Tan Siew Chin, mendiang Tun Sambanthan dan bukan Chin Peng atau lain-lain lagi.

Hakikat kehidupan di sebuah negara yang maju ini mesti akan terus berdepan dengan cabaran dan negara boleh musnah jika gagal menanganinya. Justeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sering menekankan tentang *powering personality* dan salah satunya ialah integriti yang merangkumi seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira pangkat, warna kulit, daerah atau wilayah. Percayalah rakyat akan terus menilai tahap dan status integriti di negara kita ke atas semua perkhidmatan yang dicurahkan kepada seluruh rakyat Malaysia dalam semua sektor sama ada swasta lebih-lebih lagi awam.

Justeru jika amalan mesra rakyat itu perlu dibayar maka kita harus sensitif dengan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap segala keperluan, segala persoalan yang menyentuh integriti mestilah dirungkai sebelum rakyat membuat keputusan yang negatif terhadap aspirasi gagasan integrasi integriti sebagai mana saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita boleh bandingkan program realiti di dalam TV seperti mentor, mencari cinta dan sebagainya. Saya sebagai generasi yang lahir selepas zaman kemerdekaan menerima hakikat bahawa itu adalah satu keperluan walaupun ramai yang menentanginya tetapi saya pandang daripada sudut yang positif. Mungkin ada perkara-perkara yang negatif tetapi kita harus bimbing supaya program realiti ini boleh dijadikan satu asas bahawa rakyat Malaysia sebenarnya ingin berinteraksi dalam apa jua keadaan. Umum menerima saranan dan gagasan Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kerajaan yang dipimpin adalah sebuah kerajaan yang mesra rakyat. Maknanya ada interaksi di antara kerajaan, pemimpin dan juga rakyat jelata. Ucapan penghargaan Yang Berhormat Tan Sri ialah saya hendak tujukan kepada semua pegawai-pegawai kerajaan yang sentiasa setia di dalam Dewan ini dahulu dan sekarang kerana hasilnya ialah mereka telah pun mencatat dengan cemerlang segala perbincangan yang dibuat di dalam Dewan ini dan sebagai buktinya bahawa kebanyakan daripada perkara-perkara yang dibincangkan itu dicatat dan menjadi sebahagian daripada cadangan yang disampaikan di dalam ucapan bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Contohnya soal bahan bakar, penggunaan NGB, tiket pengangkutan awam secara bersepadu, peruntukan jambatan rosak dan lain-lain semuanya terkandung di dalam ucapan tersebut.

Tetapi saya yakin masih banyak lagi ruang perbaikan gagasan perkhidmatan berintegriti dan mesra rakyat apabila satu persatu rakyat menuntut pembelaan untuk kesejahteraan kehidupan kita. Begitu juga soal-soal berkaitan dengan perkara yang pada persepsi rakyat wajar mendapat jawapan yang telus dan masuk akal bukannya jawapan yang dihamburkan oleh pemimpin kepada rakyat zaman feudal ataupun mungkin zaman terkemudian iaitu zaman pop ye ye walaupun lagu pop ye ye masih suka mendengar. Rakyat menuntut jawapan yang

Datuk Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Ledang. Saya juga tertarik dengan ucapan Perdana Menteri dalam bajet terhadap integriti dan sebagainya. Kita melihat keadaan yang berlaku di negara kita sekarang ini apabila jalan rosak di kampung lebih kerap daripada tidak pemimpin yang dicari oleh rakyat ialah pemimpin-pemimpin politik (wakil rakyat). Jambatan roboh misalnya wakil rakyat dipanggil dan diminta untuk mengendalikannya.

Tetapi dalam hakikat yang sebenarnya kewangan dipegang oleh pegawai kerajaan, peruntukan perancangan kewangan dipegang oleh kakitangan-kakitangan kerajaan, pengeluar kewangan waran dan sebagainya dipegang oleh kakitangan-kakitangan kerajaan. Dalam konteks yang *real* ini kita melihat bahawa wakil rakyat dipertanggungjawabkan secara berat oleh masyarakat kampung dan masyarakat yang memerlukannya. Tetapi dalam hakikat yang sebenarnya wakil rakyat tidak mempunyai

kuasa untuk melaksanakan menjadikan benda itu realiti tetapi sebaliknya merupakan pegawai kerajaan.

Dalam ucapan Yang Berhormat antara pemimpin-pemimpin wakil rakyat dan antara dibandingkan dengan pegawai kerajaan apakah soal menjaga integriti ini harus dilihat lebih serius di kalangan kakitangan kerajaan berbanding dengan wakil rakyat atau pemimpin politik.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Beluran. Saya menyebut tadi pada saya semua mempunyai tanggungjawab untuk merealisasikan perkhidmatan awam yang berintegriti sama ada yang merangkumi pemimpin di peringkat pengurusan ataupun perkhidmatan di peringkat pentadbiran dan sebagainya. Kalau boleh masukkanlah ucapan Yang Berhormat bagi Beluran tadi ke dalam ucapan saya.. *[Ketawa]*

Saya hendak membawa satu contoh tentang pembinaan lebuhraya KL-Putrajaya. Walaupun perkara ini bukan di kawasan saya tetapi apabila timbul isu bangunan retak, apabila timbul isu ketidakcukupan jarak antara lebuhraya dan bangunan yang dipersoalkan oleh rakyat. Rakyat menuntut sesuatu jawapan yang rasional bukannya jawapan naik kereta lembu atau sebagainya balik ke zaman dahulu kala, tidak.

Soalnya ialah isu jarak bangunan. Di dalam undang-undang seragam bangunan termaktub jarak di antara jalan raya ke bangunan rumah ialah 20 kaki. Lembaga Lebuhraya sendiri menetapkan tidak kurang daripada 19 meter tetapi yang berlaku di sini ialah 2.3 meter. Ini yang rakyat persoalkan. Kalau pun itu sebagai satu peraturan baru saya ingin menegaskan di sini bahawa rakyat meminta satu jawapan yang rasional bukannya jawapan yang tidak masuk akal ataupun mungkin juga ada pilihan lain bagaimana kita boleh memberikan satu penyelesaian kepada masalah yang timbul – soal bangunan retak. Dari segi teknikalnya saya pandang kerana berlaku penurunan paras air. Penurunan paras air dari dalam tanah kerana penggalian lubang yang sebesar 20 kaki dalamnya 40 kaki lubang 10 kaki maaf saya tadi dalam 40 kaki automatik jarak antara lubang ke lubang tadi tu 16 meter. Secara logiknya dari segi teknikal paras air turun maka tanah-tanah yang memegang cerucuk ataupun asas bangunan akan menjadi lemah dan akan menyebabkan bangunan turun. Apabila kita tengok bangunan retak saya cukup simpati kepada mereka.

Inilah Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang perlu kita jawab oleh pemimpin, oleh perkhidmatan awam supaya rakyat benar-benar memahaminya. Begitu juga soal-soal lain tentang kurangnya perancangan dan penguasaan yang profesional atas sebab-sebab yang mungkin berkaitan dengan harga dan sebagainya. Rakyat menuntut sesuatu yang termaktub di dalam undang-undang, bukannya rakyat menuntut sesuatu yang di luar undang-undang. Dalam undang-undang. Dalam undang-undang yang memang rakyat sedia maklum.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya integriti perkhidmatan awam akan dipersoalkan oleh rakyat kerana rakyat tidak dapat berinteraksi secara terus dan mendapat jawapan yang rasional daripada mereka yang berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menjurus ucapan saya kepada sesuatu yang dinanti-nantikan oleh orang awam iaitu penggunaan sumber tenaga dan bahan bakar alternatif. Alhamdulillah, dalam usaha untuk melancarkan penggunaan NGV, kerajaan telah memutuskan akan membayar geran RM50 ribu bagi setiap bas monogas hingga akhir tahun 2008. Kerajaan juga akan memberi pengecualian dalam bentuk duti import dan cukai jualan ke atas *chassis* dengan enjin monogas serta *conversion kit*.

Malahan kerajaan juga akan memberi galakan ke atas semua pembangunan-pembangunan *reticulation* paip gas. Kerajaan juga akan menambahkan lagi stesen gas runcit menjual gas ini sebanyak dua kali. Kalau sekarang ada 51, mungkin kita akan ada dua kali ganda pada akhir 2007. Mudah-mudahan dengan penekanan baru oleh kerajaan tersebut, akan dapat merealisasikan penggunaan NGV sebagai salah satu alternatif kepada penggunaan bahan bakar.

Walau bagaimanapun, insentif yang lebih komprehensif seperti *conversion kit* untuk enjin petrol dan diesel, insentif *repowering engine diesel*, insentif pembinaan stesen gas NGV dan insentif-insentif lain yang berkaitan perlu disediakan. Dan segala usaha yang baik akan terkubur sekiranya perlaksanaannya tersasar daripada matlamat. Sama ada pemasangan, pembekalan dan pengusaha industri NGV hendaklah tidak dimonopoli oleh satu-satu pihak supaya akan wujud satu pelaksanaan yang menuju ke arah matlamat yang sebenar yang telus dan bersaing secara sihat, supaya rakyat tidak mempersoalkan integriti kerajaan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan supaya, pertamanya semua kenderaan rasmi kenderaan terutamanya mungkin bas rasmi pengangkutan termasuk di Parlimen, lori ke van ke, menggunakan NGV yang sedang

diusahakan oleh Kerajaan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan Johor kerana kenderaan rasmi mereka telah menggunakan NGV.

Dan Tuan Yang di-Pertua mungkin juga wajar dan boleh dijadikan satu contoh kalau setiap kawasan Parlimen mempunyai satu stesen NGV maksud saya tadi, stesen menjual gas runcit bagi setiap kawasan Parlimen. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, penggunaan gas asli secara besar-besaran sudah lama dijalankan di negara-negara lain berbanding di Malaysia. Sehingga hari ini, Malaysia hanya mempunyai 51 buah stesen NGV. Berbanding dengan Argentina yang memiliki 1,300 buah stesen, dengan jumlah kenderaannya, 1.4 juta. Amerika Syarikat pula memiliki 1,200 buah stesen NGV untuk kegunaan lebih kurang 7 juta buah kenderaan, mungkin lebih. Jumlah penggunaan NGV gas di Jepun juga telah meningkat kepada 30 ribu buah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan bahawa mungkin Petronas tidak berapa bersungguh-sungguh membangunkan penggunaan gas NGV kerana terdapat sebab-sebab seperti berikut: pertamanya, produk utamanya hanya petrol dan diesel; bukannya NGV; kedua, tidak mendapat kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan ataupun pejabat tanah; ketiga, infrastruktur *lateral pipe line* yang tidak mencukupi; dan yang keempat, promosi NGV hanya ditumpukan sebagai bahan bakar mesra alam sahaja.

Untuk menggalakkan penggunaan NGV di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan dan swasta perlu berganding membangunkan pusat integrasi pembangunan gas asli seperti yang merangkumi perkara-perkara berikut:

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, kita wajar ada pusat teknologi, latihan enjin diesel untuk ditukar kepada NGV. Sebab enjin diesel pun boleh menggunakan NGV, bukan setakat enjin petrol semata-mata.

Kedua, pusat teknologi pembuatan badan bas, lori dan enjin bot nelayan buatan Malaysia yang menggunakan gas asli ataupun NGV. Ketiga, pusat stesen NGV yang berkuasa kuasa 12,000 sentimeter tiub setiap jam, dengan purata pengisian untuk bas dan lori, 96 liter dalam masa 6 minit. Bukannya kita masukkan gas mengambil masa sampai setengah jam, itu yang menyebabkan Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana tidak efisien tadi, maka berlakulah *queue* yang panjang di stesen-stesen penjualan NGV.

Keempat, ruang pameran untuk kenderaan berenjinkan NGV supaya orang ramai faham tentang kadar sebenar menggunakan silinder sendiri di dalam kenderaan

masing-masing. Tidak perlu tiub yang besar, tidak perlu tong gas yang besar macam di dapur itu, dan ia tidak sama sekali menyebabkan ruang barang yang sempit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di peringkat permulaan ini, kalau boleh menyediakan stesen bergerak untuk pengisian secara cepat NGV di lokasi-lokasi yang tertentu kerana stesen gas itu tadi belum begitu banyak.

Kelima, menggalakkan kalau boleh Tuan yang di-Pertua, seberapa banyak media elektronik dan media cetak memberikan pendedahan dan penerangan kepada orang ramai tentang kebaikan dan kaedah NGV. Sekarang orang ramai memikirkan bahawa menggunakan NGV itu bahaya, meletup. Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, NGV itu adalah *conversion* daripada gas asli yang ditukarkan kepada satu bentuk gas yang dimampatkan. Sebenarnya apabila gas dimampatkan ianya bukan satu gas yang mudah meletup kerana apabila sesuatu kebocoran berlaku, di dalam silinder tersebut, dia akan mudah terbang, *vaporise* dan tidak akan mudah meletup. Ini yang telah dibuktikan di negara-negara lain yang telah pun menggunakan NGV.

Keenam, supaya orang ramai faham, mereka tidak takut menggunakan NGV. Mungkin kita takut kerana ramai membandingkan NGV dengan gas di dapur. Sebenarnya berbeza sama sekali.

Ketujuh, Tuan Yang di-Pertua, mengeluarkan arahan - ini dalam proses mungkin dalam proses peralihan - mengeluarkan arahan kepada semua stesen minyak, yang sedia ada seperti Petronas Dagang, BP, Caltex, Esso, Mobile dan sebagainya, memberikan kelulusan bagi menempatkan stesen bergerak NGV sekiranya kita nakkan satu proses penggunaan NGV sedangkan stesen runcit tadi belum ada.

Kelapan, mewujudkan pelan koridor mesra alam misalnya, seperti di New Delhi. Di mana hanya kenderaan perdagangan yang berenjinkan NGV dibenarkan masuk bandar tersebut. Mungkin akan datang, Putrajaya. Hanya kenderaan yang ada NGV boleh masuk Putrajaya. Mungkin kenderaan Tuan Yang di-Pertua, kenalah tukar kepada NGV baru masuk Putrajaya. Begitu juga kenderaan-kenderaan pegawai-pegawai lain, Ahli-ahli Parlimen, kerana nak menjadikan bandar Putrajaya sebagai bandar yang mesra alam. Hanya kenderaan NGV boleh digunakan. Ini kita boleh cadangkan. Ini sebagai contohlah. Tak semestinya Putrajaya. Kerana kita nak menggalakkan kesedaran dan pengamalan kepada penggunaan NGV.

Dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, menggalakkan semua operator bas dan lori menukar enjin lama diesel ke enjin NGV menggunakan kaedah *repowering*.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ada satu kaedah daripada Amerika Syarikat, walaupun kadang-kadang kita mempertikaikan tentang Amerika Syarikat ini, bahawa enjin Diesel yang lama ini, kita boleh *modified*, enjinnya dalam bentuk *repowering* supaya daripada diesel tadi boleh menggunakan NGV.

Untuk selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan tersebut, hendak mencari kaedah yang lebih pantas di dalam menangani masalah bahan-bahan alternatif ini, usaha selanjutnya perlu dibuat untuk mempercepatkan lagi pemilihan penggunaan tenaga atau bahan bakar yang lain. Sama ada galakan atau insentif cukai, geran, moral dan sebagainya, perlulah dan hendaklah diperluaskan termasuklah menyemarakkan lagi usaha dalam bentuk R&D. Juga usaha meningkatkan perniagaan serta industri sama ada ke atas penggunaan tenaga alternatif atau penemuan-penemuan lain seperti mungkin membaiki ke atas sumber tenaga, sedia ada ataupun sumber tenaga baru seperti solar, *biofuel*, bahan komposit.

Tuan Yang di-Pertua, bahan komposit pun sebenarnya kalau ada satu kaedah yang tertentu boleh dijadikan bahan bakar. Begitu juga bahan recycle yang lain. Tuan Yang di-Pertua, mutu dan penguasaan projek-projek awam, kemalangan pemasangan gelejar di Maru, yang meragut nyawa manusia adalah contoh kegagalan pengawasan projek. Saya yakin, lebih banyak lagi kemalangan-kemalangan yang berlaku tidak disiarkan begitu. Begitu juga kegagalan sesuatu pembinaan yang berpunca daripada reka bentuk ataupun pengawasan.

Perkara yang sama juga berlaku ke atas projek-projek swasta terutamanya projek pembinaan taman-taman perumahan. Banyak taman dibina tetapi apabila siap banyak kegagalan fungsi suatu binaan dan reka bentuk hingga menyebabkan banjir kilat, sistem pembetungan gagal dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua contohnya rumah saya sendiri dengan izin, sistem kumbahan buangan antara tangki najis dan juga tangki penapis dia tidak ada sistem yang betul, akhirnya tangki penapis tidak berfungsi. Bila saya semak balik, ia kerana tidak ada pengawasan yang rapi daripada pihak pemaju.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, perkara ini menjejaskan integriti perkhidmatan awam malah integriti-integriti lain yang ada kaitan dengan perkhidmatan awam. Saya terima hakikat bahawa kesemua perunding kejuruteraan terpelihara oleh Akta Jurutera yang terkini, begitu juga perunding-perunding yang lain, tetapi kaedah kawalan di dalam memastikan reka bentuk dan pengawasan yang mutlak perlu diperhalusi dan diperbaiki

supaya semua pihak menang semua ataupun dengan izin, *win win situation*. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, harga dan bayaran kepada perunding yang akan dapat membantu memaksimumkan mutu pengawasan dan memunasabahkan kos binaan dapat dibayar secara terus oleh - ini contoh Tuan Yang di-Pertua, kepada perunding yang berkenaan. Seperti kalau kita boleh ambil contoh Lembaga Juruukur Malaysia, di mana juruukur mendapat bayaran terus daripada pemaju melalui Lembaga Juruukur, tidak ada berlaku persaingan harga dan sebagainya.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya memikirkan demikian kerana kadang-kadang pihak pemaju minta jimat RM5000 kos yuran perunding, tetapi sebenarnya dengan menuntut diskaun RM5000 sebenarnya pihak pemaju atau kontraktor boleh jadi rugi RM50,000 kerana perunding yang berkenaan mungkin akan memberikan perkhidmatan yang lebih kurang. Mereka berfikir *design* atau reka bentuk secara biasa pun tidak ada, tidak perlu menggunakan komputer dan sebagainya kerana hendak jimat RM5000. Tetapi dengan sebab yang demikian kontraktor rugi RM50,000 ataupun mungkin lebih. Jadi Tuan Yang di-Pertua yang ini perlu dilihat kembali.

Saya ingin mencadangkan supaya kementerian yang berkenaan mungkin Kementerian Kerja Raya dapat melihat semula amalan-amalan yang berlaku di dalam industri perunding ini, jurutera, arkitek dan sebagainya supaya setiap akta yang berkaitan dapat diperhalusi dan memberi manfaat kepada semua pihak. Bukan sahaja kepada perunding malahan juga kepada kontraktor pemaju ataupun kerajaan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tidak disentuh tentang kitar semula ataupun mungkin saya *miss*lah. Tetapi Tuan Yang di-Pertua saya sedia maklum, bahawa kita sentiasa memikirkan tentang kesejahteraan hidup generasi sekarang dan akan datang. Bahan-bahan buangan sama ada yang telah dikenal pasti mengandungi toksik ataupun sebaliknya akan menjejaskan alam sekitar. Sehingga kini budaya kitar semula masih belum dapat diterapkan di kalangan rakyat. Kebanyakan Pihak Berkuasa Tempatan juga lain-lain yang berkaitan tidak serius ataupun umpama, "Melepaskan batuk di tangga sahaja". Tiada bimbingan, tiada pemantauan ke atas pusat-pusat pengumpulan bahan-bahan kitar semula, maknanya dalam erti kata lain tiada istiqamah.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tiada bimbingan yang sempurna kepada orang awam ataupun mereka seperti yang berkepentingan, ataupun mereka yang kita boleh ajak untuk sama-sama dalam program kitar semula seperti sekolah, NGO termasuklah rumah-rumah ibadah dan lain-lain yang sewajarnya diberikan galakan, yang sewajarnya diberikan bimbingan, yang sewajarnya diberikan suatu panduan supaya mereka sama-sama dapat turut serta di dalam Program Kitar Semula. Sebab saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, sebab di Majlis Perbandaran Kulai, Program Kitar Semula masih belum diamalkan secara sempurna maknanya tidak ada satu *impact* yang dapat kita rasa, bahawa orang ramai menyambut Program Kitar Semula ini secara rela hati. Kalau kita semak di tong-tong sampah yang berkenaan masih banyak lagi bahan-bahan kitar semula yang sepatutnya diasingkan lagi di peringkat rumah. Maknanya kepada sayalah Tuan Yang di-Pertua, Kempen Kitar Semula yang dilaksanakan oleh kerajaan masih belum lagi dapat mengangkat imaginasi rakyat jelata supaya mereka turut serta dalam program tersebut. Supaya mereka sama-sama sedar dan insaf tentang perlunya menjaga alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya suka menyatakan di sini supaya galakan dalam bentuk semangat ataupun mungkin dalam bentuk moral seperti insentif cukai, elaun dan lain-lain perlu juga disediakan kepada mereka yang terlibat dengan program kitar semula. Misalnya mungkin ada syarikat-syarikat yang tertentu ataupun pemaju-pemaju yang terlibat dengan industri kitar semula. Mereka mungkin memerlukan sesuatu galakan dalam bentuk cukai dan pengecualian cukai dan lain-lain supaya mereka dapat merangsang Program Kitar Semula dengan membeli ataupun mengutip bahan-bahan kitar semula, dan mereka janakan dalam bentuk bahan mentah yang mungkin boleh diubah dalam bentuk lain atau dijual ke negara-negara lain. Apabila saya sempat ke negara China Tuan Yang di-Pertua, negara sana sebenarnya memerlukan bahan mentah yang dikitar semula daripada bahan-bahan getah, plastik dan sebagainya. Masih banyak lagi getah-getah kitar semula daripada tayar dan sebagainya, ini yang mereka perlukan untuk mereka memajukan industri getah dan plastik di negara mereka. Kalau ini kita boleh bekalkan saya yakin Tuan Yang di-Pertua, dengan kuantiti yang banyak Program Kitar Semula bagi tujuan menjaga alam sekitar akan dapat dikembangkan di dalam negara kita dan akhirnya bila ada *demand* ataupun keperluan yang tinggi sudah tentu ada bekalan daripada orang ramai, dan sekali gus

akan menyebabkan orang ramai lebih terpenggil untuk turut serta di dalam Program Kitar Semula.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hanya akan menyentuh serba sedikit tentang PROTON. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa fungsi utama PROTON ialah untuk mengembangkan teknologi automatif hingga ke tahap mampu membina kelengkapan perang pada masa yang akan datang. Ini cita-cita kita Tuan Yang di-Pertua, cita-cita kita yang pernah kita dahulu lahirkan dan insya-Allah menjadi satu kenyataan. Dan kita bertolak daripada situlah, maka kita berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan industri PROTON dan kalaulah kita kata industri kereta PROTON ini merugikan negara, menjadi beban kepada rakyat, saya ingin menyebut di sini bahawa PROTON sendiri telah menyumbang hasil kepada kerajaan berjumlah RM18 bilion sejak tahun 1995. Satu angka yang banyak bukannya RM1.8 bilion ataupun RM18 juta, tetapi adalah RM18 bilion maknanya RM18 ribu juta, satu angka yang banyak daripada tahun 1995. Kalaulah Proton itu membebaskan tidak mungkin PROTON menyumbangkan hasil yang begitu banyak. Dan sehingga kini bila saya semak semula rupa-rupanya hutang PROTON kepada kerajaan cuma tinggal RM200 juta lebih kurang, dan dijangka akan dapat dilangsaikan pada tahun 2007 ataupun dalam erti kata lain tujuh tahun lebih awal daripada jadual.

Tuan Yang di-Pertua rasionalnya, ialah tidak ada negara dalam dunia yang tidak melindungi industri automatif mereka, tidak ada. Tidak ada negara dalam dunia yang tidak melindungi industri automatif mereka.

Oleh demikian, negara kita juga mestilah sentiasa dan berterusan melindungi industri automatif iaitu yang kita ada cuma kereta Proton, yang lain bukan kereta kita semua, yang kita ada adalah kereta Proton. Oleh yang demikian, Proton perlu terus dilindungi tetapi pada masa yang sama kita terima hakikat bahawa Proton perlu dan mampu bersaing di pasaran tempatan dan global. Sekarang ini usia Proton cuma 20 tahun berbanding 60 tahun kereta di Korea, kalaulah kita hendak tengok 20 tahun bukanlah satu tempoh yang panjang, Korea hanya berjaya membangun kereta yang diminati ramai termasuk dalam negara kita setelah 60 tahun. 40 tahun dahulu di mana usia mereka 20 tahun kita pun tidak pernah dengar apakah kereta Korea.

Pada masa yang sama juga Proton menyumbangkan tenaga kerja yang banyak seperti yang disebut pagi tadi oleh Menteri MITI. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ada cita-cita tersebut saya hanya akan menyebut tiga cadangan,

mungkin yang lain akan disebut oleh rakan-rakan yang lain di dalam perbahasan saya. Pertama, kita hendaklah terus memberikan geran ataupun kita hendaklah mewujudkan geran untuk pembangunan dan komponen yang berteknologi tinggi seperti enjin, *transmission*, *gear box* dengan izin, *safety system*, chassis dan sebagainya. Kedua, Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah sentiasa memberikan inisiatif untuk semua kegiatan seperti R&D, dalam semua aspek yang berkaitan dengan industri kereta nasional, *inovation* ataupun inovasi, pembangunan pengeluaran, latihan kemahiran dan sebagainya.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya diwujudkan satu peraturan ataupun undang-undang yang secara tidak langsung mengetatkan kereta-kereta yang hendak diimport daripada luar negara. Kita ada kelebihan Tuan Yang di-Pertua, kita ada cuaca yang tersendiri, mungkin dengan cuaca tropika yang kita ada, kita mengkhususkan hanya kereta yang sesuai dengan cuaca kita boleh dibawa masuk ke dalam negara kita.

Dato' Razali bin Ismail: [*Bangun*]

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Kesimpulannya ialah perkhidmatan berintegriti hanya akan diiktiraf oleh rakyat sekiranya mereka dapat memahami. Boleh satu minit, Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Razali bin Ismail: Satu minit, satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukankah Yang Berhormat pula hendak buat kesimpulan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tidak apa ini sebelum....Okey sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Dato' Razali bin Ismail: Satu persoalan hendak tanya Yang Berhormat Ledang tadi itu, yakni disebut tentang industri kereta ini apa pandangan persepsi Yang Berhormat, sama ada kita lebih bersifat sebagai pengeluar kereta ataupun sekadar kita ini memasangnya sahaja?

Saya kira strategi yang dibuat oleh Thailand lebih kepada bersifat memasangnya sahaja, *to assemble*, sedangkan kita ini lebih kepada pengeluar. Apa pandangan Yang Berhormat tentang ini? Apakah kita lebih ataupun kita perlu menyesuaikan pula dasar

kita daripada lebih kepada pengeluar kepada memasangnya sahaja ataupun kita terus kekal dengan sifat kita sebagai pengeluar kereta itu?

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebelum saya menggulung perbahasan saya mungkin saya perlu juga menjawab perkara tersebut. Pada saya kita mempunyai cita-cita yang tinggi, kita hendak sampai kepada tahap membina kelengkapan perang, kapal terbang dan sebagainya.

Kalau Yang Berhormat Kuala Terengganu ingat tentang gesaan, malahan perintah Allah S.W.T. dalam ayat Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya kita perlu membina satu ketahanan, satu bentuk kekuatan pertahanan yang kuat. Kalau kita hanya dengan industri pemasangan, saya fikir dan saya yakinlah Tuan Yang di-Pertua sampailah kita mati hidup semula maka kita berada pada tahap sekarang tidak mampu menyediakan kelengkapan-kelengkapan seperti yang saya sebutkan tadi.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya ialah perkhidmatan berintegriti hanya akan diiktiraf oleh rakyat sekiranya mereka dapat memahami bahawa Usul-usul kerajaan itu akan menjadikan rakyat hidup selesa dengan segala perkara-perkara yang saya bangkitkan pagi tadi.

Kedua, rakyat akan menerima jawapan setiap persoalan yang timbul secara rasional, bukannya memberikan jawapan yang menganggap bahawa orang ramai ini berfikiran rendah, naik kereta lembu dan sebagainya, tidak.

Ketiga rakyat merasakan bahawa masa depan mereka sentiasa selamat dan terjamin.

Keempat sesuatu perkhidmatan dan projek tidak dimonopoli oleh sesuatu pihak yang tertentu sahaja sebab rakyat sentiasa menilai tentang sesuatu projek yang dicurahkan kepada mereka dalam bentuk yang benar-benar tulus.

Kelima ataupun akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengambil kesempatan pada kali ini iaitu biarlah peruntukan yang diumumkan bukan hanya dibelanjakan di peringkat ibu pejabat semata-mata. Sama ada peruntukan atau dasar yang berkaitan dengan masyarakat, kesejahteraan hidup mestilah benar-benar sampai ke peringkat akar umbi. Bukan hanya dibelanjakan di peringkat ibu pejabat, bukan hanya dibelanjakan di peringkat Kuala Lumpur tetapi tidak sampai di Kulai, tidak sampai di Ledang, tidak sampai di Sri Gading dan sebagainya. Hanya gah di peringkat Kuala

Lumpur ataupun Putrajaya, Sri Gading tidak rasa, Kinabatangan tidak rasa dan lain-lain pun tidak rasa, yang kita dengar perbelanjaan hanya satu program di peringkat atas tetapi di bawah kita hanya mendongak, menunggu semata-mata. Insyallah kita semua bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merealisasikan saranan beliau ke arah saranan beliau ke arah perkhidmatan yang berintegriti. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Balik ke Sabah beri kepada Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hah, wakillah dia!

12.26 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] *Budget* 2006 merupakan *budget* yang cukup realistik. Walaupun rata-rata masyarakat dan pembangkang khususnya menyatakan bahawa tidak ada kejutan besar dalam *Budget* 2006. Biarlah mereka seperti Mat Jenin berangan-angan, sebab saya percaya di antara kita dengan mereka cita rasa kita berlainan, mimpi kita juga berlainan dengan pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang dalam ucapan pada kelmarin hari sehari suntuk menghujah ucapan lagu-lagu lama, tidak ada lagu yang baru. Kalau pun ada baru cuma liriknya sahaja disesuaikan dengan kehendak politik mereka seperti opera Cina yang dimainkan. Ketua Pembangkang juga ingin saya menjelaskan bahawa kita ini Ahli Parlimen Barisan Nasional bukan burung merpati boleh dijinak-jinakkan. Kita Wakil Rakyat Barisan Nasional sehingga berani dan tegas menyatakan kebenaran, kita tidak akan mundur daripada menyatakan kebenaran dengan tujuan membantu kerajaan ke arah menyelesaikan permasalahan yang dihadapi.

Tidak timbul soal kita menyokong pembangkang, pada saya tidak pernah terlintas di hati saya menyokong sedikit pun dengan pembangkang tetapi oleh kerana kepentingan sesuatu isu atas pendirian Parlimen itu sendiri maka saya bertegas, saya tidak pernah menyokong pembangkang. Sebab kita pada saya, kita bukan wakil rakyat seperti kata Pak Pandir - ada mata pandang, ada telinga dengar, ada mulut diam, ada kaki goyang, suruh duduk, duduk, suruh diam, diam, suruh jalan, jalan kita tidak begitu. Kita sentiasa melihat kepentingan rakyat dan kepentingan negara adalah merupakan satu prioriti yang perlu di dokong tanpa ada kompromi dia.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin:.....dan dalam soal ini kalau kerajaan kena...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, rakan Yang Berhormat bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kinabatangan. Memang kita bukan yang dianggap oleh Ketua Pembangkang Yang Berhormat Ipoh Timor, jinak. Kita bukan binatang peliharaan jinak, yang binatang peliharaan jinak anggota-anggota DAP yang lain sejak dia ada semua senyap, jinak sejinak-jinaknya ialah anggota-anggota DAP yang lain daripada Yang Berhormat Ipoh Timor, apa pendapat Yang Berhormat Kinabatangan?

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ya, memang jelas dalam DAP semua anggota Parlimen dia disuruh menjaga satu-satu kementerian. Seperti Yang Berhormat Seputeh dia menjaga Kementerian Pendidikan, yang lain-lain menjaga kementerian-kementerian yang lain. Jadi jelas bahawa Yang Berhormat Ipoh Timor kalau boleh kita sarankan supaya dia bersara dan memberi peluang kepada orang lain. Tetapi saya tahu niat dia walaupun dia tidak ada mungkin *Hansard* dia boleh baca, dia cuma menunggu masa untuk anak dia boleh masuk dalam DAP dan mengganti beliau sebagai Ketua DAP,.....

Seorang Ahli: Hah itu dia sudah masuk, sudah masuk.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin:.....itu hasrat dia baru dia berundur, jadi Yang Berhormat Bukit Mertajam saya tengok tidak ada.....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order , point of order.....*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Tidak ada peluang. *Point of order* nombor berapa ini, nombor berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, duduk, duduk. Peraturan Mesyuarat!

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Nombor berapa?

Tuan Lim Kit Siang: 36, tengoklah, tengok 36.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu, Yang Berhormat duduk dulu baca lepas, itu baru bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh, tidak boleh. Apabila ambil perhatian Peraturan Mesyuarat perlu berdiri, mana boleh duduklah nak ambil perhatian,

(*attention*) tengok 36(4) yang pertama, *offensive language, offensive reference*. Kenapa Yang Berhormat Kinabatangan mahu pergi *offensive*? Saya tidak pernah *offensive* kepada beliau, oleh sebab dia ditekan, dia mahu *offensive* - tidak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat! Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Saya penuh bersimpati dengan dia, saya tahu psikologi, *pressure* besar. Saya penuh dengan simpati, penuh dengan sokongan, tidak perlulah, janganlah. *Don't spoil the soup*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor, Kinabatangan tidak melanggar Peraturan Mesyuarat 36(4), sambung terus ucapan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ya, memang jelas saya tidak melanggar apa-apa peraturan dalam persidangan, saya cuma memperjelaskan bahawa seperti juga Ipoh Timor, dia pun ada cita-cita besar, dia pun ada hasrat melihat sebetulnya Ipoh Timor sudah hendak bersara, tetapi ada tujuan-tujuan tertentu sebelum bersara mesti simpan dulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh Kinabatangan bagi saya laluan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kinabatangan beri saya laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Tak mahu bagi saya. Semalam saya bagi jalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi Sri Gadinglah, Ipoh Timor duduklah. Jadi Ketua Pembangkang ini ada cita-cita. Tidak salah ada cita-cita kerana manusia memang ada cita-cita. Jadi Ketua Pembangkang ini punya cita-cita, dia berlama-lama dalam Parlimen ini hendak bagi peluang anak dia ganti tempat dia. Apakah benar Kinabatangan?

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Memang cita-cita tidak salah cuma kesianlah kawan-kawan DAP kempunanlah.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan bagi. Adakah Yang Berhormat setuju, kita bincang mengenai *Budget 2006*, perkara yang semua 26 juta rakyat sangat berprihatin. Mereka mahu tengok bagaimana Dewan Rakyat, Ahli-ahli Parlimen boleh membela mereka menyuarakan perkara-perkara yang mereka rasa penting dan tidak tahulah Yang Berhormat daripada Sri Gading, Yang Berhormat Kinabatangan sekarang

tekan, tetapi saya sokong, saya bantu, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa *ruling* itu tidak benar, patut dihapuskan dan sebenarnya bukannya benar Yang Berhormat Kinabatangan patut berdiri tegas apa mereka kata semalam “betul” tetapi kalau ada melanggar peraturan parti, mereka rela menghadapi apa-apa pun *consequence* bukan semacam sekarang kata, “Oh, apa yang berlaku semalam tidak berlaku, mahu “*at your own speed, at your own speed*” dan lebih dahsyat sekarang mahu menyerang saya apabila kita perlu bincang mengenai *budget* bukan Lim Kit Siang. Saya rela ada satu perbincangan mengenai Lim Kit Siang. Kalau kita boleh ada satu usul....

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Hey, cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah cakap panjanglah.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi seriuslah, mengenai *budget* 26 juta rakyat, orang-orang di Sabah, orang-orang di Sarawak, orang-orang di Semenanjung kita mahu tahu apa pendirian....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah!

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Yang Berhormat janganlah mengambil masa saya.

Tuan Lim Kit Siang: Apa pendirian Ahli Parlimen mengenai *budget*. Jangan buang masa lah.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Janganlah ambil masa saya. Ok, terima kasih Yang Berhormat, kita bukan menyerang saya cuma kasihan dia, saya simpati dengan wakil-wakil rakyat yang lain dalam DAP, sebab mereka tidak berpeluang itu sahaja, tidak salah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Saya simpati sama Bukit Mertajam, dia berjuang tidak dapat naik.

Seorang Ahli: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng: Kalau simpati duduk. *[Ketawa]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ini saya tidak mahu bagi. Saya panggil Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Jangan risaulah bagi pihak kami di sini, jangan risau jaga diri sebelah sana dahulu,

Yang Berhormat, Yang Berhormat sebenarnya semalam saya begitu kagum dan merasa begitu patut memberi penghormatan kepada Yang Berhormat kerana bersuara kepada rakyat berkenaan isu AP ini. Saya pun ada ucap "syabas" dan Yang Berhormat berjabat tangan dengan saya, saya kata, "Terima kasih, terima kasih", tetapi saya hendak tanyalah, yang saya risau sekarang Yang Berhormat mengapakah begitu cepat Yang Berhormat sudah menukar pendirian.

Kita diajar sejak kecil lagi seseorang mesti mempunyai prinsip dan pendirian, walau bagaimanapun saya juga ingin merayu kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri agar galakan lebih ahli-ahli mencontohi kelakuan Yang terhormat Sri Gading dengan Yang Berhormat Kinabatangan semalam. Kelakuannya semalam yang bersuara begitu kuat membangkitkan perasaan orang ramai.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ok, terima kasih. Mungkin Yang Berhormat tersilap tafsir. Kita tidak pernah bertukar warna, sudah awal-awal mukadimah saya menyatakan kita akan menyuarakan hak rakyat, tunggu dulu, ada lagi. Soal berjabat tangan kalau boleh dengan Seputeh ini hari-hari saya mahu jabat tangan. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, secara umum tidak ada akan mana-mana pihak.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Lagi.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading, Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang, terima kasih. Sebenarnya saya tidak hendak campur banyak sebab saya dengar *world class, first class budget, world class Parliament*. Daripada Ketua Pembangkang saya hormatlah dia - Ipoh Timor, Yang Berhormat Ipoh Timor tetapi kalau kita hendak menjadi *world class budget*, kita hendak jadikan *first class Parliament* kita ini, kita kenalah ada prinsip dia, bercakap mestilah tidak lari daripada topik, ini minta maaf sebelum saya hendak tanya ini, ada soalan.

Yang keduanya, *rule of law*. Sering Perdana Menteri lima, lima Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *rule of law*, kita bercakap mesti balik kepada undang-undang *fact and figure*. Kena ada *fact and figure*, kena ada *research R&D*. Jangan kita bercakap tanpa *research* dan yang keduanya saya hendak jelaskan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan.

Dato'Haji Che Min bin Che Ahmad: Soalan saya, apakah kedua-dua Yang Berhormat kita sama ada Kinabatangan, Sri Gading semalam isu dalam aspek itu sahaja dia setuju, betul tidak? Bukan aspek lain, bukan aspek pembangkang, aspek itu sahaja. Aspek yang tidak jelas mengenai *research* tentang AP yang tidak dijelaskan oleh Menteri sendiri, betul tidak? Terima kasih.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Bukan hal setuju tidak setuju, soalnya sama-sama pendapat, itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, jelas *Budget* 2006 tidak ada mana-mana pihak yang tidak menerima tempias dia dalam *Budget* 2006, iaitu menyeluruh mencukupi semua dan amat *flexible* sekali. Ianya adil dan saksama kepada semua lapisan rakyat dan juga merupakan satu mekanisme terbaik dalam merangsang pertumbuhan ekonomi dan meneruskan agenda untuk kecemerlangan rakyat.

Budget sejumlah RM138.6 bilion seperti dibentangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dalam Dewan yang mulia ini adalah bukti keikhlasan dan mencerminkan keprihatinan kerajaan ke arah memberikan yang terbaik kepada rakyat. Kita amat optimis seluruh rakyat akan mencapai nikmat dan faedah *Budget* 2006 bermakna menghadapi cabaran, membina ketahanan.

Saya ingin bertanya sesiapa yang tidak ada tempias mungkin segelintir, iaitu mereka yang merokok sahaja sebab kenaikan dia 13 peratus dan saya juga yakin yang mereka, perokok ini juga.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Saya mahu ucapkan syabas sahajalah "tahniah" sekarang kita mahu *correct direction*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, salah guna.....

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Saya juga berkeyakinan bahawa mereka yang merokok telah menyumbangkan hasil yang banyak kepada kerajaan melalui cukai rokok, jadi mereka juga.....

Seorang Ahli: Semua sudah pergikah?

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: ... semua sudah pergikah. Inilah memang dia ikut bos, DAP memang tidak ada haluan punya orang, ikut bos dia. Ini betul-betul sudah jinak habislah, ...

Seorang Ahli: Ini DAP banyak jinaklah!

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: ...ini bukan jinak, masuk sangkarlah. *[Ketawa]*
Tuan Yang di-Pertua,....

Seorang Ahli: Hey, Seputeh tidak mahu ikutkah? You tidak jinakkah?

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin:... golongan yang paling gembira tentu sekali di kalangan kakitangan awam yang bakal menerima durian runtuh berbentuk bonus sebulan dan setengah bulan gaji, bantuan sara hidup, kehidupan kembali.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit bangun.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tadi Yang Berhormat ada menyebut soal kenaikan cukai rokok, adakah Yang Berhormat percaya dengan kenaikan cukai rokok ini boleh mengurangkan mereka yang menghisap rokok, bilangan yang menghisap rokok ataupun kerajaan perlu membuat usaha-usaha lain bagi mengurangkan masalah perniagaan rokok ini? Kerana kita tengok saban hari perangkannya menunjukkan pertambahan termasuk remaja-remaja dan murid-murid sekolah. Terima kasih.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Kita ada agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti bagi memberhentikan tabiat merokok dan dalam masa yang sama saya melihat dari segi sudut lain, iaitu melalui kenaikan cukai rokok ini kerajaan boleh mengaut keuntungan yang banyak dan cukai tersebut boleh diguna pakai untuk tujuan pembangunan kepada rakyat. Saya akan kembali kepada ucapan saya.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu dan Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ya, sila Yang Berhormat bagi Beluran dahululah.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, pasal rokok. Kita lihat hari ini iklan daripada syarikat rokok, sekotak atau sebungkus rokok itu akan naik 50 sen setiap bungkus. Saya cuba mengira jika seseorang perokok itu menghisap dengan menggunakan 12, 50 sen satu, jika sebulan dia menggunakan 10 bungkus, bererti RM5

tambahan daripada yang ada. Kemudian jika dalam satu tahun, RM50 tambahan daripada kos yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat adakah lebih....

Datuk Ronald Kiandee: Ya, ya saya akan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lebih senang tanya Yang Berhormat berapa batang rokok dia hisap?

Datuk Ronald Kiandee: Ya, saya akan tanya dia. Okey, jadi bererti setiap perokok sekarang dia akan dibebankan tambahan lebih kurang RM50 ke RM70 setahun tambahan daripada kos yang ada. Kerajaan memberi rebet cukai jalan raya sebanyak RM30 kepada pengguna kenderaan yang *lower cc*. Saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, dalam satu sudut kerajaan mengurangkan beban kenaikan harga minyak kepada pengguna tetapi dalam sudut yang lain mengenakan cukai 50 sen yang akan memberi tekanan tambahan RM70 yang lebih daripada rebet yang diberi. Jadi bererti kerajaan dari satu sudut begitu prihatin, dalam satu sudut mengenakan *tax* yang membebankan kepada pengguna terutama mereka yang di dalam *lower income group* di luar bandar. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat, mesejnya supaya yang tidak mampu berhenti merokok. Jadi apabila dia berhenti merokok, dia *save* dari segi penjimatan pembelian rokok. Kedua, mungkin sebab statistik menunjukkan sebatang rokok mengakibatkan umur manusia pendek satu hari, itu doktor yang kata, bukan Tuhan yang katalah, tidak ada. Jadi mesejnya adalah antara dua begitu...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada buktikah Yang Berhormat? Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta laluan?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Adakah buktikah Yang Berhormat bagi Kinabatangan, satu rokok boleh mengurangkan umur?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi dia kata doktor yang berkata, bukan Yang Berhormat kata.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Doktor kata, doktor kata doktor belum tahu pasal kawan saya Yang Berhormat, bapanya hisap rokok satu hari 100 batang, dia....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Berapa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: 100 batang, 100 batang, bapa kawan saya, dia meninggal pada umurnya 82.

Seorang Ahli: Lima bungkuslah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau dia tidak hisap mungkin 100 tahun lebih? [*Dewan riuh*] [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua banyak pandailah, terima kasihlah. [*Ketawa*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, sudah terjawab. [*Ketawa*]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, sila Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Berkenaan dengan peningkatan cukai rokok ini juga, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan tentang adakah pihak kerajaan telah mengadakan ukuran apabila menaikkan harga rokok pada bajet tahun lepas sehingga bajet tahun ini tentang hasil daripada cukai rokok dari segi peningkatan dan juga lambakan rokok-rokok berjenama Indonesia yang masuk ke negara kita tanpa cukai kerana harga rokok tanpa cukai ini jauh lebih rendah daripada harga rokok yang melalui kastam-kastam ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya. Memang saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa apabila kenaikan harga rokok ini, maka di situlah akan wujudnya penyeludupan rokok dari segenap pintu masuk dari dalam negara kita. Justeru itu kerajaan juga harus memberi penekanan yang sejelasnya kepada pihak-pihak berkuasa khususnya pihak kastam, pihak marin, maritim dan sebagainya. Jangan mereka setelah kita tegur pada satu ketika dahulu pihak kastam hampir-hampir sabotaj dengan ekonomi negara kita. Kalau ini berlaku dengan semua agensi kerajaan, saya ingin perjelaskan, maka rosaklah negara kita.

Mereka harus ingat bahawa mereka bertuankan dengan kerajaan bukan dengan mana-mana pihak. Justeru itu saya setuju dengan Yang Berhormat supaya penguatkuasaan harus dipertegaskan dan dipertingkatkan untuk memastikan hasrat kerajaan untuk mengenakan cukai yang tinggi kepada rokok jangan pula orang menyeludup mendapat keuntungan dan menangguk di air keruh.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sila.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Setiap kali dalam ucapan bajet dan perbahasan mengenai bajet disebutkan tentang penguatkuasaan pihak berkuasa ke atas rokok-rokok yang menyeludup masuk ke Malaysia tetapi selalu kita sebut akhirnya kita nampak perkara itu tidak selesai juga. Apakah pendekatan terbaru pada pendapat Yang Berhormat yang boleh kita terapkan dan serapkan dalam konteks kita memperketatkan lagi penguatkuasaan kerana ini merupakan satu kerugian yang besar kepada negara dan ianya patut dibendung. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang pertama, saya rasa saya bukan menteri tetapi saya perlu mencadangkan. Pada pendapat saya memang jelas ada *loop hole* atau kelonggaran di kalangan penguatkuasaan kita. Pertama, saya tidak boleh menuduh, tetapi mungkin mereka ada hubungan sebab mana boleh barang yang dilarang hari-hari berlambak, di mana pintu masuknya? Di sinilah kerajaan mahu mengenal pasti di mana silapnya dan pihak penguat kuasa harus memaklumkan kepada kerajaan bahawa rokok atau barang-barang ini yang diseludup melalui ini dan masalah yang kita hadapi ini supaya tidak ada lambakan rokok-rokok haram di negara kita Dan ini memang melibatkan berjuta-juta ringgit. Saya tidak boleh menuduh tetapi jelas bagaimana dia boleh lepas, dia seperti dadah juga, pengedar dadah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Lagi? Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Pasal rokok ini saya masuk balik kerana apa yang diperbincangkan, saya pernah bercakap berkenaan dengan ini di bajet yang lepas bahawa pada hari ini kita lihat memang kurang tangkapan-tangkapan penyeludupan rokok yang disiarkan di media massa dan yang berlaku di perairan kita. Walhal pada hari ini dengan kenaikan harga rokok RM7 satu bungkus oleh sebab kenaikan cukai, di Indonesia masih harga lama, 5,600 rupiah dan dengan wang kita sekitar RM2. Oleh demikian, kalau dia datang seludup dia akan untung besar. Dulu

kastam, mereka memberi reward kepada anggota dia, hari ini sudah ditarik balik, dengan adanya peruntukan yang disebut masa bajet hari itu bahawa tiap-tiap anggota kastam Bahagian Pencegah akan dibagi elaun RM350 dan reward yang diberi kepada mereka hari ini ditarik balik dengan hanya elaun khas RM350. Semalam juga kita diberitahu oleh Polis Diraja Malaysia, yang mana Polis Marin pun minta RM350 ini, tetapi ditolak oleh kerajaan. Walhal Polis Marin juga meronda perairan-perairan kita dan dia juga bersama-sama untuk menyekat penyeludupan ini.

Oleh yang demikian, setujukan Yang Berhormat kalau kita cadangkan semua agensi yang ada hubung kait dengan pengawalan perairan kita ini, supaya Polis Marin baik, Kastam baik, selain daripada RM350 elaun bulanan mereka, maka kita minta kerajaan kembalikan balik *reward* yang seharusnya mereka dapat ini dikembalikan balik supaya mereka dapat bersama-sama mengatasi masalah penyeludupan ini, kalau tidak dengan harga yang begitu mahal di negara kita hari ini RM7 sebungkus, di Indonesia sekitar RM2, saya penuh yakin dan percaya ini tidak akan menyelesaikan penyeludupan rokok ini, apa pendapat Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin, sebab apabila tidak ada penyeludupan, bermakna kerajaan akan menerima *tax* yang banyak dan ini kita lihat, saya terserempak dengan anggota Marin di tengah laut dan kita bertanya, berapa elaun mereka dalam menjalankan aktiviti rondaan. Dia kata RM8 satu hari satu malam, itu sahaja. Nyawa digadai dan dibayar dengan RM8 dan kita telah menggesa pihak kerajaan supaya mencari satu pendekatan bagaimana hendak melihat bahawa pihak-pihak penguat kuasa kita ini berada di landasan yang benar, mereka kena perlu ada gaji yang cukup, kalau perlu *reward*, *rewardkan*, hadiahkan kepada mereka apabila ada tangkapan yang besar contohnya. Dengan cara sedemikian kita telah boleh menggalakkan mereka bekerja bertungkus lumus sebab mereka ini juga terdedah dengan keadaan risiko apabila mereka berhadapan dengan penyeludup-penyeludup ini dia punya pendirian tidak menentu, dia ada senjata dia boleh melakukan pembunuhan, dia boleh melakukan sebagainya. Mereka berhadapan dengan risiko yang tinggi, mungkin nyawa mereka hilang, mungkin mereka cacat dan sebagainya. Jadi ini juga, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin dan mencadangkan bahawa ucapan Yang Berhormat bagi Jasin menjadi sebahagian daripada ucapan saya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Highlands

Tuan Devamany a/l Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kita bercerita banyak isu mengenai merokok ini dan kita tak setuju dengan peningkatan cukai baru-baru ini dan kerajaan begitu banyak membelanjakan duit, berjuta-juta ringgit. Saya hendak bertanya, kenapa Yang Berhormat tidak mempunyai kekuatan untuk berhenti merokok. Saya nak bertanya, saya habiskan - kerana kita tengok sekarang stail budak-budak merokok ini satu fesyen, budak-budak perempuan, budak-budak lelaki, dan kenapa kita tidak ada kekuatan untuk berhenti. Saya tidak merokok, kenapa tidak boleh, kerana ini menyebabkan berbagai masalah sebagai pemangkin kepada penagihan dadah jua dan kenapa tidak kita mempunyai kekuatan dalaman untuk mengharungi permasalahan ini yang begitu mikro sekali. Apa alasan Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat jangan kelirukan saya. *[Ketawa]* Pada realitinya kita memang tidak ada halangan sebab kita telah menerima hakikat kerajaan akan menaikkan *tax* bagi rokok ini. Soal yang kita hadapi sekarang, bagaimana agensi kerajaan kita, sama ada Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia, Kementerian Hal Ehwal Keluarga dan sebagainya menangani, sebab saya percaya semua ini adalah urutan daripada bagaimana pendidikan awal ibu bapa itu daripada rumah. Negara kita, seperti contohnya menghadapi risiko besar, iaitu penagihan dadah, ia sudah jelas musuh utama negara, tetapi jelas statistiknya menunjukkan ramai lagi penagih dadah, berlambak dari hari ke sehari.

Ini bermakna jangan lagi merokok sebab boleh didapati di kedai-kedai di mana saja. Haa, ini yang kita bicarakan tadi, soal *smuggle*. *Smuggle* ini ataupun penyeludupan rokok ini memudahkan budak-budak sekolah membeli sebab di kedai kalau dia tengok budak sekolah, dia tengok umur tidak cukup dia tidak jual. Tetapi di pinggir jalan ini dia mengutamakan perniagaan, duit masuk dulu dia tidak pedulilah, *you* bakar *you* punya diri, bakarliah, asalkan saya masuk duit. Itulah antara lain faktornya kenapa penyeludupan itu perlu kita tegah, sebab penyeludupan ini penyumbang kepada gejala-gejala yang banyak jenis:

- (i) merugikan ekonomi negara;
- (ii) memberi risiko tinggi kepada penguat kuasa kita; dan
- (iii) menjejaskan gejala sosial di kalangan masyarakat kita.

Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan sara hidup dihidupkan kembali. Pesara dapat imbuhan khas, ibu bapa yang mempunyai anak belajar di pusat pengajian tinggi turut dapat pelepasan cukai. Dalam masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan agar kakitangan-kakitangan yang duduk di kuarters yang mereka tidak dapat elaun perumahan juga tidak diabaikan. Mereka juga adalah masyarakat kita, mereka juga adalah penyumbang ke arah kemantapan ekonomi negara kita.

Jadi ini harus diambil kira oleh kerajaan agar dapat membantu mereka dengan jalan yang segera seperti juga kalau boleh, mereka ditimbangkan supaya mendapat elaun-elaun tambahan dan sebagainya.

Saya berkeyakinan dengan bajet ini, seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa bajet - bonus ini bukan bertujuan untuk membeli, mengambil hati atau pun merasuah kakitangan dan pegawai-pegawai kerajaan, tetapi matlamat kita, tujuan kita adalah untuk memberi pengiktirafan kepada mereka agar mereka boleh terus bekerja memberi sumbangan yang baik kepada kerajaan dan negara agar negara kita berada dalam keadaan makmur, ekonomi kita stabil dan juga sistem-sistem penyampaian kita boleh dilaksanakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Siapa punya andaian ini? Siapa punya sangkaan ini? Apabila kerajaan memberi bonus kepada kakitangannya, aah.. ini kerajaan nak beli kakitangannya! Siapa yang jahat sangat itu? Adakah ini gejala-gejala parti pembangkang yang tak ada modal? Tetapi kalau tak dibagi nanti parti pembangkang tukar pula, ..haa.. ini tengoklah, kerajaan mengabaikan kakitangan dia, kerajaan tak ingat kakitangan dia. Jadi, bagi pun salah, tak bagi pun salah, jadi serba salah. Komen sikit..*[Melihat kepada YB Kinabatangan]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Pada saya biarlah mereka mentafsirkan apa juga tafsiran mereka, tetapi yang jelas kerajaan memang prihatin dan rata-rata kakitangan kerajaan, sama ada dalam kerajaan atau pun pembangkang mereka amat mengalu-alukan keputusan yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga selaku Menteri Kewangan. Mereka rata-rata merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih sebab sudah lama mereka menunggu kebetulan pula, besok hari kita

akan berpuasa dan selepas itu kita akan berhari raya. Jadi bonus dan gaji ini akan boleh diguna pakai untuk mereka menghadapi Hari Lebaran, itu penjelasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, Penyelia dan Guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dinaikkan elaun. Siswazah menganggur juga disediakan bajet di bawah program PROSPER siswazah. Selain program peningkatan kemahiran perindustrian, PDRM juga nampaknya cukup terbela nasib mereka menerusi pelbagai insentif yang disediakan. Begitu juga dengan kontraktor Kelas F bagi program penyelenggaraan kemudahan awam, di samping bajet begitu besar kepada sektor pendidikan, pertanian serta bidang-bidang lain yang menjurus ke arah kesejahteraan rakyat. Pendek kata Bajet 2006 boleh dianggap sebagai pro rakyat tanpa memilih bulu, pangkat, darjat atau pun perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat selama ini kontraktor Kelas F yang hampir tiga puluh ribu dalam negara kita mengeluh, sebab mereka tidak ada kerja, mereka tidak ada kontrak dan sebagainya sehingga ada kontraktor-kontraktor Kelas F ini yang gulung tikar. Hari ini dengan pengumuman bajet khas yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, rata-rata kontraktor Kelas F ini, sudah “mati hidup semula”. Inilah antara lain keistimewaan ...

Timbalan Yang di-Petua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bersetujukah kalau dijemput sambung semula petang ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Setuju.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dan Tuan Yang di-Petua, bersetuju atau tidak, selepas Yang Berhormat bagi Kinabatangan, Sri Gading pula, Tuan Yang di-Petua..*[Dewan riuh dengan ketawa]* Tolonglah, Tuan Yang di-Petua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:..Jawapan itu hanya boleh dipertimbangkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, sila sambung.

2.31 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya. Pendek kata, Bajet 2006 bak kata pepatah Melayu, "*Perahu sudah di air, pengayuh sudah di tangan*", "*Tepuk dada, tanya selera*". Begitulah signifikannya Bajet 2006 yang telah disajikan untuk sama-sama kita perbahaskan hari ini. Sewajarnya kita jadikan bajet ini sebagai satu amanah yang wajib diurus dengan sebaik mungkin agar faedahnya

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Kita tarik sikit tadi walaupun mukadimah. [Ketawa]. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya apabila, "*Tepuk dada, tanya selera*", bolehkah tidak ubah sikit dari segi masyarakat Hadhari, "*Tepuk dada, tanya iman*"? Kalau tanya selera, selera cakap ini, dia akan buat itu. Dia bertentangan dengan iman. Bersetuju atau tidak? Bukan imam, iman.

Tuan Yang di-Pertua: Iman.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Boleh juga kalau mahu ditukar. Tetapi sebetulnya iman ini tidak boleh ditanya. Dia hak Allah S.W.T. [Ketawa] Agar faedahnya dikecapi secara adil dan saksama oleh seluruh kelompok sasaran. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, sistem penyampaian di peringkat akar umbi itu harus dilihat sebaik mungkin sebab bagaimanapun hasrat dan tujuan kerajaan memberi peruntukan melalui bajet-bajet tertentu, sekiranya peringkat pelaksanaan di peringkat pertengahan, di peringkat bawahan tidak mengambil langkah yang drastik untuk memastikan apa juga bajet dan peruntukan yang diberikan ini sampai ke sasarannya, bermakna pendekatan dan juga bajet yang banyak ini tidak akan menjamin ianya dapat dicapai dengan sebaik mungkin.

Kita tidak seharusnya terlalu emosional dalam memperkatakan soal bajet. Apa juga pandangan serta teguran bukan bermaksud kecaman. Jauh sekali sengaja mahu mencari kesilapan orang lain. Bak kata pepatah, "*Telunjuk lurus kelengkeng berkait*",

ataupun sengaja, "*Lempar batu sembunyi tangan*". Saya berdiri di sini sekadar mewakili suara rakyat. Saya juga bangun untuk memberi maklum balas kepada kerajaan tentang perkara-perkara yang mungkin dianggap sebagai kes-kes terkecil. Tetapi hakikatnya ia menuntut pembelaan segera. Ia wajar diberi perhatian, malah perlu ditangani secara tuntas dan segera sebab kita tidak mahu ada orang yang bermain sandiwara dan bermain wayang.

Perwujudan Suruhanjaya Penambah Baik Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia terbukti memberi hasil positif. Semua pihak akur kepada laporan suruhanjaya tersebut. Ini adalah bukti ketelusan dan ketegasan kita dalam menangani apa juga bentuk kepincangan yang membaluti PDRM. Saya fikir suruhanjaya seumpama ini wajar dibuat ke atas agensi-agensi yang lain, yang boleh dianggap sebagai berkudis dan perlu dirawat segera. Walau bagaimanapun, cadangan suruhanjaya kepada PDRM terdapat juga beberapa cadangan yang tidak relevan dan perlu dikaji dan tidak perlu dilaksanakan, sebab kalau dilaksanakan, mungkin ianya bertentangan dengan kehendak dan tuntutan masyarakat dan juga keperluan negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kerenah birokrasi di peringkat pelaksana seperti yang saya katakan tadi, penguatkuasaan serta pemantauan boleh kita anggap sebagai, "*Api dalam sekam*" atau "*Gunting dalam lipatan*".

Datuk Ronald Kiandee: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Saya ingin tahu, adakah Jabatan Kastam, salah satu daripada agensi yang perlu dibuat Jawatankuasa Penambah Baik seperti yang dilakukan ke atas PDRM?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran, saya akan sampai ke kastam sekejap lagi. Ia pada saya merupakan salah satu agensi yang harus diberi perhatian yang serius ke arah lebih memantapkan lagi agensi ini. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Tadi, Yang Berhormat bagi Beluran kata kastam. Bagaimana dengan imigresen? Ini salah satu daripadanya dan apakah Yang Berhormat akan kata bahawa imigresen juga salah satu daripada agensi yang perlu kita ada satu

Suruhanjaya Penambah Baik, itu yang pertama. Yang kedua, mengenai pergi balik ke Suruhanjaya Penambah Baik PDRM.

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa gaji ataupun elaun buat seorang konstabel yang rendah itu harus diberi satu minimum sejajar dengan penegangan kos kehidupan di masyarakat kita, seperti yang telah dipaparkan di dalam surat khabar, seorang konstabel hanya mendapat sebanyak RM690 sebulan. Bagaimana dia boleh bertugas kalau dia tidak ada, orang kata tidak cukup untuk menyara hidup diri dia sendiri. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu antara lain, agensi-agensi pelaksana, penguat kuasa yang perlu diambil perhatian juga di peringkat imigresen, kastam seperti Yang Berhormat bagi Beluran katakan. Saya juga bersetuju supaya kerajaan kalau boleh lebih mempertingkatkan elaun ataupun gaji pihak-pihak penguat kuasa seperti polis, tentera dan sebagainya, sebab mereka ini adalah harapan negara ini. Ini telah kita cakap berulang kali di mana saya memperjelaskan kekuatan sesebuah negara bergantung sejauh mana kekuatan keselamatannya sebab pelabur-pelabur luar sudah pasti tidak akan datang melabur ke negara kita kalau negara kita tidak selamat.

Saya ingin merujuk kepada pihak polis. Saya bersetuju bahawa kenapa tidak ramai rakyat Malaysia yang ingin menjadi polis atau tentera sebab tawaran gaji atau elaun dia tidak lumayan dibandingkan dengan negara jiran kita, Singapura. Contohnya, konstabel polis mendapat USD1,800. Di Hong Kong, kalau dibandingkan dengan duit kita, lebih kurang RM4,500 konstabel polis. Justeru itu, kita tidak melihat ada polis di sana yang terlibat dalam rasuah, demikian juga di Singapura. Manakala, di negara kita, seorang konstabel ataupun GD, mempunyai keluarga, dua, tiga orang anak, gaji RM600 ke RM700, tinggal di berek polis, anak perlu sekolah dan sebagainya. Bagaimana dia hendak menyara keluarga dia?

Justeru itu, kita lihat ramai anggota polis kita dituduh terlibat dalam rasuah, sama ada di jalan raya dan sebagainya dan ini telah melemahkan imej polis dan imej negara kita sendiri. Justeru itu, perkara ini perlu diambil perhatian oleh kerajaan di samping memberi perkhidmatan yang terbaik ke arah keselamatan negara, mereka juga perlu dibela daripada kebajikan dan untung nasib keluarga mereka, terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong, yang kelak akan menjejaskan imej serta reputasi kerajaan. Kita khawatir kalau ada, *“Orang lain yang makan nangka, kita pula terkena getah”*. Apa

pun strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan, nescaya tidak akan berkesan sekiranya penguatkuasaan ataupun, pendek kata, pegawai-pegawai di peringkat pelaksana ini tidak menjalankan kewajipan mereka, tidak melaksanakan amanah mereka, ini bermakna harapan negara, harapan kerajaan akan sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin bertanya, berjayakah kita dalam usaha membasmi kemiskinan menerusi Program Kesejahteraan Rakyat (PKR) ataupun dulu dikenali dengan PPRT. Sebab pada hari ini, contoh di kawasan saya, masih banyak masyarakat yang tidak berumah, masih banyak yang tidak mendapat peruntukan-peruntukan untuk PPRT ini, sedangkan negara kita sedang menuju Wawasan Negara Maju menjelang 2020. Tahun hadapan bermakna tinggal 14 tahun lagi.

Ini bermakna pembangunan seimbang itu harus diletakkan sebagai satu keutamaan dibandingkan dengan keutamaan-keutamaan yang lain. Saya sering menyatakan bahawa kerajaan mungkin kadang-kadang tersalah pandang, tersalah cadangan daripada peringkat pegawai kerajaan sebab perkara yang bukan keutamaan dijadikan keutamaan, perkara yang utama seperti menyelesaikan masalah pokok di kawasan saya di Kinabatangan iaitu satu kawasan luar bandar. Kawasan pilihan raya yang terbesar sekali di negara ini. Masalah pokok masih belum selesai. Masalah jalan kampung tidak selesai, masalah air bersih tidak selesai, masalah elektrik luar bandar tidak selesai. Bagaimana kita bercerita tentang ekonomi, bagaimana kita bercerita tentang ICT? Bagaimana kita bercerita tentang globalisasi dan sebagainya sekiranya masalah pokok seumpama ini masih belum selesai. Saya harap, saya meminta kerajaan....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh?

Tuan Lim Hock Seng: Yang Berhormat ada sentuh tentang keperluan-keperluan asas di kawasan Yang Berhormat seperti bekalan elektrik. Yang Berhormat sebagai seorang ahli Jawatankuasa dalam SGDC, mengapa ia tidak boleh dilakukan dengan serta-merta dengan terlibatnya Yang Berhormat sendiri?

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]* Information Yang Berhormat salah. Bukan SGDC, SASP. Perkara ini tidak dapat diselesaikan sebab memerlukan kewangan, itu sahaja. Justeru itu saya meminta kepada kerajaan supaya memfokuskan kewangan. Itu sebab meletakkan keutamaan. *Priority* dia kepada melaksanakan

program seimbang, bermakna kita akan mencapai wawasan negara maju sekiranya pembangunan di seluruh kawasan seimbang. Tetapi kalau di peringkat bandar sahaja yang dimajukan, sudah ada semuanya pun ditambah lagi. Maka di peringkat luar bandar ini terus terpinggir, terus tertinggal. Bagaimana kita hendak menyatakan permohonan seimbang, bagaimana kita hendak duduk dalam negara maju sekiranya masih ada kampung-kampung atau daerah yang terpinggir. Ini perkara yang amat perlu ditangani oleh kerajaan. Kalau boleh berilah peruntukan yang banyak kepada Kementerian Luar Bandar dan kementerian ini boleh menyalurkan peruntukan-peruntukan yang ada ini untuk menyelesaikan masalah-masalah pokok yang saya kemukakan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga halnya dengan soal menangani penyalahgunaan dadah. Bilangan penagih dadah di negara kita bertambah dari semasa ke semasa, dari waktu ke waktu dari ari ke hari. Dari dahulu saya pernah menyatakan bagaimana dadah ini boleh membolosi negara kita. Di mana letaknya sempadan yang dadah ini dihidang. Sehingga hari ini belum ada jawapan yang pasti. Yang jelas kerajaan telah membuang wang ringgit berjuta-juta untuk tujuan pemulihan. Tujuan pemulihan sahaja. Satu kepala untuk peruntukan dia iaitu RM12. Ini wang yang banyak tetapi hasil yang dipulihkan tidak ramai. Iaitu hanya 10% daripada mereka yang menagih dadah dipulihkan kembali sebagai orang normal, orang biasa. Yang selebihnya mereka akan kembali kepada amalan lama mereka. Mereka akan menjadi penagih, mereka akan jadi pengedar, mereka akan jadi perompak, mereka akan jadi pembunuh, mereka akan menjadi perogol. Seharusnya kita mempunyai beberapa agensi kerajaan untuk menangani isu dadah ini.

Kita ada ADK, kita ada PEMADAM, kita ada kementerian yang menjaga, tetapi yang jelas penagihan dadah senantiasa berleluasa. Statistik dia bertambah dari semasa ke semasa, tidak berubah, tidak turun. Sedangkan negara, Perdana Menteri telah memaklumkan di Dewan yang mulia ini, 'Dadah adalah musuh utama negara'. Saya tidak nampak ada keseriusan agensi-agensi pelaksana ini menangani isu dadah ini. Sebab dadah ini telah membinasakan negara kita. Bukan sahaja di bandar, bahkan di luar-luar bandar. Justeru itu selain daripada Akta yang ada maka kerajaan perlu menumpukan agenda ini untuk memerangi agenda dadah ini sebaik mungkin sebab kita tidak mahu. Kita tidak mahu generasi muda kita mereka menjadi pengemis, mereka

menjadi penagih. Hari-hari ada sahaja yang ditangkap, hari-hari setiap waktu ada sahaja yang dihantar kepada pusat pemulihan , tetapi hasilnya tidak menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, siswazah menganggur juga merupakan cabaran besar yang sedang kita hadapi hari ini. Kerajaan seharusnya mengaktifkan semula dasar penstrukturan semula guna tenaga agar isu pengangguran di kalangan siswazah tidak menjadi bertambah kalut.

Apakah dasar pendidikan kita hari ini hanya berorientasikan kecemerlangan tanpa memikirkan soal pasaran kerja dan yang pasti dihadapi oleh para graduan. Kementerian Sumber Manusia juga wajar melihat permasalahan ini. Justeru itu saya ingin menyarankan agar kerajaan dapat merumus satu rangka kerja jangka panjang. Bagaimana memastikan bahawa setiap graduan kita yang keluar daripada universiti mendapat tempat ataupun mendapat pekerjaan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya tertarik dengan institusi pengajian tinggi yang melahirkan pelajar-pelajar yang inginkan kecemerlangan dan masih pengangguran siswazah semakin berleluasa. Saya ingin tanya Yang Berhormat dan minta penjelasan. Siswazah-siswazah yang keluar sebagai graduan, walaupun merupakan golongan-golongan yang cemerlang dari segi akademik, tetapi mengikut kajian pasaran, dikatakan tidak berkeupayaan untuk menangani temu duga. Tidak berkeupayaan untuk menyahut cabaran-cabaran dunia swasta dan tidak mempunyai karakter di mana mereka sanggup bekerja sampai lewat malam untuk menangani tugas berat yang diberikan.

Ada satu trend baru di mana golongan-golongan bukan siswazah dari sekolah menengah yang keluar yang pada peringkat umur yang begitu muda sekali, 17 , 18 yang sudah masuk ke pasaran kerja sanggup dan mampu untuk menangani cabaran kerja yang lebih hebat. Berbanding dengan para graduan yang keluar baru-baru ini. Apakah pandangan Yang Berhormat dan bagaimanakah masalah ini dapat diatasi?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, saya setuju dengan Yang Berhormat. Ada beberapa faktor pendorong ke arah sehingga menghalang mereka mendapat pekerjaan. Pertama mungkin graduan-graduan ini memikirkan mereka keluar dari universiti dan perlu mendapat keutamaan. Justeru itu mereka tidak akan mendapat tempat yang

sebaik mungkin. Sementara mereka yang tidak masuk ke universiti, mereka akan menggunakan sedaya upaya mereka untuk mendapatkan pekerjaan. Dalam masa yang sama, perlu jelas, bahawa apa juga jenis bentuk pekerjaan yang ditemu duga yang jelas keutamaan dia pengalaman dia kata, pengalaman dua tahun. Bagaimana seorang graduan yang baru keluar dari universiti ada pengalaman bekerja. Ini satu persoalan yang perlu ditangani oleh Kementerian Sumber Manusia. Mana-mana pekerjaan yang diiklankan janganlah ditulis pengalaman dua tahun tiga tahun.

Ini menghalang para graduan mencari pekerjaan. Dalam masa yang sama kerajaan juga pada saya harus menambah institusi pendidikan di negara kita, iaitu kalau boleh memfokuskan dalam institusi kedoktoran ataupun farmasi dan sebagainya. Sebab kalau ini wujud tidak timbul lagi kita menghantar pelajar-pelajar ke luar negara ke Ukrainelah, ke India, ke Rusia dan sebagainya sehingga menimbulkan berbagai-bagai perkara dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Puchong.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai graduan yang menganggur. Saya hendak bertanya adakah Yang Berhormat setuju masalah kita sekarang ini, masalah pokok ialah *mismatch*, maksud saya ialah graduan-graduan yang keluar daripada universiti tidak dapat kerja kerana kursus-kursus yang mereka pilih itu tidak sesuai dengan kehendak atau permintaan pasaran. Ini satu cadangan bolehkah Yang Berhormat cadangkan kepada kementerian yang berkenaan mengenai dasar sumber tenaga negara sebagai contoh dalam IMP ataupun *Industrial Master Plan* yang ketiga yang akan diumumkan pada tahun depan, sanggupkah Yang Berhormat cadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia, bahawa kita mestilah ada satu dasar dan rancangan yang spesifik?

Pada tahun 2020 kita hendak berapa orang *engineer*, berapa orang doktor, farmasi dan sebagainya dan dari sana kita baru boleh merancang untuk mengeluarkan graduan-graduan yang tertentu *either* dalam IPTS atau IPTA supaya masalah pengangguran dan masalah *mismatch* ini tidak akan berlaku lagi. Bersetujukah Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya amat bersetuju dan Tuan Yang di-Pertua saya mengambil hujah daripada Puchong menjadi sebahagian daripada ucapan saya supaya kalau boleh mesti ada dasar yang sedemikian, sebab kebanyakan saya sendiri

melihat pelajar-pelajar kita mendapat ijazah dalam bidang-bidang yang tidak ada pasaran. Ini bukan sahaja merugikan negara bahkan merugikan mereka. Walaupun mendapat ijazah, *master*, *degree* dan sebagainya tetapi tidak ada pasaran. Jadi seharusnya Kementerian Sumber Manusia dan kementerian yang terlibat harus memberi penekanan bahawa pendidikan ini amat perlu dalam negara kita. Pendidikan yang macam mana yang kita kehendaki? Adakah kita perlu doktor berapa banyak, kita perlu farmasi berapa banyak, *lawyer* sudah melambak. Jadi sama ada kita menambah institusi-institusi pengajian ini atau mencari kaedah lain sebab ini perkara perlu. Kita ada graduan-graduan IT atau ICT, tetapi tidak berkualiti kerana ambil dari India dan sebagainya. Kenapa perlu jadi begini? Apa masalah pendidikan ICT dalam negara kita?

Tuan Yang di-Pertua: Lipis.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Kinabatangan, menyentuh tentang *mismatch* tadi, satu daripada sebabnya mungkin kerana kadang-kadang di peringkat universiti terutama dalam ijazah pertama kursus yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar ini ada kalanya terlalu mengkhusus. Kadang-kadang kursus yang ditawarkan macam contohnya aero angkasa, nuklear fizik kadang-kadang kejuruteraan tu yang sangat khusus di peringkat ijazah pertama menyebabkan mereka ini tidak ada pasaran kerja di luar kerana bidang-bidang itu mungkin diperlukan, tetapi tidaklah banyak. Jadi bersetuju tak dengan saya kalau kita mencadangkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi supaya melihat balik kursus-kursus yang sangat mengkhusus ini terutamanya di peringkat Ijazah Sarjana Muda supaya kursus itu lebih *holistic* dan lebih *general* bentuknya.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat daripada Lipis supaya Kementerian Pendidikan Tinggi mengkaji semula kursus-kursus yang ditawarkan. Contohnya kita ada kursus *aero space* apa ada ini dalam kimia. Di negara kita ini memerlukan kelulusan doktor dalam kimia yang sebegini. Tunggulah negara kita maju tahun 2020 baru kita buka balik. Kita perlu soal-soal yang berkait rapat dengan masyarakat iaitu kedoktoran, farmasi, *engineer* dan sebagainya. Ini keperluannya, tetapi malangnya institusi pengajian tinggi kita ini tidak banyak tawaran yang sebegini - - tidak mencukupi. Alasannya tidak cukup menampung pelajar-pelajar untuk bidang ini. Jadi bagaimana untuk mencukupinya? Harus ada cadangan, apakah kita akan berhenti di situ sekiranya tidak cukup. Ataupun kita biarkan sahaja berlaku

seperti yang berlaku pada hari ini. Ini merupakan satu persoalan dan merupakan beban kepada kita.

Di daerah saya satu daerah yang kecil tetapi kawasan besar, di mana graduan menganggur seramai 70 orang. Orang kampung yang kita tolong pergi ke universiti dapat ijazah, ada akauntan, ada semua tidak ada kerja sedangkan prasyarat kemerdekaan kita kerajaan harus menyediakan ruang lingkup pekerjaan kepada masyarakat kita, kepada mereka yang layak. Bagaimana kita membantu mencetuskan ekonomi setempat kalau graduan-graduan kita balik kampung menganggur juga.

Tuan Donald Peter Mojuntin [Penampang]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan. Saya amat bersetujulah ada *mismatch* dalam kita menangani masalah sumber manusia di negara ini. Adakah Yang Berhormat setuju bahawa masalah *mismatch* ini boleh ditangani dengan melibatkan input daripada pakar akademik atau pakar-pakar industri kita yang wujud di negara kita ini, dan adakah masalah yang timbul kerana semua dasar pelajaran kita kini diputuskan oleh birokrat-birokrat dalam kerajaan? Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Penampang sebab cadangan ini amat baik. Kita melihat apabila kuasa-kuasa birokrat-birokrat ini campur tangan dan mereka mungkin terlepas pandang. Mereka hendak merujuk bagaimana kepentingan negara mereka dalam industri pendidikan tinggi ini. Mereka harus melihat bahawa fenomena pengangguran ini tidak membawa keuntungan kepada mana-mana negara.

Berlaku di South Afrika mereka yang menjadi perompak, penyamun, pencuri terdiri dari graduan-graduan lepasan sekolah. Apabila tidak ada pekerjaan mereka menubuhkan institusi mereka sendiri. Di sana diajar bagaimana *pickpocket*, bagaimana mencuri kereta, bagaimana *house breaking*, merompak dan sebagainya. Sementara polis yang ada iaitu polis yang tidak berpendidikan dengan gaji yang rendah. Jadi bagaimana polis tersebut menangkap perompak yang begitu profesional. Mereka ada institusi mereka sendiri, iaitu digelar institusi melatih graduan-graduan ini menjadi profesional dalam bidang menipu, merompak, mencuri dan sebagainya. Ya, Sri Aman.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak merujuk kepada permintaan kepada Kementerian Sumber Manusia yang meminta peruntukan untuk melatih graduan yang menganggur ini, dan kita nampak apa yang telah berlaku apabila peruntukan ini dipersetujui. Persetujuan telah menjadi salah.

Kolej-kolej menggunakan peluang ini untuk mengambil keuntungan. Pensyarah-pensyarah mengambil keuntungan. Yang menjadi mangsa sekali lagi adalah graduan yang hendak dibantu. Apakah pendapat Yang Berhormat kalau ada peruntukan yang besar, yang dapat digunakan beriklan terus untuk mereka terus cuba bakat mereka dalam dunia perniagaan?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya memang mengalu-alukan cadangan yang sedemikian. Justeru itu hasrat murni kerajaan, niat baik ini Tuan Yang di-Pertua walaupun berniat baik, tetapi pelaksanaannya tidak baik maka akhirnya niat yang baik itu akan dialahkan oleh kemungkar. Banyak duit yang diselewengkan, banyak peruntukan yang tidak sampai, jadi pihak kementerian harus mengambil iktibar, harus mengambil peringatan bahawa kerugian ini kerugian bangsa kita. Jangan ada yang melihat perkara tersebut tetapi mendiamkan diri.

Ini sudah kerugian kepada bangsa kita, negara kita. Kalau ini, dijuruskan dan telus kepada penyampaian dia, saya percaya pengurangan daripada graduan menganggur ini akan dapat kita atasi. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Terengganu, Kuala Terengganu sekejap..

Dato' Razali Bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, saya rasa bingung tadi bila rakan saya menyebut tentang siswazah-siswazah penyangak yang menjadi penjenayah, yang menjadi serba macam lagi itu, inilah yang disebut sebagai *intellectual barbarian* ataupun intelek-intelek yang sudah tidak bertamadun lagi. Saya kira kita harus lihat ini berpunca dari asuhan dan pendidikan kitalah, saya nak tanya Yang Berhormat. Apakah berlaku dalam proses asuhan dan pendidikan itu, kita sudah salah. Kadang-kadang kita lupa untuk kita membina adab, membina tata susila.

Cuma memikirkan dari segi memberi maklumat-maklumat dangkal sahaja sehinggakan dia tak dapat memikirkan baik buruknya tentang kejadian atau *being a good human being*. Dalam konteks ini, saya nak mencadangkan apa pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya kurikulum sejak dari sekolah lagi. Kurikulum universiti sendiri itu harus juga melihat bahawa pendidikan ini adalah merupakan salah satu usaha yang menyeluruh, yang *integrated*, yang bersepadu.

Dan satu perkara lagi apabila kita bercakap tentang menganggur sebenarnya, peluang-peluang pekerjaan yang ada di negara kita cukup banyak, lumayan. Sekarang konstabel sudah ada. Petani-petani pun ada. Bekerja sendiri pun ada. Kadang-kadang

kita memikirkan peluang-peluang bekerja dengan kerajaan sahaja. Ini adalah aspek *mentality*. Barangkali pelajar-pelajar mahasiswa kita tidak berfikir secara kritis dan kreatif untuk mencari dan meneroka sendiri pekerjaan-pekerjaan itu. Saya harap Yang Berhormat dapat beri sedikit komentar supaya kita lihat dalam bentuk yang lebih global dan menyeluruh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Cuma saya kurang bersetuju bahawa kita banyak peluang pekerjaan. Sebab bagaimana seorang graduan yang keluar menjadi Konstabel dengan gaji RM600. Awal-awal lagi saya katakan, kalau mungkin gaji dia RM,500, RM1,200, mungkin banyak yang berminat! Tapi kalau gaji 600 bagaimana mereka berminat. Saya menjelaskan tadi iaitu *intellectual barbarian*, ini berlaku di South Africa.

Apabila kerajaan tidak boleh menyediakan ruang lingkup pekerjaan, maka graduan dia menjadi profesional dalam sektor-sektor yang mereka fikir mereka boleh mencari kehidupan. Itulah *reality* dia. Tuan Yang di-Pertua, isu AP, adalah dasar automatif negara. Juga..

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, sebelum AP, penjelasan. Oleh kerana Yang Berhormat tadi ada sebut mengenai universiti, perkara-perkara penting universiti, pelajar-pelajar mahasiswa-mahasiswi dapatlah pendidikan yang baik, supaya kita ada standard yang tinggi, dan saya sekarang baru dapat satu jawapan hari ini yang tidak dijawab mengenai saya ada tanya, Menteri Pengajian Tinggi, mengenai proses pelantikan Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor, Dekan-dekan, sama ada akan dijalankan melalui proses yang telus, yang berdasarkan dari, tanpa gangguan, pertimbangan politik dan kaum demi mencipta budaya kecemerlangan akademik. Dan dua perenggan sahaja jawapan, "Kementerian sentiasa melaksanakan pelantikan Canselor dan pelantikan Naib Canselor di IPTA berdasarkan keserjanaan dan kredibiliti akademik calon-calon yang terpilih.

"Adalah menjadi amalan kementerian untuk mencari calon daripada kalangan ahli akademik, yang mempunyai pencapaian akademik, dan kebolehan kepimpinan yang cemerlang. Kementerian tidak membenarkan apa jua ketekanan dan gangguan pertimbangan politik dan kaum ke dalam mana-mana juga perlantikan ke jawatan utama di IPTA.

"Berkaitan dengan perlantikan dekan-dekan di IPTA pula, ianya adalah perlantikan dalaman yang dibuat oleh naib canselor dari kalangan ahli akademik yang

mampu dan mempunyai keupayaan mengurus, memimpin dan membangunkan universiti.

“Akhirnya oleh itu, lantikan ke jawatan utama IPTA adalah melalui proses yang telus dan berdasarkan kepada merit.”

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini adalah *laughable*. Ini adalah satu *joke* satu *answer*.

Oleh kerana tidak ada merit, tidak ada telus dalam pelantikan, kepada jawatan-jawatan tinggi dalam IPTA semacam naib cancellor, timbalan naib cancellor, dan dekan-dekan. Ini semua mustahak, kalau kita mahu kecemerlangan universiti-universiti di negara kita, antara worlds best university yang kita perlu dikaji dan diatasi, adakah Yang Berhormat bersetuju?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya, betullah itu Yang Berhormat Menteri jawab. Memang ada ketelusan, memang ada. Dan bagi saya, bukan itu persoalan dia untuk kita meletakkan institusi pengajian tinggi kita selaku first class. Bukan itu cara dia. Banyak strategi dan pendekatan yang perlu diguna pakai. Sebab saya percaya, menteri telah menilai mereka yang berkelayakan. Jadi itulah, saya percaya jawapan menteri itu betul. Bukan itu faktor penyumbang kenapa kita tidak boleh mencapai tahap pendidikan tinggi yang cemerlang. Tetapi ada faktor-faktor lain, penyumbang ke arah yang perlu diperbetulkan iaitu bagaimana kita hendak menaik taraf pendidikan tinggi kita sehingga boleh mengundang pelajar-pelajar luar negara memasuki negara kita dalam industri pendidikan ini. Mesti ada pendekatan yang lain. Bukan pasal pemilihan *Vice Chancellor* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, isu AP ataupun dasar automatif negara juga sebenarnya masih menjadi teka teki. Yang masih belum terjawab secara telus. Walaupun sebentar tadi, menteri telah menjawab tetapi pada saya, jawapan itu tidaklah tepat dan tidak boleh menepati isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen selama ini. Kemelut ini pasti sekali akan berlanjutan tanpa penghujung, ia terus jadi polemik selagi ada orang yang bermain wayang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, saya ingin menjelaskan di sini, bahawa industri automatif negara harus dilindungi dengan apa cara sekali pun. Dengan apa jalan sekali pun oleh mana-mana negara. Jawapan menteri bahawa pihak Proton tidak mengaktif, tidak agresif dalam melaksanakan promosi kereta nasional adalah tidak wajar dan tidak masuk akal. Seharusnya, apabila ini berlaku, maka kementerian juga harus

menyumbang idea-idea sebab Proton ini milik negara, bukan milik perseorangan, bukan milik individu dan sebagainya. Apakah menteri ini mahu melihat Proton menjadi *sovereign* yang dibeli oleh negara lain ataupun dimiliki oleh orang lain.

Saya melihat, tidak ada kompromi Tuan Yang di-Pertua. Dengan apa jalan sekalipun, kita kena mengorbankan kepentingan lain termasuk mungkin mengawal kemasukan AP, kemasukan AP seperti jenama-jenama BMW dan sebagainya, Mercedes dan sebagainya atau pun *Porsche* kita tidak larang. Tetapi persoalan yang kita hadapi, menteri perlu perelaskan kenapa AP berbentuk kereta, yang sama rupa, cuma yang lain jenama dengan kereta kita dibawa masuk berlambak ke negara dengan harga yang murah, kualiti dia tinggi sikit mungkin.

Ini yang kita mahu tahu, kenapa perkara ini dibiarkan? Kenapa Proton digalakkan bersaing secara terbuka dengan senjata kita sendiri. Ini nama dia senjata makan tuan. Ada pedang, pedang makan leher sendiri. Apakah menteri ini mahu melihat Proton ini jadi mufliis, jadi bankrap? Dan apa usaha yang dilaksanakan oleh kementerian dalam usaha membantu Proton. Ini isu yang jelas. Bukan soal AP dibagi kepada kita, bukan soal itu, saya tidak peduli. Persoalan dia, bagaimana kerajaan, bagaimana kementerian ini melindungi automotif negara kita sebab ini aset kita, satu-satunya kebanggaan kita.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Memang dasar kenderaan atau dasar kereta nasional kita, kita pertahankan. Tetapi dalam reality, dalam dunia *reality*, kita ada *WTO*, *World Trade Organisation*.

Syarat-syaratnya ialah pasaran kita mesti buka atau kita terpaksa buka pasaran kita, produk-produk daripada negara lain, masuk. AFTA dan sebagainya. Ini bermakna, Malaysia sebagai negara yang ada perdagangan di global, kita terpaksa tunduk kepada syarat-syarat tertentu. Bukan semuanya, tapi syarat-syarat yang tertentu yang telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Dan AP ini memang satu cara untuk melindungi dan juga kereta nasional kita, tetapi dengan proses globalisasi yang sedang berlaku dan akan berlaku dengan lebih giat lagi, lebih serius lagi. Apakah pandangan Yang Berhormat, masih bolehkah kita mempertahankan lagi kereta nasional kita dengan daya saing yang bukan sebegitu tinggi kalau dibandingkan dengan negara-negara lain. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Proses globalisasi, Yang Berhormat, bukan baru, WTO bukan baru, ianya akan datang tetapi sementara. Proses ini belum lagi

menjajah negara kita secara menyeluruh, kenapa kita menjuruskan automatik negara kita ke kancan yang membimbangkan. Tun Mahathir selaku Penasihat Proton menjelaskan bahawa kereta nasional mengalami kerugian sebab bersaing secara terbuka dengan AP yang dikeluarkan oleh kita, yang diusahakan oleh kita sendiri. Apa misi kita? Tujuan apa matlamat kita memperbanyakkan AP untuk francais eksport kereta dan kereta nasional kita dalam dilema.

Yang kedua, saya juga ingin bertanya kepada kementerian ini iaitu contoh terdapat syarikat bumiputera yang bernama *Bintang Cycle*. Ia ada francais import kereta tetapi tidak ada AP, ia ada *showroom*. Syarat yang dibaca tadi oleh menteri ada *showroom*, bumiputera boleh dapat, tidak dapat pula dan dia terpaksa membeli AP daripada syarikat yang dapat AP. Demikian juga dengan *Auto Bavaria*, dia ada *showroom*, dia ada francais lesen, tidak ada AP, dia beli AP orang. *Local contractor* jadi.....

Dato' Razali bin Ismail: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Nanti Tuan Yang di-Pertua, saya kasi habis dahulu. Jadi inilah saya perjelaskan kementerian memperjelaskan. Kalau bilang telus dalam serba-serbi di mana ketelusan berlaku, sedangkan kedua-dua syarikat ini ada *showroom* mereka. Bumiputera cukup *fully* bumiputera, bukan lagi 70%, tetapi 100%, tidak dapat AP. Menteri cakap bumiputera ada francais, dapat, tetapi tidak dapat. Kenapa berlaku begini? Inilah masalah-masalah yang kita hadapi dan kita meminta kementerian harus telus. Pada saya, saya tidak ada masalah peribadi dengan menteri atau dengan kementerian. Saya tidak ada keuntungan bertelagah dengan mana-mana pihak tetapi saya berdiri di sini memperjelaskan apabila ianya melibatkan kepentingan negara, saya tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak.

Dan kalau kerajaan. kalau pimpinan tertinggi negara kena melakukan satu perubahan, kita akan menyokong 100% perubahan yang dilaksanakan. [*Ketawa*] Sebab misi kita, keutamaan kita, keutamaan negara bukan untuk siapa-siapa. Saya bukan tidak sayang menteri tetapi saya lebih sayang kepada negara saya. [*Disampuk*]

Dato' Razali bin Ismail: [*Bangun*]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ya sila.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya tertarik tadi tentang punca segala kemelut itu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Ya. Punca segala permasalahan yang telah ditimbulkan itu. Barangkali puncanya adalah bertitik tolak daripada strategi kita. Strategi kita ialah kita hendak menjadi pengeluar kereta. Barangkali dalam keadaan dunia persaingan yang begitu sengit kita tidak mampu menjadi pengeluarnya sahaja. Sebab apakah keistimewaan yang membolehkan kereta ini laku di pasaran antarabangsa? Barangkali kita cuma perlu memikirkan strategi kita semula, sejarah awalnya. Mungkin kita hanya layak menjadi pihak yang *assemble* kereta sahaja. Kemudian kita boleh menjual ke seluruh pelosok negara. Barangkali ini adalah menjadi puncanya kerana daya saing yang begitu hebat dalam dunia kereta sekarang ini.

Saya membaca baru-baru ini buku tentang *Lexus* iaitu jenama kereta yang dihasilkan oleh Jepun, betapa gigihnya mereka, betapa *persistent*nya mereka, betapa hebat dan luar biasa daya saing mereka *niche the edge* yang dimiliki oleh mereka yang membolehkan mereka itu bersaing di peringkat antarabangsa. Saya ingat ini adalah merupakan kemelut asalnya yang membawa kepada isu ini, saya kira.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat, kereta nasional ini diwujudkan pada tahun 1983. Jadi apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kita mundur ke belakang dan tidak perlu maju ke hadapan? Dalam isu kereta ini, saya terbaca rencana Rolls Royce itu sendiri pernah lingkup, pernah ditutup dan pernah bankrap. Rolls Royce ini syarikat keluarga tetapi oleh kerana keyakinan keluarga, mereka bangunkan kembali industri Rolls Royce itu sehingga pada hari ini mereka menjadi satu entiti pengimport kereta yang termahal di seluruh negara. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat kalau Malaysia hanya layak untuk *assemble* kereta. *[Disampuk]* sebab kita telah buktikan. Yang penting, yang pasti kementerian harus menjaga kepentingan nasional kita. Kalau kepentingan nasional dikorbankan semata-mata untuk kepentingan lain, maka itulah berlaku risiko yang akan kita hadapi.

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: *[Bangun]*

Tuan Donald Peter Mojuntin: *[Bangun]*

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dari Tanjong tadi, Yang Berhormat bagi Tanjong.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang baru dahulu, ini Yang Berhormat bagi Pontian.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat ada menyuarakan rungutan berkenaan dengan kelemahan yang kita hadapi dari segi industri automatif ini. Yang Berhormat, saya hendak menyentuh tentang satu perkara. Banyak perkara sudah Yang Berhormat sentuh sama ada Yang Berhormat menafikan tidak ada perasaan peribadi terhadap menteri dan juga Kementerian MITI, Yang Berhormat sudah menyuarakan semalam hampir kita berehat 15 minit untuk meredakan keadaan.

Satu perkara Yang Berhormat yang belum lagi Yang Berhormat sentuh dan Yang Berhormat bangkitkan, saya ingin mendengar pandangan dan isi hati Yang Berhormat, bagaimana pula dengan hal mereka ini yang sudah kita letakkan sebagai orang yang bertanggungjawab menjalankan sama ada memajukan Proton sebagai contoh, Ketua Operasi atau CEOnya yang kalau kita tengok sesetengah negara menghadapi masalah hendak mencari Ketua Operasinya, CEO agensi-agensi kerana mereka mendapat gaji yang lumayan di sektor swasta.

Dengan kemampuan yang ada, dengan kebolehan yang ada, maka apabila agensi kerajaan memerlukan kepakaran mereka, mereka ini dibayar gaji yang besar, mendapat ganjaran yang begitu lumayan sekali. Di negara kita bagaimana, Yang Berhormat? Adakah halnya begitu, kita meletakkan CEO sama ada dalam GLC, sama ada dalam satu-satu perancangan utama kerajaan, adakah mereka ini pada pandangan Yang Berhormat orang yang layak ataupun salah seorang daripada 70 penganggur di kawasan Kinabatangan pun patut menjadi CEO Proton, apa pandangan Yang Berhormat tentang aspek ini pula? Yang Berhormat belum sentuh lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Saya melihat bahawa kerajaan ataupun kementerian hendaklah menilai mereka yang berkelayakan ini yang ada kefahaman dalam perniagaan, pertama. Kedua, yang ada kefahaman dalam industri automatif itu sendiri. Memang ini sering berlaku sebab apabila CEO-CEO yang dicari ini terdiri daripada profesional, maka sudah tentulah pembayaran mereka akan berlipat ganda dan menghadapi risiko iaitu syarikat di bawah naungan kerajaan ataupun GLC dan ini memang berlaku.

Jadi saya menyerahkan kebijaksanaan ini kepada pihak-pihak yang menghadapi masalah ini. Yang penting pada saya, mereka yang terpilih itu haruslah melaksanakan

tanggungjawab mereka secara amanah sebab apabila saya melihat. ini bukan tuduhan, memang berlaku dalam mana-mana syarikat GLC, yang kaya raya adalah CEOnya, yang senang lenang pegawai eksekutifnya, sementara kerajaan menanggung hutang. Ini yang berlaku. Bermakna pemilihan mereka tidak tepat. Jadi, harus pemilihan itu ada kriteria-kriteria mereka seharusnya tahu apa mereka buat, mereka sumbang, bukan hanya semata-mata mereka diletak situ untuk memberi kesenangan kepada mereka sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Hendak lagi?

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan ya, penjelasan. Tadi Yang Berhormat cadangkan dan melahirkan rasa tidak puas hati dengan jawapan Yang Berhormat Menteri MITI pagi ini dan mahu perkara-perkara yang belum dijawab bolehlah diberikan dengan bertanggungjawab. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa esok Yang Berhormat Menteri MITI akan ada satu *knee operation* dan akan ambil cuti satu bulan?

Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa satu bulan adalah satu masa yang sangat panjang, kita *wish her* dengan izin *a good operation and swift recovery* tetapi satu bulan yang sangat panjang, adakah bersetuju bahawa perlulah kita menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik seorang *acting minister* yang kuat, yang boleh dalam satu bulan ini selesai semua masalah, semua kepincangan dalam perkara MITI datang ke Parlimen hari-hari untuk menjawab semua perkara dan isu. Mungkin melantik Yang Berhormat dari Gua Musang yang baru masuk *acting minister for MITI* supaya perkara ini kita boleh tangani, isu ini tidak boleh tunggu lagi satu bulan.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat setuju?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [*Ketawa*] Ini permainan jahat. Saya tidak boleh jawablah, biarlah Perdana Menteri menentukan sebab saya percaya segala ucapan ini akan direkod dan akan dijawab. Siapa sahaja, yang penting jawapannya jelas kepada kita sehingga perkara ini boleh diselesaikan tanpa perlu diungkit-ungkit lagi sebab kita bukan macam pembangkang, isu 10 tahun lalu pun

direpeat lagi, dibangkit lagi. Itu yang saya katakan mula-mula tadi, dia lagu lama cuma *tune* dia sahaja lain, dia macam rentak opera Cina.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kalau boleh akhir dengan ucapan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya mahu akhir ini, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Hari esok? Bagi.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Oklah, Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Kita diberitahu hari ini Yang Berhormat Kinabatangan, pada pagi ini oleh Menteri MITI bahawa AP ini merupakan satu mekanisme, pendekatan untuk melindungi kereta nasional Proton. Itu merupakan tujuan walaupun ianya bertentangan dengan WTO seperti yang diberitahu, tetapi hari ini kita melihat bahawa AP adalah merupakan mekanisme yang digunakan itu tetapi memakan industri automobil kita sendiri Proton. Adakah Yang Berhormat bercadang agar diperhalusi pendekatan-pendekatan di dalam AP ini agar matlamat dan kehendaknya untuk melindungi kereta nasional itu akan dapat dijayakan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila akhiri ucapan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya ulas dahulu baru saya akhiri,, Tuan Yang di-Pertua Inilah yang kita minta Tuan Yang di-Pertua supaya kerajaan, supaya kementerian memikirkan kepentingan negara.

Apabila saya sebut kepentingan negara bermakna dia mendahului kepentingan segala-galanya termasuk kepentingan yang kita fikir perlu sebab biasanya kepentingan negara ini akan menjadi satu permasalahan sekiranya kita bertentangan dengannya sebab negara adalah negara kita, yang kita jaga ini negara kita, kepentingan kita, soal kita. Kalau kita tidak menjaga, siapa lagi yang menjaga? Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir iaitu soal berjimat-cermat juga merupakan topik menarik, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga kerap bercakap soal ini. Kita perlu berjimat, kita perlu berbelanja berhemah itulah pesanan beliau tetapi soalnya dalam kita bercakap sampai berbuih mulut ada pihak lain yang sengaja menanggung di air keruh, mengaut keuntungan besar.

Ini bermakna pasar Mega *Sale* atau Karnival Membeli-belah tetapi program TV realiti. Kita lihat sendiri kerana Mawi, berapa juta rakyat kita terpaksa berbelanja besar, yang untung pengendali rangkaian telekomunikasi yang menyediakan perkhidmatan sistem pesanan ringkas (SMS). Ini tidak termasuk Mentor ataupun Mencari Jodoh, ataupun *Malaysian Idols* dan sebagainya. Selain program realiti yang terus menjadi

kegilaan ramai wajarkan program sedemikian diteruskan? Cerita pasal Mawi semua orang jadi teruja, semua orang terpukau dengan aura budak kelahiran FELDA ini. Bukan sahaja anak atau bini kita yang gila kepada budak kelahiran program realiti TV Akademi Fantasia ini tetapi malangnya PAS juga turut tumpang, *tuai* kepada Mawi.

Apakah sudah jadi kepada PAS? Mawi ternyata telah berjaya merubah minda dan pemikiran jumud orang-orang PAS, pasal Mawi tokoh-tokoh PAS terpaksa bergaduh, berperang, berbelah sesama sendiri. Pasal apa? Jawabnya Mawi adalah produk atau jenama yang perlu kita eksploitasi. Kenapa agensi dadah tidak menjemput Mawi untuk berkempen pasal dadah? Mengapa Kementerian Belia dan Sukan tidak mengambil Mawi sebagai satu mekanisme menjana minda generasi muda ke arah budaya yang lebih cemerlang? Saya melihat Tuan Yang di-Pertua bahawa isu Mawi ini harus dieksploitasi oleh Kementerian Belia ke arah memberi jaminan bahawa belia kita yang mereka gila dengan Mawi gilalah, yang penting mereka tidak gila menjadi penagih dadah. Mereka tidak menjadi perompak, mereka tidak menjadi *terrorist*, mereka tidak menjadi penyamun. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua saya menyokong.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

3.26 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum w.b.t. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi, dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa, dalam kesempitan hidup ada keluasan ilmu. Hidup ini indah, Tuan Yang di-Pertua jika tahu mensyukuri segala-galanya dari Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, setuju.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selamat Berpuasa Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Selamat Berpuasa sahabat-sahabat yang beragama Islam di Parlimen ini. Selamat Berpuasa insya-Allah ukhrah kita akan berpuasa besok, insya-Allah kita akan berpuasa dan puasa ini memberikan kesempatan kepada kita untuk berbakti kepada Allah. Ya, sudah barang tentu dalam berbakti kepada Allah tuntutan berbakti kepada bangsa, agama dan negara akan disertakan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang bagi bersama-sama menyokong Bajet 2006 itu. Suatu bajet yang lahir dari seorang pemimpin yang berjiwa rakyat, dari rakyat kepada rakyat dan inilah amalan yang sentiasa dilakukan oleh pucuk pimpinan Barisan Nasional yang berniat ikhlas, berniat tidak lain tidak bukan Lillahi taala berkhidmat untuk bangsa, agama dan negara dan akhirnya rakyat menerima faedah-faedah, kebaikan-kebaikan dari natijah kebaikan yang dilakukan oleh pemimpin. Saya mungkin hendak bercakap 10 perkara, Tuan Yang di-Pertua, kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada masa.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua, masa ada di mana-mana Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama dan yang auala Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan salah faham - "salah faham" pengikat kata, ramai orang salah faham Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Kinabatangan.

Ramai orang salah faham, Tuan Yang di-Pertua. Sri Gading dan Yang Berhormat Kinabatangan tidak pernah - saya ulang sekali lagi Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah hendak bersekongkol, hendak berkompromi dengan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, tidak pernah. *[Ketawa]* Ya, dia pun tahu, Sri Gading dan Yang Berhormat Kinabatangan tidak pernah kompromi dengan dia, tidak akan kini dan selamanya.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Wooooooo.....*[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa Yang Berhormat bagi Sri Gading menafikan? Semalam kata boleh, semalam kata boleh bersekongkol, hari ini datang ke Dewan sini tidak boleh kenapa? Kenapa tarik balik?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gading, Kinabatangan dan Malaysia memang boleh, tetapi boleh bagaimana? Secara kebetulan Tuan Yang di-Pertua, kami bercerita tentang Fasal 26(1)(p), Yang Berhormat Ipoh Timor cerita 26(1)(p), saya cerita 26(1)(p), Yang Berhormat Kinabatangan bercerita 26(1)(p).

Di sini salah faham disebabkan Yang Berhormat Ipoh Timur dahulu dapat bercakap 26(1)(p) dan saya bercakap kemudian dan Yang Berhormat Kinabatangan cakap kemudian.

Jadi, orang tengok macam menyokong Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, sebenarnya tidak. Kalau saya yang dapat cakap dulu, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur ikut saya tetapi tetap dia tidak sokong saya. *[Ketawa]* Saya harap jelas, *[Disampuk]* cukup jelas. Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu kenapa bertanya pula. *[Disampuk]* Saya harap pemberita berlaku adillah kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, tidak ada niat jahat. Yalah, akhbar ada peranan dia, silalah peranan dia, kita memang pun perlu peranan akhbar. Cuma saya harap kenyataan saya ini besok diterangkan pula keadaan umum bahawa Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tidak sekali-kali menyokong Yang Berhormat bagi Ipoh Timur atau parti pembangkang. Kami tidak sekali-kali yang lalu, kini dan selamanya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa Yang Berhormat bagi Tanjong, ini cerita Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, Yang Berhormat bagi Tanjong kenapa hendak campur pula.

Tuan Chow Kon Yeow: Adalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sila, sila.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Mengikut ucapan Yang Berhormat bagi Sri Gading dengan ucapan Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi, saya rasa kedua-dua Ahli Yang terhormat merasa sangat bahawa esok sepatutnya Kabinet langsung tidak menyentuh apa yang berlaku kepada dua-dua Ahli Yang Berhormat, sebab ini memang hasrat kedua-dua Ahli Yang Berhormat, mereka telah memberi penjelasan bahawa mereka ingin menuntut kebertanggungjawaban dari Menteri terhadap isu-isu AP dan dasar kereta nasional yang menarik perhatian semua rakyat.

Saya rasa kalaulah Kabinet akan membangkitkan isu ini, ini akan menjadi satu perkara yang amat sedih, bukan kepada dua-dua Yang Berhormat sahaja tetapi kepada Dewan ini dan lain-lain Ahli Dewan, sebab institusi Parlimen adalah satu forum di mana rakyat memilih kami semua ini untuk mewakili mereka, menuntut supaya kerajaan ada pentadbiran yang tulus, bertanggungjawab dan sebagainya. Jadi, kalau tindakan

diambil ini, saya rasa kita semua merasa sedihlah kedua-dua Ahli Yang berhormat yang cuma ingin memainkan peranan yang baik dapat balasan yang tidak sepatutnya diberikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Melencong jauh. Saya ingat Yang Berhormat bagi Tanjong, Pulau Pinang sudah banyak jauhlah. Kami tidak ada apa-apa hukuman, kami tidak buat salah, peraturan dalam Dewan ini pun kami tidak langgar, peraturan parti pun kami tidak langgar, tidak ada apa-apa. Cuma kadang-kadang salah faham, ada orang kata minta maaf, kita minta maaf. Kalau dianggap salah minta maaf macam-macam, manusia ada silap salah. Jadi, isu AP ini berbeza, lain, yang saya hendak masuk sekarang.

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa lagi ini Yang Berhormat bagi Batu Gajah, jangan kacau saya, jadi saya lekas bercakap.

Cik Fong Po Kuan: Saya hendak bantu Yang Berhormat. *[Disampuk]* Yang Berhormat kekanda yang saya hormati semalam. *[Disorak]* Yang saya hormati semalam. Saya rasa Yang Berhormat tidak perlulah mengelirukan kita semua dalam Dewan. Jangan risau kekanda yang saya sayangi, saya di sini akan merayu kepada Yang Amat Berhormat agar jangan ambil tindakan terhadap Yang Berhormat bagi Sri Gading dan Yang Berhormat bagi Kinabatangan sebab saya rasa semalam Yang Berhormat betul-betul luahkan perasaan Yang Berhormat bagi membela nasib orang ramai berkenaan isu Kementerian MITI ini.

Jadi, jangan risau Yang Berhormat, saya di sini akan merayu, saya haraplah Yang Amat Berhormat dan yang lain-lain Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri ada, tolong sampaikan kepada Menteri, mesyuarat Kabinet esok, janganlah ambil tindakan terhadap kedua-dua Yang Berhormat, *[Disampuk]* sebab mereka betul-betul bersuara untuk rakyat. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang: Sokonglah, sokong, sokong.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Yang Berhormat adinda Batu Gajah.

Tuan Lim Kit Siang: Lepaskan, lepaskan Yang Berhormat bagi Sri Gading. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi kita gembira, Tuan Yang di-Pertua, gembira. Menteri yang dirindu-rindukan itu sampai juga

ke Parlimen, dia menjawab. *[Disampuk]* Dia menjawab. Itu soal dialah menjawab. Ada pemberita tanya puas hati atau tidak dengan jawapan dia, saya tidak hendak jawab kerana masing-masing punya pendapat ada kata puas hati tetapi ada juga orang kata makin bingung, makin keliru, bercelaru. Ini tidak dapat hendak kita nafikan, Tuan Yang di-Pertua, pendapat, persepsi orang-orang tertentu secara individu, dia masing-masinglah tetapi bagi saya satu yang saya hendak tanya tetapi tidak dapat tadi, Tuan Yang di-Pertua, bijaksana sangat pengerusi yang menjadi pengerusi tadi. Saya tidak dapat, bangun empat, lima kali tidak dapat, Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak apalah kerana peluang petang ini saya dapat menggunakan.

Yang orang jadi bingung ini, Tuan yang di-Pertua apa sahajalah Menteri hendak jawab, jawablah. Yang jadi bingung orang kerana kenapa ada dua orang dapat berpuluh-puluh AP? *[Disorak]* Berpuluh ribu boleh dimonopoli oleh dua orang. Dia tidak jawab tadi, memanglah dia jawab itu, jawab ini, jawab itu tetapi keraguan dan pertanyaan di masyarakat begitu hebat. Kenapa tidak jelaskan? Kenapa ada orang boleh monopoli berpuluh-puluh ribu, Tuan Yang di-Pertua? Yang lain tidak dapat. Macam Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi kata, beberapa contoh kenapa tidak boleh dapat? Ini yang menjadi kebingungan. Menteri MITI kata dia telus, dia adil, ikut syarat, betullah tetapi kenapa ada orang boleh dapat berpuluh-puluh AP?

Lebih lagi orang bertanya ada di antara bekas yang dapat ini, salah seorang daripadanya bekas pegawai tinggi MITI yang bersara. Corong tidak ada.

Seorang Ahli: Mana *transparencenya*?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Di mana dia punya ketelusan? Saya tadi kalau dapat bangun tadi, saya hendak tanya. Jadi jangan kata DAP, kami ini sudah dijinakkan. Oh! Tidak. Kami dibeli, tidak. Tuan Yang di-Pertua, kami dapat AP memang hak kami, kita layak. Yang kita dukacita apabila nama kami dikeluarkan, orang rakyat ramai salah faham, salah faham. Yang Berhormat bagi Kalabakan, orang di kawasan dia kata, "*Wah! Kamu sudah kaya, ya?*" Kerana dapat AP satu bernilai satu juta. Orang salah faham, Tuan Yang di-Pertua, hendak diapakan kalau rakyat biasa salah faham, hendak diapakan?

Jadi, orang anggap semua Ahli Parlimen ini kaya raya sudah. Walhal dapat AP satu kereta terpakai, Tuan Yang di-Pertua. Alahai! Pakai dua tahun kena tembak, buang ke laut. *[Ketawa]* Tetapi rakyat berfahaman, makna satu AP itu, "*Wah! Kamu Kinabatangan kaya kau, dapat satu juta*", hendak diapakan? Jadi, itu sebab kadang-

kadang orang beranggapan kepada Ahli Parlimen ini, maknanya perkara-perkara yang tidak berkenan di hati rakyat. Kamu dapat keistimewaan saya baca dalam surat khabar, “Wah! Patutlah wakil rakyat jangan diberi keistimewaan”. Dia anggap satu AP itu agaknya bernilai satu juta. Hendak diapakan kerana Menteri MITI tidak hendak beritahu pula.

Seorang Ahli: Dia sengaja main kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang kena main, kami. Itu Tuan Yang di-Pertua. Habis cerita itu.

Yang keempat,

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Lima!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Empat! Janganlah Yang Berhormat bagi Larut, jangan kacaulah. Yang keempat. Saya hendak jelaskan salah faham tadi tentang DAP, salah faham tentang jawapan AP. Ini salah faham yang ketiga pula, hendak jelaskan, ini ‘Negaraku’. Saya bawa semalam, Tuan yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua yang pengerusi semalam, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan yang di-Pertua yang memberi laluan saya membuat soalan tambahan. *Hattan* menyanyi ini salah. Saya baca surat khabar hari ini dia menafikan.

Saya hendak satu keputusan muktamad, Yang Berhormat Dato' Seri Menteri apa? Kesenian dan kebudayaan dan Warisan, katanya dia semalam, okey kita siasat. Mari minta jasa baik, RTM 1 yang merakamkan pertandingan akhir, tolong siarkan malam ini, Lagu Negaraku yang dinyanyikan oleh Hattan, Lagu Negaraku, mari kita sama-sama lihat pukul 8.00 malam ini, dia salah kah atau saya salah? Kalau Hattan salah, saya harap Yang Berhormat Dato' Seri tidak usah sebut nama, Dato' Seri Menteri harap diambil tindakan betul, Yang Berhormat Dato' Seri dari Jelebu, Hah! Yang Berhormat Dato' Seri dari Jelebu, dia berjanji semalam kalau Hattan benar-benar salah, ambil tindakan. Supaya ini menjadi pengajaran kepada rakyat hormatilah lambang-lambang kemegahan negara, tidak ada kompromi Tuan Yang di-Pertua, lambang-lambang ketinggian kemegahan negara harus dipertahankan...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Santubong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga melihat perkara

menghina bendera telah dipersoalkan Yang Berhormat Sri Gading dan saya rasa amat terkena juga apabila bahkan pada pagi tadi keluar dalam televisyen, bertanyakan tentang apa hukuman yang patut diberi kalau seseorang itu menghina bendera Malaysia ataupun Jalur Gemilang ataupun lagunya.

Pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya dengan Sri Gading sama ada setuju atau pun tidak. Barang siapa yang tidak boleh menghormati simbol kemerdekaan ataupun kedaulatan negara ini, hanya satu Tuan Yang di-Pertua jangan dihukum, jangan dihantar penjara dan sebagainya, hantar dia ke luar negara, *strictkan citizenshipnya*, buang dia, bukan orang Malaysia ini kalau tidak boleh menghormati negara ini dia tidak layak diam dengan itu sahaja, kalau dia hendak cari negara lain, boleh cari negara lain, diamlah dekat sana. Saya hendak tanya Sri Gading setuju atau tidak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sangat setuju, betullah jawapan, betul kah Yang Berhormat bagi Santubong?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey, jadi minta ...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jerai bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Sri Gading, Sri Gading ini dekat Ramadhan dia punya angin dia tinggi bulan Ramadhan nanti dia akan turun Tuan Yang di-Pertua, tidak apa...*[Ketawa]* Insya-Allah esok dia *slow*. Cuma saya ingin bertanya dan minta pandangan Yang Berhormat Sri Gading. Seperti kita tahu panji-panji ini adalah kedaulatan, adalah maruah. Oleh sebab itu dalam peperangan panji itu tidak boleh gugur menyembah bumi Tuan Yang di-Pertua kerana ini adalah maruah dan zaman peperangan Rasulullah dahulu pun kalau tidak silap saya, saya kurang arif barangkali Yang Berhormat dari Pasir Mas, dia lebih arif. Sebab dia dengan peluru pun dia cekak, peluru boleh berbunyi 'boom' *[Dewan menjadi riuh seketika]* Itu cekak, Pasir Mas saya tidak tahulah penulis *Hansard* hendak tulis peluru itu berbunyi..*[Ketawa]* Mungkin hendak beri ucapan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya Yang Berhormat sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Maknanya dia prihatin tentang peluru. Adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kerana saya lihat

kadang-kadang dalam *event* tertentu, mereka hendak *fly off* kereta berarak kah apakah, mereka lupa bahawa mereka menggunakan panji ataupun bendera Malaysia dan bendera itu terkena bumi. Kecuali kehormatan kepada ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Agong dan juga Sultan, itu kita lihat semasa ia diturunkan. Apakah Yang Berhormat ingin memperingati apa sahaja *event* yang dianjurkan supaya apabila menggunakan panji-panji terutama sekali panji negara kita, jangan sekali-kali ia tunduk dan panji itu terkena bumi. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya amat bersetuju Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Ramai, dan kebanyakan yang buat salah ini ialah pembesar-pembesar memang tidak boleh panji-panji itu dijejakkan ke bumi kerana menjejakkan panji-panji ke bumi makna menghinanya. Tidak boleh, oleh sebab itu bendera ini sentiasa di atas, tidak boleh. Saya harap pengajaran daripada apa yang kita bangkitkan di parlimen ini, akan ada satu pengajaran secara menyeluruh bagaimana cara-cara rakyat menghormati lambang-lambang tertentu yang menjadi kebanggaan dan simbol kepada kemuliaan bangsa dan negara, cukup Jerai, terima kasih.

Tuan Devamany a/l. S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Sri Gading, saya ingin tanya, ada satu budaya fesyen sekarang untuk menggunakan bendera sebagai pakaian, belum ke peringkat seluar dalam lagi tetapi di peringkat apabila semua orang dia pakai skirt, dia pakai seluar, dia jahit dengan lambang-lambang sekali, apa pandangan ini? hah dengan topi sekali.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, bagi saya itu bercanggah dengan penghormatan dan kehormatan bagi satu-satu lambang, bercanggah. Songkok letaknya di atas, kalau ada orang pakai kasut, dia salah dan dia ada semua tempat tertentu jadi bendera sepatutnya tidak boleh dibenarkan untuk menjadi pakaian, bendera ialah bendera, tidak boleh. Itu pandangan saya, tetapi mintalah pihak kerajaan keluarkan satu *order* garis panduan, macam mana sebenarnya hendak menghormati bendera, bendera ini pun, saya dahulu EXCO Johor, orang tanya saya kata ke radio, ukuran dia pun tidak boleh hendak dibeza-bezakan, ukuran panjang, ukuran lebar, besar garisan melintang itu, warna yang dipakai, dia tidak boleh berbeza daripada keaslian yang diterima sebagai perkara-perkara yang diperundang-undangkan, tidak boleh, tidak boleh diremehkan.

Ini ramai orang sekarang tidak peka, ambil contoh, orang Melayu pakai baju Melayu, pakai sampung, pakai seluar, tetapi tidak bersongkok, dia bukan pakaian Melayu. Ini artis banyak ini, tidak lama lagi kita hendak menyambut bulan puasa nanti, banyaklah artis yang menunjukkan contoh-contoh yang bukan Melayu, konon dia Melayu tetapi dia bukan Melayu jangan sentuh perkara-perkara yang menjadi harta khazanah dalam budaya. Tidak boleh sentuh, ini harus masing-masing kita ada budaya, ada pusaka yang harus sama-sama kita hormati.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sri Gading, sedikit lagi boleh tidak? Saya apabila teringat Yang Berhormat bagi Sri Gading dengan penuh perasaan, dengan penuh semangat sayangkan bendera kita bermakna Yang Berhormat kalau kita belah dadahnya walaupun darah mengalir tetapi kita dapat melihat jiwa sebagai bangsa Melayu yang cukup tebal. Apa kata Yang Berhormat kadang-kadang kita lihat, badan-badan tertentu atau organisasi-organisasi politik tertentu mereka sanggup memijak dan membakar bendera kita kerana hendak memuaskan perasaan mereka dan kadang-kadang rakyat kita sendiri yang melakukan benda-benda seperti ini kerana protes tertentu, kerana marah kepada kerajaan dan sebagainya.

Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading, hukuman yang sepatutnya kita beri kepada mereka-mereka ini yang memijak, yang membakar bendera kita walaupun kadang-kadang orang asing yang datang di sini juga biasa merendah-rendahkan bendera kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Apakah pandangan Yang Berhormat Sri Gading, orang-orang seperti ini sama ada mereka ini harus kita bakar kembali ataupun harus macam mana kita buat, [*Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa*] Ini kita hendak tanya kepada Sri Gading? Sebab kadang-kadang Sri Gading semangat tetap Yang Berhormat *steady*, perlahan-lahan, senyum itu, senyum walaupun berumur tetapi cukup manis, cuma lesung pipit apabila tua dia hilang semasa muda dahulu dia ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang baru sahaja mempengerusikan mesyuarat, ini pengkhianat. Bagi orang-orang yang bertamadun, bagi orang-orang yang harga diri,

bagi orang-orang yang ada kemuliaan, kalau dia dipanggil pengkhianat, dia lebih dahsyat daripada hukuman bunuh. Lebih dahsyat daripada hukuman penjara, lebih dahsyat daripada hukuman denda. Orang-orang yang mempunyai keperibadian yang tinggi, terserahlah kepada pihak yang berkuasa, macam mana nak hukum, Jerai. Kita tengok, kita tengok, bagaimana tersinggung, apabila Selangor menang dengan Perlis, tiba-tiba ada orang bawak bendera Indonesia, Pak. Kita terguris, terseksa, di Bukit Jalil di Kuala Lumpur, yang main Selangor dengan Perlis. Ya, mentang-mentang Pak siapa tu menyumbat tiga gol, pemain import dari Indonesia, lantas bendera Sang Saga Merah Putih dikibarkan. Kita tersinggung ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, bukan bendera sahabat kita juga...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, betul sahabat Tok, tapi suasananya, tempatnya, masanya, kita hormati bendera negara-negara sahabat, acaranya, tersinggung. Tanyalah orang-orang Selangor, terkedu dia, dalam kegembiraan menyambut kemenangan maka hatinya terhiris, bak dicucuk oleh sembilu. *[Ketawa]* cukup saya berubah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan Yang Berhormat, bila Yang Berhormat marah tadi kepada pemain import yang diupah oleh pasukan Selangor, Yang Berhormat sendiri pun bercakap dengan loghat ke sana, kapan pun begitu...kok begitu bunyinya? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itu slenglah Dato', tak apalah kadang-kadang kita.... agaknya FAM, betul? Mana orang FAM mana dia lari? Mana dia? *[sambil melihat tempat duduk YB Larut]*

Beberapa Ahli: Dia lari, dia lari keluar dia takut..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...dan untuk rakyat Malaysia, menungkan, apa yang nak saya sampaikan. Apa untungnya pemain *import* ni, pemain *import* ini apa untungnya? Apa untungnya, menanglah Selangor, siapa yang main, apa bangganya kalau saya jadi rakyat Selangor? Apa bangganya, yang main ya Pak Suharto, yang main Pak African, yang main Italian ...

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Gombak bangun, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ..orang Selangor, terusik dan tercabar.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sri Gading. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan bahawa, kalau kita tidak mempunyai sesuatu kemahiran itu, bukankah perlu kita mendapatkan kemahiran daripada orang ataupun daripada negara yang lebih baik supaya ada *transfer of skill* ataupun *transfer of knowledge*, jadi lama kelamaan ini boleh melatih anak tempatan untuk menuju ke arah kecemerlangan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tak adanya *transfer of skill*, dah lama kita import pemain luar, pemain kita “pengkar” juga, apa benda *transfer of skill*, tak ada faedah, kena tipulah. Orang Malaysia berjiwa merdeka, jangan bermain bola pun nak bergantung orang luar, rentikanlah bergantung orang luar, biar bodoh sikit, biar anak bangsa, biar kita main cara kita, pedulilah, lama-lama besok Ghani Minhat, betapa hebat, siapa arwah tu, Mokhtar Dahari,.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading, Yang Berhormat Parit bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:siapa lagi So Chin Aun, Karpal Singh, siapa lagi [*Ketawa*] bukan Karpal Singh, siapa tu Santoh Singh kan, atok singh, macam-macam singh, Soh Chin Aun...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Parit Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ..hebat dulu Yang Berhormat, tak payah import, kita jadi juara Asia, tak payah import, kenapa hari ini import macam-macam .. [*Ketawa*] Ha, Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Oleh kerana bola sepak ini adalah sukan nasional, sukan rakyat dan saya bukanlah nak membela Selangor, cuma apa pendapat Yang Berhormat Sri Gading, sejak kita mengimport pemain-pemain bola sepak daripada seluruh pelosok dunia, jika dibandingkan dengan tahun 70-an, bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang prestasi bola sepak negara jika dibandingkan dengan akhir-akhir ini, sejak kita mengimport pemain-pemain dari pelosok negara yang saya sebutkan tadi. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya dah puas bercakap, semua naik, kecuali mutu bola sepak, semua naik....

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Apa naik?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullah al azim.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kinabatangan.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita gurau-gurau, kadang-kadang kita kata semua barang naik, semua benda naik, kecuali bola sepak. Apakah Yang Berhormat bersetuju, bahawa organisasi bola sepak ini, Kementerian Belia dan Sukan harus memainkan peranan, harus ada revolusi dalam persatuan bola sepak itu sendiri, sebab sudah hampir sepuluh tahun kita menanti kebangkitan pasukan bola sepak kita. Baru-baru ini pasukan 23 tahun ke bawah kita 7 – 0, kena bantai, kena bantai oleh pasukan kalau kira, negeri kita lagi maju, sebelah Thailand. Kena belasah oleh Vietnam, Myanmar.

Baru-baru ini Naib Presiden Bola Sepak, kebetulan Ahli Parlimen Larut mengatakan, waktu forum iaitu masyarakat tidak memberikan sokongan yang padu, bagaimana mahu memberi sokongan yang padu, tahun-tahun dibagi sokongan kalah terus, kalah, kalah. Macam mana kita nak menyakinkan rakyat kita memberikan sokongan yang padu, kalau kita terus kalah. Apakah Yang Berhormat mahu mencadangkan bahawa ada rombakan mahu ada strategi, mahu ada pendekatan yang paling berkesan untuk memberi keyakinan kepada pemain-pemain kita, agar kita bangkit sebagai pasukan bola sepak yang berjaya. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jawapan yang paling tepat, setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat banyak bersetuju dalam bidang ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Al-ustaz, sahabat saya, nak tanya Mawi ke yang PAS import ke Kelantan, sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada tiga perkara yang saya nak minta pandangan Yang Berhormat Sri Gading ni.

Pertama sekali, saya tengok sebahagian Menteri-menteri yang Islam, Melayu Islam ni apabila dalam sesuatu majlis tak pakai songkok, tapi pakaiannya kebangsaan.

Jadi Yang Berhormat kata ini satu pengkhianatan terhadap budaya. Jadi apa yang Yang Berhormat nak kata kepada mereka ni, supaya mereka memakai pakaian lengkap. Satu.

Yang kedua, kita tengok waktu berlakunya kematian syahid, para syahid di Palestin, mayatnya tu dibungkus dengan bendera Palestin, itu satu penghormatan, Di Amerika, di England pun sama, bila tentera-tentera mereka dibunuh atau terbunuh di Iraq, dibungkus dengan bendera negara. Adakah kita boleh bersetuju sekiranya tentera kita mati, untuk memberi penghormatan kepada mereka kita letakkan bendera Malaysia, sedangkan Yang Berhormat kata tak boleh, tak boleh sentuh tanah. Itu saya minta pandangan.

Yang ketiganya Yang Berhormat, ada satu lagi, adakah Yang Berhormat nak mintak supaya FAM ni, terutama sekali kepada Yang Berhormat daripada Larut, supaya mengadakan satu *regulation*, satu peraturan, tidak boleh mengibarkan lain dari bendera Malaysia atau bendera negeri waktu menyambut kemenangan bola sepak itu, di mana seperti yang berlaku di Selangor baru-baru ini. Jadi, adakah Yang Berhormat hendak mencadangkan kepada FAM supaya mengadakan peraturan itu? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih sahabat saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat terus jawab, terus gulung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Allah hai Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang pertama itu, saya setuju, salahlah. Pakai baju Melayu mesti sokong. Biar siapa pun, menterikah, siapakah. Hendak pakai baju Melayu, pakai baju Melayu, sampung, seluar dan songkok. Itu pakaian Melayu. Naik buka bendera itu saya rasa tidak salah, sebagai suatu penghormatan syahid. Gugur kerana negara. Itu tidak salah. Yang ketiga itu setuju sahajalah. Buat peraturanlah. Jangan ada bendera lain pula kita tengok.

Saya minta maaf Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa. Kadang-kadang orang salah faham, di kilang ada tiga batang bendera. Satu tengah-tengah ini dia letak bendera kilang dia atau syarikat dia. Sebelah kanan dia taruk bendera Persekutuan, sebelah kiri dia patut bendera negeri. Salah. Tidak boleh! Di mana-mana pun yang tengah mesti bendera Persekutuan! *[Nada tegas]* Tidak boleh bendera polis

umpamanya, bendera kastam umpamanya, bendera kilang keretakah umpamanya, tidak boleh. Di tengah-tengah mesti bendera Persekutuan, kanan itu bendera negeri dia dan kiri bendera institusi dia. Itu peraturan.

Tetapi banyak orang kita tengoklah, dia bukan faham fasal dia tidak tahu macam mana hendak meletakkan kehormatan dia. Tuan Yang di-Pertua, saya banyak Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Orang lain pun banyak juga Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh Batu Pahat Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Minta gulunglah Yang Berhormat, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Allah Tuan Yang di-Pertua.....*[Mengeluh]* Ini semua fasal Ipoh Timurlah ini. *[Ketawa]* Cakap tujuh jam tidak ada faedah. Allah Tuan Yang di-Pertua, saya hormat Tuan Yang di-Pertua. Nanti takut pula masuk dalam surat khabar, "Padah Menentang Pengerusi", payah lagi saya. *[Ketawa]* Tetapi bagi satu ini Tuan Yang di-Pertua, masalah air. Saya berharap sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkaitan dengan ini harus agaknya selesaikan masalah *Southern Water Corporation (SWC)* yang gagal memproses air bersih untuk dibekalkan kepada SAJ dan SAJ membekalkan kepada pengguna.

Masalah air yang tidak begitu baik mutunya, masalah bekalan yang selalu terganggu, telah mengakibatkan kesengsaraan kepada 400,000 lebih kurang penduduk-penduduk Batu Pahat. Batu Pahat ini ada empat Parlimen Tuan Yang di-Pertua. Sri Gading, Batu Pahat, Ayer Itam dan Parit Sulung. Kita menghadapi tekanan daripada pengundi-pengundi kerana kegagalan SWC memproses air. Kenapa tidak agaknya SWC mencontohi seperti SYABAS, syarikat air mengendalikan air di Selangor.

Kita tengok Y.Bhg Tan Sri Razali Ismail, apabila berlaku loji di mana itu? *[Bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan]* yang tercemar lori minyak dekat Gombak, ya? Dia turun tengok, ooh, contoh penswastan yang baik. Kenapa Tan Sri Syed Mokhtar tidak hendak ikut contoh. Dia telah pun berbelanja saya dengar RM40 juta lebih tetapi dia sudah kaut RM200 juta lebih.

Seorang Ahli: Ooh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak bolehkah SWC berkorban, bukan wang dia. Wang daripada keuntungan jualan air kepada rakyat! *[Nada tegas]*

Seorang Ahli: Ooh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ooh!.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Contohilah SYABAS. Pengurusan yang macam itu, pengurusan yang begitu baik. Tan Sri Razali contoh swasta. Anak Melayu jati yang berjiwa rakyat. Jangan duduk dekat atas sahaja, turunlah ke bawah dan yang kami minta ini perkara yang bukan susah. Mintalah pihak kementerian, nasihatkanlah pengurusan SWC.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pandanglah masalah kami. Kami merayu Dato'.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okey, bagilah penghabisan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey. Tuan Yang di-Pertua kata boleh bagi. Adinda Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Yang Berhormat bagi Sri Gading telah membangkitkan krisis air di Batu Pahat. Yang Berhormat, bolehkah apa yang bangkitkan ini jadi sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Sri Gading, masalah air juga berlaku di Yong Peng dan di kawasan Kluang. Apakah Yang Berhormat akan minta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melihat atau menyiasat keasidan air yang menimbulkan pelbagai masalah kepada penduduk di sana. Bukan sahaja kerana masalah dengan pemprosesan air tetapi kerana kononnya ada baja-baja pertanian yang menyebabkan air di sana tidak sesuai untuk diminum. Apakah Yang Berhormat setuju bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga harus beri perhatian perkara ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setuju. Yong Peng itu sebahagian daripada Batu Pahat. Alasan konon air tercemar kerana baja, kerana racun tidak boleh terima. Soalnya, awak punya loji itu, dia punya peralatan harus diubah kepada yang lebih baik. Contoh, contoh, contoh.....

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Beberapa Ahli: Mambong, Mambong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Mambong bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Singapura, air najis, air kencing yang diproses boleh minum. *[Ketawa]* Haha... oh.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih abang daripada Sri Gading. Masalah air di Johor memanglah satu masalah yang besar kerana rakyat memerlukan air bersih. Tetapi, seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi, bahawa air di Johor tercemar, bukannya oleh POD yang senang dibuang tetapi oleh logam-logam berat. Ini memang susah dirawat kalau air sudah begini. Jika dirawat, ini bermakna kos rawatan tinggi. Mampukah kerajaan memberi subsidi lagi kepada rakyat negeri Johor supaya mereka boleh dapat air bersih di Johor yang tidak ada logam-logam berat di dalam air seperti *manganese*. Saya dapat tahu bahawa tahap *manganese* di dalam air di Johor amat tinggi. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Mambong, saya setuju Mambong. Ini kepakaran dia Tuan Yang di-Pertua. Itu betul apa dia cakap. Soalnya macam mana hendak tambah lagi peruntukan. Awak swasta, awak baru belanja RM45 juta, awak sudah kaut harga hampir RM200 juta lebih, tidak bolehkah berkorban? *[Nada tegas]* Korbanlah sikit. Keuntungan besar sangat ini. Kita pun bukan hendak sangat benda yang bukan-bukan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Proseslah air dengan baik. Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, satu loji yang diproses oleh SAJ, airnya baik dari sungai yang sama, dari air yang sama tetapi apabila dalam loji yang diproses oleh SAJ, dia menggunakan peralatan-peralatan yang lebih moden, airnya lebih baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Tidak payah bagi jalan lagi Yang Berhormat. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Kubang Kerian.
4.08 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan bajet bagi tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat kepada pembentangan bajet tahun ini, yang pertama sekali saya hendak sentuh ialah tentang negara kita masih lagi tidak terkeluar daripada budaya ataupun cita rasa dunia ketiga di mana apabila kita melihat dengan teliti tentang Anggaran Perbelanjaan 2006, bajet ataupun anggaran mengurus sahaja mencapai pada angka lebih kurang RM101 bilion dan bajet untuk pembangunan sebanyak RM35 bilion. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, bahawa bajet kita bagi tahun masih lagi memperlihatkan belanja mengurus, masih lagi lebih tinggi daripada belanja pembangunan.

Ini sebenarnya saya mengharapkan negara kita akan pada tahun-tahun yang akan datang lebih cepat untuk keluar daripada kemelut ini. Kita mahu supaya negara kita akan mencapai satu tahap mengemukakan *budget yang smart budget, budget yang bestari* yang akan mencapai *budget* negara maju ataupun negara-negara yang telus yang indeks rasuahnya amat rendah seperti mana laporan yang sering kali dikemukakan, laporan tahunan daripada UNDP iaitu negara-negara Scandinavia seperti mana Norway, Finland, Sweden di mana belanja pembangunan itu lebih tinggi daripada belanja mengurus. Di sinilah yang sering kali menjadi satu persoalan kenapa dalam negara dunia ketiga sebagai contohnya, negara-negara Afrika, Asia Timur ini belanja mengurusnya lebih tinggi daripada belanja pembangunan. Masalah yang sering kali dipertikaikan adalah bagi setiap RM1, sebagai contoh. Bagi setiap RM1 yang dibelanjakan oleh kerajaan, berapa senkah yang sampai kepada golongan petani?

Secara objektifnya saya mengalu-alukan tentang langkah kerajaan sebagai contohnya, untuk memberikan galakan kepada syarikat-syarikat GLCs dan diperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi GLCs ini memulakan suatu penerokaan baru bagi membantu petani-petani kita di kampung-kampung, sawah padi, pekebun-pekebun kecil, para nelayan supaya dapat meningkatkan produktiviti mereka di mana apabila kita melihat *budget* ini secara keseluruhan walaupun kerajaan menurunkan cukai khususnya

road tax, mungkin langkah-langkah ini kita dapat untuk menyelesaikan perkara ini dalam jangka masa pendek.

Tetapi dalam proses *in the long run*, dengan izin, jangka masa panjang, cara seperti ini tidak kekal lama dan *bottom linenya*, dengan izin, mestilah kerajaan memberikan suatu insentif dan pemerhatian yang lebih fokus kepada golongan berpendapatan rendah di mana mereka mesti diberikan suatu insentif yang menggalakkan supaya produktiviti mereka dapat dihasilkan.

Maka di sinilah mungkin peranan yang paling penting untuk dimainkan oleh SME ataupun sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan sekiranya rakyat dapat benar-benar menerima *budget* ini, setiap RM1 itu dapat sampai kepada rakyat untuk diberikan segala pertolongan dan subsidi daripada pihak kerajaan, saya yakin dan percaya bahawa apa yang menjadi matlamat untuk kita melihat *budget* ini pada suatu masa nanti akan sama taraf. Kalau tidak pun, kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi, setidak-tidaknya kita boleh mencapai tahap yang boleh membanggakan negara kita pada setiap tahun *budget* dibentangkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang ingin saya sentuh tentang bagaimana gagalnya beberapa projek kerajaan sendiri dan dalam hal ini saya suka untuk menjuruskan kembali kepada perbincangan kita tentang DEB, tentang Dasar Ekonomi Baru yang satu laporan yang telah pun saya baca dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam masa DEB dilaksanakan dalam negara kita sejak DEB telah diperkenalkan ada lapan Rancangan Malaysia, lima tahun Dan kalau dikira dengan mudah, setiap tahun RM20 bilion duit kerajaan dibelanjakan dan untuk 40 tahun sebanyak RM800 bilion telah pun dibelanjakan untuk menjayakan apa yang dikatakan Dasar Ekonomi Baru.

Yang menjadi persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, tahun ini sahaja *budget* negara mencapai kepada lebih kurang RM136 bilion. Kita telah menghabiskan RM800 bilion duit rakyat selama 40 tahun untuk menjayakan matlamat DEB. Laporan-laporan yang kita terima hasil daripada kajian-kajian yang dibuat adalah bumiputera masih jauh lagi untuk mencapai, untuk melompat pagar 30% itu. Dari mana sebenarnya kesilapan ini yang mesti kita fokuskan dalam perbincangan kita bagi *budget* tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah bagaimana di akhir ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di akhir ucapan *budget* beliau, beliau telah mempertegaskan tentang walau sebesar mana pun *budget*, walau sebesar mana pun

peruntukan yang diberikan kepada negara, akhirnya beliau meletakkan pada satu asas ialah tentang penguatkuasaan. Inilah satu perbincangan yang telah mengheret Dewan ini hampir dua, tiga minggu mutakhir ini tentang isu AP yang saya tidak ada kesempatan untuk bertanya soalan pada pagi tadi kerana mungkin ruang yang terhad ataupun masa yang terhad.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana DEB boleh gagal dengan wang yang sedemikian banyak RM800 bilion dan bagaimana *budget* setiap tahun yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini masih lagi gagal untuk mengangkat martabat bumiputera ini untuk mencapai tahap 30%? *What went wrong*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Sebagai contoh dalam isu AP sendiri yang dibangkitkan pada pagi tadi. Saya sendiri sebagai Ahli Parlimen amat tidak berpuas hati dengan jawapan menteri kerana apa yang diperjelaskan walaupun dengan *fact and figures* tetapi tidak menjurus kepada tidak menjurus kepada persoalan sebenar, isu sebenar iaitu bagaimana sebahagian besar jumlah AP ini yang mencecah 15 ribu ini boleh diberikan hanya kepada syarikat tertentu sahaja. Kalaulah dengan alasan mereka bumiputera, kalau dengan alasan mereka orang Melayu, tetapi kenapa hanya kelompok ini sahaja?

Pada saya, Tuan Yang di-Pertua, inilah merupakan suatu aspek, suatu faktor yang menyebabkan dalam banyak lagi contoh yang menyebabkan bagaimana selepas 40 tahun DEB diperkenalkan, dilancarkan dan diberikan sejumlah wang negara dan wang rakyat yang begitu besar, masih gagal untuk mencapai matlamat. Kita kena ingat, Tuan Yang di-Pertua, kita ada dua matlamat dalam DEB. Yang pertama ialah untuk menyusun kembali masyarakat. Semua orang dalam perbahasan dalam mana-mana seminar dan forum memperkatakan DEB diwujudkan selepas berlakunya tragedi 13 Mei. Ini suatu hujah yang diterima pakai oleh semua golongan dalam negara kita. Apabila 40 tahun telah berlalu masih gagal lagi dan menyusun kembali masyarakat dan serampang dua mata ini.

Yang kedua adalah untuk membasmi kemiskinan di kalangan orang-orang Melayu bumiputera dalam negara kita. Tetapi apa yang wujud selepas 40 tahun DEB, pada saya bukan salah modal, bukan salah duit, bukan salah *budget* dan bukan salah peruntukan yang diberikan. Peruntukan telah begitu besar, RM800 bilion yang telah diwujudkan untuk bumiputera. Kenapa pagar ini masih lagi gagal untuk dilepasi oleh golongan bumiputera, peniaga-peniaga bumiputera, usahawan-usahawan bumiputera, kenapa sebenarnya? Dan jawapan daripada Yang Berhormat Menteri pada pagi tadi

memang tidak meyakinkan kita tentang bagaimana kalau AP ini dicipta, AP ini diputuskan oleh Kabinet, yang saya rasa di antara *bottom linen*nya ialah untuk kita memberikan suatu peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera untuk mereka menjadi usahawan khususnya dalam bidang automotif ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau 15 ribu hanya pada satu syarikat, 10 ribu AP hanya pada satu syarikat milik individu tertentu. Kalau 5 ribu AP hanya untuk satu syarikat yang tertentu, maka saya bimbang bukannya serampang dua mata ini tidak tercapai, menyusun kembali masyarakat tidak tercapai, untuk merapatkan jurang kemiskinan ini tidak akan tercapai tetapi wujud satu jurang baru, wujud satu lagi fenomena baru iaitu jurang bukannya jurang bumiputera dan bukan bumiputera itu dapat kita rapatkan, tetapi jurang baru ialah di antara orang Melayu itu sendiri, di kalangan bumiputera itu sendiri iaitu jurang yang kaya semakin kaya, yang semakin miskin semakin miskin.

Kalau ini berlaku, walaupun jumlah yang besar ini, saya cukup sebenarnya bahawa matlamat kita bak kata pepatah orang Melayu "jauh panggang dari api" untuk kita mencapai dan melihat bahawa DEB akan menjadi satu kenyataan untuk kita mencapai bagaimana bumiputera ini seharusnya mendapat hak mereka dalam tanah air mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang hendak saya sampaikan pada petang ini ialah tentang isu bahasa Melayu yang sedang menjadi satu perbahasan yang sangat penting yang mana pada saya sebagai seorang rakyat Malaysia, seorang Ahli Parlimen yang dipilih orang rakyat, yang mendukung apa yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia yang menjamin tentang hak tentang perkara 150, 151, 152 dan perkara 153.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya perjuangan untuk menegakkan dan mendaulatkan bahasa Melayu masih lagi belum selesai dan saya berpandangan dan saya mendapat beberapa laporan mutakhir ini tentang bagaimanakah proses berterusan untuk mendaulatkan bahasa Melayu ini sebagai bahasa ilmu, bahasa yang boleh menjadikan bangsa Melayu yang menjadi teras kepada pembinaan bangsa Malaysia ini akan dapat menjadi satu realiti pada satu hari nanti. Perkara yang paling penting adalah tentang adakah kerajaan telah bersedia khususnya Kementerian Pelajaran dengan seikhlasnya dan sejujurnya untuk memberikan satu laporan kepada Parlimen ini tentang bagaimanakah hasil kajian yang telah dibuat oleh kementerian sendiri terhadap pencapaian murid-murid luar bandar khususnya anak-anak orang bumiputera hasil dari pengajian Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Ini sangat penting. Kita tidak

mahu menjadi satu bangsa yang dikatakan “Yang dikejar tidak dapat yang dikendong kecikiran”.

Saya mendapat beberapa maklumat bahawa pejuang-pejuang bahasa, persatuan-persatuan yang masih aktif dalam negara kita ini telah menjelajah seluruh negara di antaranya adalah Persatuan Ikatan, Kumpulan Prihatin sebagai contoh yang mereka terdiri dari pengajar-pengajar utama di IPTA kita yang dianggap pejuang-pejuang bahasa Melayu yang komitmen dan perjuangan mereka tidak pernah berubah daripada hari pertama untuk melihat bahasa Melayu ini menjadi bahasa yang mesti diperjuangkan dan dimartabatkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu kajian yang dibuat oleh sekumpulan walaupun kajian ini mungkin kajian yang tidak diterima dan tidak terpakai oleh bila laporan ini disampaikan kepada pihak Kementerian Pelajaran tetapi saya suka saya mengumumkan kajian yang dibuat oleh ikatan ini – kumpulan prihatin ini bahawa kajian separuh penggal peringkat tingkatan dua yang dibuat oleh satu kumpulan pensyarah dari UKM dan saya harap bila saya menyebut UKM ini tidak adalah *insya-Allah* pegawai-pegawai ini akan diambil tindakan tatatertib dan seumpamanya. Mereka membuat kajian yang ikhlas, mereka membuat kajian untuk melihat secara realiti, mereka pergi ke kampung-kampung pendalaman untuk melihat bagaimanakah prestasi anak bangsa kita yang mengajar, yang belajar dan guru-guru yang mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini apakah masalah sebenarnya. Jangan kita hanya melihat perkara ini cantik di luar sahaja kulitnya cantik tetapi di dalamnya kita rapuh (*fragile*) dan kita reput hari demi hari.

Kajian yang dibuat untuk dua tahun ini mendapati bahawa 46% pelajar gagal dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dan hanya 10% sahaja yang berjaya. Sama ada angka ini benar ataupun tidak benar, rasmi ataupun tidak rasmi sama ada kajian ini diterima ataupun tidak oleh pihak Kementerian Pelajaran tetapi saya minta supaya pihak yang berwajib khususnya rakan sejawat saya yang menerajui Kementerian Pelajaran ini supaya mengambil satu sikap yang positif, sikap yang terbuka untuk melihat kajian-kajian yang dibuat sama ada oleh individu-individu ataupun kumpulan-kumpulan yang mereka sangat prihatin terhadap murid-murid, anak-anak kita, anak-anak saudara kita yang belajar di luar bandar sama ada mereka ini tidak menjadi mangsa berterusan daripada sistem pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Siapa lagi yang mahu menyuarakan suara ini, Tuan Yang di-Pertua?

Saya juga diberikan laporan bahawa bila kumpulan prihatin ini pergi ke Johor sebagai contoh, ia mendapat satu sambutan yang baik daripada masyarakat dan termasuklah ahli-ahli UMNO sendiri di peringkat *grassroots*. Pada saya masa depan anak bangsa kita dalam bidang pendidikan ini kita letakkan politik ini *we put a side first* Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Kita meletakkan kepentingan masa depan mereka itu lebih penting sebenarnya sama ada mereka yang duduk dalam ujian PMR tahun ini yang sekarang ini sedang berjalan. Semalam telah bermulanya ujian PMR dan pada bulan hadapan akan berlangsungnya peperiksaan SPM. Ini merupakan tahun yang cukup getir, tahun yang menentukan masa depan mereka dan kita tidak mahu melihat adanya anak-anak kita tanpa mengira bangsa dan agama mereka khususnya anak-anak orang-orang Melayu yang jauh ketinggalan supaya mereka tidak tercicir daripada pendidikan arus pertama yang menyebabkan mereka menjadi mangsa kepada suatu sistem yang diperkenalkan dalam negara kita ini iaitu pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Saya mengalu-alukan sebenarnya respons daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri bila kumpulan prihatin ini datang kepada mereka dan menyampaikan memorandum. Paling tidak pun kita mendengar bahawa kerajaan akan mengkaji dengan lebih bijak lagi ataupun kerajaan akan mengkaji sedalam-dalamnya tentang proses, tentang sistem pembelajaran Sains dan Matematik ini dalam bahasa Inggeris ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga yang akhirnya saya hendak sebut pada petang ini ialah tentang apa yang sedang berlaku di IPTA kita yang telah pun saya berdiri di Dewan yang mulia ini dan saya telah membincangkan perkara ini ialah tentang bagaimana berlakunya pilihan raya kampus baru-baru ini, di mana kita melihat dalam mana-mana negara sekalipun, baik negara maju, dunia ketiga ataupun negara mundur. Kita akan percaya dan kita akan bersetuju bahawa golongan-golongan pelajar inilah yang merupakan pemimpin masa depan negara. Hari ini kita melihat kemelut dalam GPMS, kenapa itu perlu berlaku. Dan dalam jawapan bertulis satu soalan bertulis yang diedarkan kepada kita Ahli-ahli Parlimen tentang kita melihat tentang persatuan-persatuan belia. Kenapa hari ini Persatuan Belia kita yang diakui sendiri oleh Menteri tidak dinamik, tidak macam tahun-tahun 60-an dan 70-an. Pelajar-pelajar dan graduan-graduan daripada IPTA kita yang memimpin persatuan-persatuan yang memimpin mana-mana Badan di dalam negara kita sama ada mereka terlibat dalam

kerajaan, terlibat dalam parti pembangkang, mereka terlibat dalam NGO, adalah mereka yang merupakan pelajar-pelajar yang dinamik, pelajar-pelajar yang cemerlang akademik mereka, pelajar-pelajar yang memiliki tahap atau sifat kepimpinan yang sangat tinggi pada waktu itu. Tetapi hari ini kita melihat Persatuan-persatuan Belia kita semakin lumpuh dan tidak berdaya maju, tidak proaktif dan tidak menampilkan pemimpin-pemimpin yang bakal menerajui kepimpinan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak melihat bahawa kalau usaha yang dibuat oleh pembangkang sekali pun kepada pelajar-pelajar IPTA mereka tidak akan masuk pembangkang semuanya, ini adalah realiti. Kalau kerajaan pun melalui kumpulan inspirasi sebagai contoh cuba untuk *impose*, cuba untuk melakukan perkara supaya mereka semuanya menyokong kerajaan, ini juga tidak akan berlaku *at the end of the day*.

Di akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sama ada mereka menyokong pembangkang, sama ada mereka menjadi pemimpin kerajaan satu hari nanti, itu adalah satu realiti yang kita mesti terima. Tetapi universiti yang sepatutnya menjadi universiti, universiti yang sepatutnya memperlihatkan satu sistem demokrasi yang boleh menjadi contoh kepada kita semua, hari ini seolah-olah universiti menjadi semacam sekolah rendah. Yang Pensyarahnya, yang Timbalan Naib Canselornya.

Yang Pensyarahnya, yang kadang-kadang kita melihat dilayan seperti guru sekolah rendah dan pelajar-pelajar universiti dilayan seperti budak-budak sekolah. Dengan pelbagai syarat-syarat baru yang dikemukakan untuk seseorang itu menjadi calon dalam pilihanraya kampus baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mengharapkan perkara ini menjadi satu perkara yang boleh kita melihat bahawa beliau-belia ini, pelajar-pelajar ini, biarlah mereka dinamik di zaman mereka menjadi pelajar.

Saya ingin menyebut beberapa nama, Tuan Yang di-Pertua, tokoh tanah air yang ada pada hari ini, yang pemikiran mereka dinamik, yang kadang-kadang saya melihat mereka ini agak radikal. Bukan radikal mengangkat senjata, radikal dari segi pemikiran. Mereka berpandangan jauh, berani mengkritik, Tun Mahathir sendiri waktu menjadi seorang pelajar, beliau adalah seorang pelajar yang dinamik.

Dato' Musa Hitam, waktu beliau menjadi pelajar dahulu, pelajar yang dinamik. Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang pernah jadi TPM, pelajar yang dinamik. Tetapi, kita mutakhir ini tidak dapat lagi melihat adanya pelajar-pelajar yang dinamik seperti ini yang

kita boleh lihat, akan berlaku satu proses kesinambungan kepimpinan yang ada pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Fatah binti Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang bangun untuk apa?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Mohon jalan.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta jalan! Hendak bagi jalan? Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, silakan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kubang Kerian. Sebentar tadi Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada menyebut berkenaan dengan kedudukan pelajar kita yang sudah jadi, dalam bahasa Kelantannya 'moyok' atau dalam bahasa persuratan, nampak takut sikit berada di universiti sekarang ini, kerana hasil daripada tekanan-tekanan kerajaan melalui Akta universiti dan campur tangan di kalangan pemimpin UMNO sendiri sehingga ada pemimpin UMNO khususnya menteri yang campur tangan dan berjanji memberi sedikit sumbangan kepada pelajar-pelajar yang pro kerajaan, suatu pertandingan baru-baru ini. Apakah Yang Berhormat sedar perkara ini berlaku di beberapa universiti? Dan, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kita, Ahli-ahli Parlimen supaya perkara itu tidak akan berulang di masa hadapan, Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang. Saya pun punya banyak maklumat di hadapan saya ini tentang surat-surat daripada pihak kementerian sendiri yang mengarahkan TNC supaya campur tangan secara *direct* di dalam pilihan raya kampus baru-baru ini. Yang saya akan dedahkan di peringkat Jawatankuasa nanti, Insya-Allah.

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi bahawa kita perlu melihat perkara ini dengan serius dan saya yakin apa yang didedahkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang tadi adalah merupakan satu perkara yang mesti kita pandang dengan secara objektif di mana saya rasa untuk kita melihat campur tangan mana-mana parti politik ini tidak sampai pada tahap menggunakan jentera kerajaan kita sendiri untuk menekan pelajar-pelajar dari kampus ini.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: *[Bangun]*

Tuan Salahuddin bin Ayub: Yang Berhormat bagi Gombak, ya..

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan mesyuarat*]

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kerana memberi laluan kepada saya. Saya memang setujuhah sepertimana saranan Yang Berhormat tadi bahawa seharusnya di kalangan pelajar ini, kita mahukan mahasiswa yang lebih terbuka, mahasiswa yang boleh mengeluarkan pandangan-pandangan berasaskan intelektual.

Mahasiswa yang boleh memberikan pendapat dan memimpin berasaskan fakta dan ilmu akademik yang mereka pelajari selain daripada sifat-sifat kepimpinan. Tetapi baru-baru ini yang kita lihat, contohnya, saya dapati salah satu yang menjadi aduan yang paling besar dalam pilihan raya universiti yang baru ini ialah kerana adanya satu keputusan oleh pihak universiti yang mana sesiapa yang ingin menjadi calon haruslah mempunyai CGPA di antara sekurang-kurangnya 2.8 ataupun 3.0.

Jadi, pada pandangan saya secara peribadi, saya rasa ini satu perkara yang asas untuk menjadi seorang pemimpin, saya rasa. Seharusnya, sekurang-kurangnya di antara kriteria yang paling penting ialah haruslah seorang itu mempunyai latar belakang akademik yang baik, barulah mereka boleh menjadi pemimpin di peringkat universiti, yang boleh memberi pandangan yang agak tajam, pemikiran yang agak luas dan juga membawa kepada banyak perkara-perkara positif. Jadi, saya rasa kerana untuk mendapatkan *Gred Point average* 2.8 ataupun 3.0 bukanlah satu perkara yang sukar bagi universiti. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya, saya dari sudut ketajaman atau pun *excellences* dari segi akademik ini, saya boleh terima secara objektif. Tetapi jangan ada tekanan-tekanan yang lain. Sebagai contoh, berlaku di UIA, ada pula suatu *public speaking, test* untuk *public speaking* untuk syarat tambahan. Yang mengadilinya dua orang Pensyarah. Ini bukan *public speaking*, ini *private speaking*. [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ini sebagai contoh. Pada saya kecemerlangan akademik itu perlu, tetapi ruang itu perlulah lebih luas untuk kita melihat kecemerlangan. Tuan Yang di-Pertua, saya ada berapa minit lagi?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi? Banyak lagikah, Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Satu point saja lagi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, sila..

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Saya juga setuju bahawa pelajar kita, mahasiswa kita di kampus haruslah dinamik. Baru-baru ini, pilihan raya kat kampus, apakah Yang Berhormat menyedari bahawa pembabitan atau penglibatan pihak universiti di dalam pilihan raya kampus mahasiswa ini telah memecah-belahkan mahasiswa kita di dalam kampus. Sebab mereka membawa unsur-unsur, elemen-elemen politik oleh pihak berkuasa.

Saya bagi contoh, apakah Yang Berhormat menyedari di mana diletak di atas papan kenyataan, pelbagai notis peringatan bagi menakut-nakutkan pelajar yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal pelajar dan Alumni Universiti Malaya, dan telah diluluskan oleh pejabat Timbalan Naib Canselor. Nyatakan meminta agar mahasiswa jangan pergi mendengar apa-apa seminar yang dianjurkan oleh IKD, Institut Kajian Dasar kerana ia adalah parti pembangkang, membenci kerajaan Malaysia, merosakkan pemikiran dan pelakuan mahasiswa. Apakah ini gejala yang sihat?

Saya minta pandangan, Yang Berhormat. Dan, apakah yang telah dilakukan oleh SUHAKAM dalam kes sedemikian. Saya pohon penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih sahabat saya yb bagi Batu Gajah. Inilah yang kita maksudkan tadi tentang budaya ugutan yang begitu berleluasa mutakhir ini di kampus-kampus, yang sebahagiannya telah dibacakan oleh Yang Berhormat bagi Batu Gajah sebentar tadi. Dan, saya juga menerima terlalu banyak laporan-laporan tentang perkara-perkara yang serupa.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya dah katakan tadi, di akhirnya nanti, sama ada *student* kita ini, pelajar kita ini, sama ada mereka hendak masuk pembangkang atau penyokong kerajaan, itu demokrasi. Saya mahasiswa. Sahabat saya, Yang Berhormat bagi Gombak juga, mahasiswa. Saya duduk dalam PAS, *you* duduk dalam UMNO. Apa salahnya? Tetapi jangan kita rosakkan imej universiti ini macam sekolah rendah, ini yang kita tidak mahu. Beri mereka autonomi. Beri mereka satu bentuk sistem yang melahirkan, yang melahirkan satu generasi pelajar pimpinan negara yang dinamik. Ini mesti mempunyai satu cita-cita kita semua, untuk melihat kita memiliki pemimpin masa depan yang begitu cemerlang dalam akademik dan juga di dalam kepimpinan di masa akan datang.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jawab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam Dewan ini tentang yang tadi dibangkitkan oleh sahabat saya, sahabat baik saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan, tentang konsert Mawi di Kelantan. Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang gejala sosial, saya dengan begitu lapang dada telah mencadangkan kepada rakan sejawat saya, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia untuk kita bincang secara terbuka tentang apakah yang dikatakan dan apakah suatu senario baru yang sedang melanda anak-anak muda kita ataupun gejala sosial yang sedang berlaku di dalam negara kita. Yang semua saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini bersetuju bahawa rancangan-rancangan TV swasta, Astro, sekarang ini akan ada MiTV, yang kita lihat, yang menjadi rungutan kita semua.

Rancangan-rancangan Akademi Fantasia, Malaysian Idol ini adalah satu rancangan yang merosakkan, yang memudaratkan tentang masa depan belia kita yang ada pada hari ini. Diperakui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dengan ucapan-ucapan mereka, kebimbangan mereka tentang perkara ini. Saya berpandangan supaya Ketua Pemuda PAS dan Ahli Parlimen ini bukan lagi masalah-masalah siapa-siapa ini masalah nasional yang mesti kita tangani bersama.

Tuan Yang di-Pertua kita berani mengatakan Akademi Fantasia itu, Malaysian Idol itu tidak betul, kalau kita berani mengatakan rancangan-rancangan ini ialah rancangan yang merosakkan muda-mudi apakah alternatif kita? Apakah jawapan kita kepada remaja di luar sana, apa jawapan kita? Pada saya, kita kena mengamalkan *political engagement*, kita mesti selesaikan masalah mereka dan kita mesti memberikan suatu alternatif kepada mereka. Apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Kelantan Tuan Yang di-Pertua saya tidak mengatakan saya tidak mendabik dada mengatakan itu 100% betul, tidak.

Tetapi pada saya Insyaallah saya akan mengedarkan VCD ini kepada Ahli-ahli Parlimen Insyaallah, di luar Dewan lah dalam Dewan mungkin tidak boleh ini mungkin tertakluk kepada Peraturan Mesyuarat untuk kita melihat secara objektif adakah konsert ini bertepatan atau tidak daripada pandangan Islam. Ini percubaan yang kami buat, ya Pemuda Pusat usahakan saya sendiri mengadakan banyak perbincangan dengan golongan karyawan dengan golongan-golongan budayawan untuk kita melihat perkara ini. Kalau baik, kita boleh terima secara objektif, kalau tidak baik yang mana kelemahannya sila beri pandangan dan kita boleh perbaiki. Ini jawapan kita kepada

muda-mudi di luar sana dan apa beza dan bagaimanakah rupa bentuk belia yang kita mahu supaya mereka boleh memilih apa yang dikatakan hiburan alternatif. Hiburan yang boleh kita berikan kepada mereka supaya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Salahuddin bin Ayub:supaya mereka tidak terkeluar, supaya mereka tidak lagi dikritik, mereka tidak lagi dihina oleh masyarakat yang ada pada hari ini yang mengatakan merekalah remaja yang rosak sedangkan kita tidak berbuat apa-apa untuk kita menyediakan satu platform satu dunia hiburan baru dunia hiburan alternatif untuk kita berikan kepada mereka inilah satu bentuk hiburan alternatif daripada pandangan Islam yang cuba kita usahakan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pasir Puteh, Pasir Puteh bangun.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Ya Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Benda hok molek tu kita akui molek.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat cuma saya hendak sarankanlah kalau setuju apakah dengan satu malam satu program kita cukup dengan tanpa ada *follow up*. Saya bagi saya, saya akui hendak kumpul pemuda-pemuda ini bukan senang kalau tidak ada Mawi tetapi selepas itu apakah *follow up* yang perlu dibuat. Apakah satu kali cukup bawa pula artis perempuan satu kali cukup dengan berhimpun beratus ribu. Kemudian kita tengok keadaan gejala di Kelantan itu nampaknya bagi saya Parlimen Pasir Puteh walaupun saya bendung tetapi teruk nampaknya, bab dadah.

Sekali ini Tuan Yang di-Pertua bukan lagi dadah, heroin, morfin sudah, ganja sudah tidak ada sudah. Itu sudah kebelakangan, dia gunakan pil kuda dia naik motosikal jadi tayar 'sa', tayar satulah takut tidak boleh tulis *Hansard*. Baru ini 'bom' tidak boleh tulis tu, 'bom' - B-O-M. Setuju tidak kena ada *follow up* bersama dengan UMNO, bersama PAS walaupun kerajaan pembangkang di Kelantan kena kerjasama ada *follow up* bagi saya, setuju tidak?

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah seorang Ahli Parlimen kata dan buat arahan apa boleh masuk *Hansard* atau apa tidak boleh masuk *Hansard*. Yang Berhormat daripada Pasir Puteh kata dia ada buat beberapa perkataan, ini mustahak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua yang diujahkan akan masuk.

Tuan Lim Kit Siang: Semua masuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua masuk. Baiklah.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tadi saya mengatakan

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Minta maaf saya tidak kata tidak masuk. Yang 'bom' saya sebut itu dia tidak boleh masuk. Dia titik titik titik saya tulis B-O-O-M lah. Boom boom.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Baik terima kasih ayahanda saya daripada Pasir Puteh. Sebab itulah kita Pemuda PAS dan Pemuda UMNO dan kalau boleh Pemuda MIC, Pemuda MCA bersama mari kita bincang tentang perkara itu termasuklah rakan saya daripada DAP bersama Insya-Allah kita melihat bahawa saya setuju kita kena ada *follow up* kita kena ada *follow up*. Dan saya terima kasih sahabat saya Tangga Batu yang akan mengadakan satu *pioneer* satu pertemuan bersejarah dan Insya-Allah akan berlaku dalam minggu depan untuk kita bincang masalah ini. *Follow up* itu perlu dan masalah dadah, masalah sosial saya sudah katakan tadi bukan lagi masalah kelompok mana-mana tetapi ia masalah nasional yang mesti kita selesaikan bersama. Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana memberikan saya peluang.

Tuan Teng Boon Soon: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau sila.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *Point of order*, Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Dewan. Peraturan '32(1)' lah mengganggu ucapan, saya kira di ambang bulan Ramadhan ini Tuan Yang di-Pertua esok adalah hari pertama berpuasa dan saya terkenang mungkin saya sendiri terkenang pada tahun lepas pada waktu yang sama kita telah diumumkan pemergian 'Tun Zahir', genap setahun dalam tahun Islam tahun Hijrah 'Tuan Yang di-Pertua' telah meninggal dunia lah. Jadi *I just would like to put it to record* merakamkan kalau boleh Dewan bertafakur, bertafakur sekejap dan yang Islam boleh

sedekahkan Al-Fatihah. Itu sahaja untuk 'Allahyarham Tun Zahir'. Al-Fatihah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri izin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik terima kasih. Yang Berhormat.

4.47 petang

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2006. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara dalam ucapan saya. Yang pertama ialah aya ingin membangkitkan tentang pengagihan peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dalam Bajet 2005. Saya berpendapat bahawa peruntukan yang dibagikan kepada kawasan Parlimen bagi projek jalan kampung adalah terlalu terhad. Contohnya bagi kawasan Parlimen Tebrau daripada RM10 juta yang dipohonkan untuk projek PJK hanya perpuluhan dua juta ringgit sahaja diluluskan ini bermakna hanya 2% dapat dilaksanakan.

Kerajaan harus menambahkan peruntukan bagi projek PJK jika infrastruktur asas seperti PJK iaitu Projek Jalan Kampung di kawasan luar bandar adalah dianggap kemudahan utama bagi usaha kerajaan membasmi kemiskinan di kalangan penduduk-penduduk luar bandar.

Pegawai-pegawai kementerian harus meninjau tahap pendesakan sesuatu projek PJK itu dengan turun ke padang bersama wakil rakyat dan bukan sekadar mengagih semata-mata mengikut kategori kawasan yang ditetapkan. Sistem pengagihan peruntukan yang selaras dengan keperluan yang sebenarnya harus diamalkan jika ingin melihat impak projek PJK yang lebih berkesan terhadap pembangunan luar bandar. Kawasan Parlimen Tebrau pada khasnya terdiri daripada kawasan bandar, separuh bandar dan kawasan luar bandar. Malangnya telah dikategorikan sebagai kawasan bandar tetapi hingga kini masih terdapat kampung-kampung di kawasan Tebrau yang belum ada bekalan air, elektrik dan jalan tar sungguhpun sudah berpuluh-puluh tahun memohon.

Peruntukan yang diagihkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah bagi tahun ini sudah meningkat berbanding dengan bajet tahun 2005. Dengan itu saya memohon supaya keperluan yang mendesak dan sudah lama ditunggu

rakyat di kawasan Tebrau dapat diberi keutamaan dalam Bajet 2006 ataupun dalam Rancangan Malaysia Ke-9.

Yang kedua saya ingin membangkitkan tentang pelantikan CEO yang disuarakan kebelakangan ini iaitu dalam pelantikan CEO *Chief Executive Officer* dan Eksekutif Kanan dalam pengurusan GLC. Ukuran pemilihan calon harus berlandaskan kepakaran, kebolehan dan rekod prestasi yang berkaitan. Dan soal ras ataupun race tidak harus menjadi satu isu. Apabila MAS mengalami kerugian RM280 juta, sementara Air Asia mencapai keuntungan bersih RM111.8 juta, sepatutnya pihak berkenaan mengetahui apakah perbezaan hasil pengurusan ini berkaitan dengan kebolehan CEO masing-masing. Apakah faktor-faktor lain, misalnya campur tangan politik telah menjejaskan pengurusan secara profesional. Kerajaan beramanah dan bertanggungjawab kepada rakyat untuk memastikan syarikat-syarikat GLC mencapai kejayaan dan keuntungan, dan tidak mengalami kerugian besar seperti MAS, CEO yang gagal menghasilkan keuntungan dan eksekutif yang tidak menunjukkan prestasi yang baik harus diberhentikan. Cadangan untuk mewajibkan pelantikan eksekutif kanan di peringkat swasta mengikut syarat atau arahan kerajaan adalah amat tidak sesuai dan bercanggah dengan sistem ekonomi pasaran dan prinsip *pre enterprise*, dengan izin.

Campur tangan kerajaan dalam pelantikan eksekutif kanan syarikat swasta seperti yang dicadangkan akan membawa kesan negatif kepada usaha kerajaan untuk menarik pelaburan asing. Kuasa pasaran harus dibenarkan berfungsi dengan kebebasan tanpa gangguan dalam pengurusan syarikat swasta. Kerajaan harus menanam dan memupuk nilai berdikari, nilai sentiasa meningkatkan daya saing diri di semua lapisan masyarakat.

Rakyat harus disedarkan tentang pentingnya membantu diri mereka dan melepaskan diri dari semata-mata bergantung kepada bantuan kerajaan sahaja. Seperti pepatah, "Tuhan membantu mereka yang sanggup membantu diri sendiri". Jika kita gagal menganjukkan paradigma ini, kita akan ketinggalan dalam persaingan globalisasi. Kita perlu menerima hakikat bahawa, *we have to create the pie first before talking about sharing*, dengan izin.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri perlu prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh penternak-penternak udang di Johor. Bantuan dari segi R&D dan penguatkuasaan adalah perlu untuk membantu mereka menghadapi persaingan dan cabaran yang

bertambah sengit. Harga udang semakin merosot dari RM30 sekilo dalam tahun 2001 hingga kini menjadi RM16 sekilo. Tambahan pula kenaikan harga diesel, makanan udang dan persaingan di negara jiran akibat kesulitan yang dihadapi, bilangan penternak telah merosot dari 500 orang kepada 300 orang di Johor.

Tindakan-tindakan yang boleh diambil termasuk, pertama meningkatkan usaha R&D, contohnya menubuhkan makmal di kawasan penternakan utama untuk membantu penternak mengatasi masalah teknikal seperti menganalisis kualiti air, membekalkan maklumat mencegah penyakit udang. Negara-negara penternak seperti Thailand, Vietnam dan negeri China telah pun meningkatkan R&D untuk menghasilkan udang yang lebih baik kualitinya. Malaysia juga perlu meningkatkan R&D untuk memelihara daya saing kita.

Yang kedua, dengan meningkatkan keberkesanan menguat kuasa dan kawal selia untuk memastikan misalnya tidak berlaku monopoli dalam membekalkan anak udang putih yang berasal dari Amerika Selatan. Menyekat dan memberhentikan kegiatan *repacking* udang-udang import dengan harga murah dari negara jiran untuk eksport atas nama produk Malaysia. Satu kegiatan haram yang menjejaskan pendapatan penternak tempatan yang masih dilakukan oleh beberapa syarikat Singapura di Johor Bharu secara haram.

Memandangkan begitu ramai pembeli harta komersial dan industri terperangkap dalam projek terbengkalai, mereka bukan sahaja perlu menjelaskan bayaran ansuran pinjaman kepada bank dan juga dikehendaki membayar bayaran penyelenggaraan sehingga RM600 kepada syarikat penyelenggara ditubuhkan oleh pemaju, dan Pihak Berkuasa Tempatan terus mengeluarkan notis mengutip cukai pintu. Sungguhpun lot komersial yang dibeli itu tidak dapat digunakan atau tidak dapat disewakan kerana projek berkenaan terbengkalai. *Housing Developers (Control and Licensing) Act 1966* tidak memberi apa-apa perlindungan undangan kepada pembeli-pembeli lot komersial dan industri. Sampailah masa kerajaan menggubal satu rang undang-undang berasingan untuk melindungi kepentingan pembeli harta komersial dan industri.

Saya cadangkan satu dasar bina dan jual diperkenalkan bagi harta komersial dan industri untuk menyekat penyelewengan pemaju yang tidak bertanggungjawab dan mengurangkan berlakunya projek terbengkalai. Rang undang-undang yang baru ini harus boleh membantu memastikan pembangunan projek komersial dan industri dirancang dan dilaksanakan dengan peninjauan dan penilaian yang lebih rapi dan

lengkap untuk mencapai situasi “menang menang”, bagi pemaju dan pembeli serta mengelakkan pembaziran sumber negara.

Kelemahan-kelemahan terwujud juga di dalam *Strata Titles Act 1985* yang membolehkan pemaju menentukan kadar bayaran pengurusan dan penyelenggaraan yang biasanya kurang munasabah sebelum hak milik strata dikeluarkan. Pindaan harus dibuat supaya pembeli harta komersial dibenarkan menubuhkan badan pengurusan atau *management corporation* sebaik sahaja pemilik kosong diserahkan kepada pembeli, dan bukan selepas pengeluaran hak milik strata yang biasanya mengambil masa yang agak panjang. Kerajaan harus mengkaji dan mengesan kelemahan-kelemahan yang ada di dalam Akta Hak Milik Strata 1985 dan meminda bahagian yang berkenaan.

Akhir sekali, saya ingin menimbulkan soal warga tua. Kita biasa menyaksikan gambaran lemah dan uzur diukirkan dalam membincangkan soal warga tua. Dalam rancangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk membantu atau memberi perlindungan kepada golongan warga emas yang lemah dan uzur sahaja. Memandangkan peningkatan komposisi populasi warga emas merupakan fenomena sejagat ekoran pembangunan ekonomi yang semakin pesat dan maju. Sampailah masanya untuk kerajaan memikirkan dan menyediakan rancangan dan dasar yang berkaitan untuk membantu golongan emas yang masih sihat dan produktif untuk kekal produktif dan meneruskan sumbangan mereka terhadap masyarakat. Pengalaman dan tenaga mereka masih merupakan aset kepada negara jika dimobilisasikan.

Peluang bekerja sambil boleh diwujudkan untuk golongan emas yang sihat supaya bahagian populasi ini boleh berdikari dan tidak perlu bergantung kepada bantuan melalui peruntukan kerajaan ataupun perlindungan anak-anaknya, dengan sebab itu dasar dan strategi untuk membantu golongan emas berdikari serta kekal produktif adalah perlu dimulakan sekarang.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada usul daripada Menteri, saya jemput Menteri dulu.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA
PERATURAN MESYUARAT**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.00 petang dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga 10.00 pagi, esok hari.”

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Mambong, sila.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bajet 2006, namun, seluruh rakyat di Mambong juga menyokong bajet ini. Tetapi di kawasan Mambong menyokong Bajet 2006 kerana yang pertama, bajet ini akan memesatkan pembangunan luar bandar. Daripada peruntukan yang akan disalurkan sebahagian besar adalah untuk pelaksanaan projek pertanian yang boleh menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada petani-petani di kawasan luar bandar. Yang kedua, bajet ini dapat memperkembangkan ekonomi negara. KDNK akan meningkat kepada RM275.7 bilion pada tahun 2006 berbanding dengan RM261.4 bilion pada tahun ini dan kadar pertumbuhan KDNK juga akan meningkat kepada 5.5 peratus.

Ini disebabkan asas-asas ekonomi terus kukuh seperti pemulihan ekonomi yang kukuh sejak tahun lalu berikutan krisis kewangan tahun 1997 dan 1998 dan *flexibility* untuk meneruskan pelaksanaan dasar yang menyokong pertumbuhan. Struktur ekonomi negara dan pasaran dagangan juga yang lebih pelbagai telah mengurangkan pendedahan ekonomi negara kepada persekitaran luar yang tidak menentu. Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara akan maju jika sistem penyampaian perkhidmatan awam

berkesan. Adalah penting jika sistem berkesan supaya penjana ekonomi negara akan lebih kukuh lagi.

Kecekapan membawa *confidence* pada pelaburan negara asing dan juga negara kita sendiri. Namun menurut Ketua Pengarah Audit, Jabatan Kastam dan Lembaga Hasil Dalam Negeri hanya dapat memungut hasil pada tahap 75 peratus sahaja pada tahun 2004. Bayangkan hasil negara pada tahun 2006 yang dianggarkan RM105.857 bilion jika hanya dipungut 75 peratus sahaja, ini akan berkekurangan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pembangunan wilayah. Saya mengalu-alukan langkah khusus untuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan awam serta pelbagai program bagi menjana pendapatan rakyat di Sabah dan di Sarawak.

Di Sarawak, peruntukan RM2 bilion untuk membina Jalan Serdeng ke Bawang Assan untuk pembesaran Lapangan Terbang Kuching dan untuk pembangunan Pusat Pentadbiran Persekutuan Sarawak dan juga untuk pembesaran UNIMAS. Yang pertama Jalan Serdeng ke Bawang Assan adalah satu *coastal road* baru. Dari segi tambahan nilai ekonomi kepada Sarawak ia boleh membawa pelbagai manfaat kepada rakyat termasuk peluang pekerjaan dan *economic spin-off*, dengan izin.

Namun, pembangunan pembesaran Lapangan Terbang Kuching ini adalah satu projek lama yang telah pun dilaksanakan dua tahun yang lepas. Ini adalah satu *roll over* iaitu peruntukan sebahagian daripada RM2 bilion ini akan diperuntukkan kepada projek ini. Bagaimanakah projek ini boleh lagi menjana pendapatan baru dan memperkembangkan ekonomi negeri Sarawak. Pembesaran UNIMAS juga adalah satu projek lama yang dilaksanakan pada tahun 2003 ataupun *roll over project*. Saya ingin bertanya bilakah projek ini siap kerana UNIMAS adalah satu institusi tinggi yang amat penting kepada Negeri Sarawak.

Saya lihat juga bahawa RM112 juta akan diperuntukkan di Sarawak untuk projek bekalan air paip bersih, untuk bekalan elektrik luar bandar dan untuk jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung. Di kawasan Parlimen Mambong ada 21 lagi kampung yang belum ada bekalan elektrik dan lapan buah sekolah kebangsaan yang belum ada bekalan elektrik. 72 kampung belum ada bekalan air paip bersih. Saya harap peruntukan yang RM112 juta ini boleh juga diagihkan di kawasan Mambong agar semua kampung akan mendapat bekalan elektrik dan bekalan air.

Saya mengalu-alukan usaha kerajaan untuk memantapkan dan mempelbagaikan sumber pertumbuhan ekonomi negara kerana jika ekonomi maju, negara stabil, aman dan makmur, rakyat tentu sentiasa menyokong Kerajaan Barisan nasional.

Kerajaan akan membangunkan sektor bioteknologi sebagai sumber pertumbuhan baru tetapi apa sebenarnya bioteknologi? Kita telah mendengar beratus-ratus kali sudah sebut juga di dalam Dewan ini. Bioteknologi adalah ubahsuai jin-jin organisma atau sebahagian organisma untuk menghasilkan produk-produk yang berguna kepada manusia. Bioteknologi adalah perlu, bukan sahaja di negara kita tetapi di negara-negara yang lain kerana dengan enam bilion manusia di dunia kita sudah tentu memerlukan makanan dan ubatan. Banyak lagi penyakit belum dapat diubati contohnya adalah penyakit barah, denggi, selesema burung dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, *the cure* atau penyembuhan penyakit ini adalah di dalam negara kita, di dalam hutan kita. Kita hanya menunggu penggunaan proses bioteknologi untuk menghasilkan ubat-ubatan. Di dunia ini juga ada 1.8 bilion penduduk dunia kurang makanan dan *under nourish*. Justeru itu, bio-teknologi memberi harapan untuk mengurangkan kemiskinan dan meningkatkan keselamatan makanan. Bioteknologi adalah peluang baik dan cerah untuk Malaysia jika diterokai dengan teratur dan bersepadu. Pada lazimnya ada tiga bidang bio-teknologi yang harus kerajaan menumpu perhatiannya.

Yang pertama, adalah bio-teknologi Farma ataupun bio-teknologi perubatan.

Yang kedua, ialah bio-teknologi pertanian.

Yang ketiga, bio-teknologi industri.

Dari perspektif modal insan, negara ada tokoh saintis, ada tokoh akademik dan usahawan dan pelabur modal teroka. Hanya yang kurang ialah strategi tertentu untuk melaksanakan dasar bio-teknologi negara. Sebagai contoh MOSTI tidak ada angka yang muktamad mengenai jumlah harta intelek bagi hasil bio-teknologi, kenapa? Kita ada Direktorat Bio-teknologi Kebangsaan. Mengapa direktorat ini tidak menyelia R&D bio-teknologi sepenuhnya? Dan apakah peranan MOSTI di dalam perkara ini?

Kalau kita kaji bidang bio-teknologi diglobal *landscape*, dengan izin, *market capital* kini adalah USD7 bilion di dunia, *turn over* tahunan adalah USD 50 bilion. Industri bio-teknologi diterajukan oleh Amerika Syarikat, kenapa Amerika Syarikat? Pendapatan industri teknologi terkini seperti Amerika Syarikat adalah dollar Amerika Syarikat, 35.9 bilion, di Eropah dollar Amerika 7.5 bilion, Australia ialah 9 juta dollar

Amerika, Korea ialah 800 juta dollar Amerika dan Singapura ialah 660 juta dollar Amerika. Berapakah pendapatan industri bio-teknologi daripada negara kita? Peluang pekerjaan pun banyak di dalam bidang bio-teknologi. Justeru itu peluang untuk membangunkan sektor bio-teknologi di negara kita adalah cerah kerana sumber-sumber asli yang ada di negara kita boleh dibangunkan. Saya melihat daya saing kita di dalam bio-teknologi adalah

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tangga Batu bangun.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Tangga Batu, ya boleh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Mambong. Nampak gaya Yang Berhormat Mambong itu hendak kena air dua, tiga teguk itu, pasal sudah melekat-lekat tekaknya.

Yang Berhormat Mambong bercakap tentang kemajuan pembangunan bio-teknologi di negara kita ini, adakah Yang Berhormat Mambong boleh bersependapat dengan saya, bahawa kemajuan pembangunan bio-teknologi di Barat adalah disebabkan oleh pasaran, *it is a market driven*, manakala pembangunan ataupun kemajuan bio-teknologi di negara kita ini adalah disebabkan oleh sumber, *or it is a resource driven*, jadi dua perkara yang berbeza ini telah meletakkan *region* kita ini ataupun wilayah kita ini sebagai begitu menarik sekali kepada pengusaha-pengusaha bio-teknologi Barat untuk hadir ke negara kita, umpamanya negara kita ini mempunyai bio-diversity yang terulung di dunia dan terunggul di dunia. Apa yang saya difahamkan hutan kita sahaja adalah merupakan hutan yang tertua di dunia melebihi 130 juta tahun, kalau tidak silap pada bacaan saya.

Jadi apakah komen Yang Berhormat Mambong, tentang persediaan MOSTI tadi, kementerian yang dipertanggungjawabkan ke arah memberikan kesedaran dan juga memberikan suatu ruang dan peluang yang begitu luas kepada pengusaha-pengusaha bio-teknologi di negara kita untuk memacu pembangunan bio-teknologi ini dalam satu keadaan yang sistematik, terurus, terkawal dan terpelihara, iaitu sucilah.

Yang Berhormat Mambong, saya rasa pelik juga orang Jepun datang ke negara kita ini masuk dalam hutan kita, tangkap serangga bawa balik untuk dikaji, diselidik untuk kegunaan masa hadapan tetapi berbeza dengan orang kita, masuk dalam hutan bukan sahaja bunuh serangga dengan tangan, tetapi bawa 'sheltox' lagi untuk bunuh

serangga-serangga ini. Jadi kesedaran ini tidak nampak berlaku di peringkat akar umbi, mungkin kerana pihak kementerian tidak menganggap bahawa kehadiran dan kekayaan sumber-sumber bio-teknologi di negara kita ini akan terjejas disebabkan oleh kekurangan pengetahuan masyarakat di peringkat akar umbi. Jadi ini yang saya rasa Yang Berhormat Mambong mungkin boleh *elaborate* lagi supaya memberikan kesedaran kepada kementerian, bukan sahaja untuk menyediakan mekanisme, untuk menyediakan satu pangkalan data bagi apakah *pattern* ataupun *copyright reserved*, *intellect property reserved* yang kita ada untuk kita pertahankan pengusaha-pengusaha bio-teknologi di negara kita ini. Bolehkah Yang Berhormat Mambong perkuembangkan lagi apa yang telah saya sebut sebentar tadi? Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tangga Batu atas komen itu tadi. Walaupun negara Barat dikatakan bahawa usaha mereka dalam bio-teknologi adalah *market driven*, namun kalau mereka tidak ada *resource* susah juga mereka hendak masuk dalam bidang bio-teknologi ini. Walaupun demikian, kita boleh mempelawakan mereka untuk datang ke sini kerana kita ada *resource*, bukan sahaja ada *resource*, *resource* kita tinggi *potential* dan untuk menjadikan produk-produk yang berguna. Produk-produk itu boleh menjadi ubat-ubatan dan bahan-bahan makanan.

Tentang persediaan MOSTI ini, saya rasa MOSTI ini belum ada strategi yang tepat untuk menguruskan bio-teknologi, kerana saya berpendapat bahawa negara kita daripada segi daya saing memang ada juga kelebihan.

Yang pertama, kita kaya juga dengan kepelbagaian biologi ataupun bio-diversity.

Yang kedua, kita sudah wujud infrastruktur R&D. Kita ada institusi R&D seperti MARDI dan di universiti-universiti juga ada infrastruktur R&D.

Kejayaan dalam pembangunan bioteknologi ini adalah tinggi, namun sumber pekerjaan di negara kita belum mencukupi. *Scientist* kita memang sudah bersedia, kita ada ramai *scientist*, hanya aktiviti-aktiviti mereka sahaja belum diselaraskan, tidak dikawal oleh MOSTI, jadi ini adalah satu perkara yang penting.

Walaupun dianggarkan bahawa kita kekurangan - *weak scientific critical mass and industry linkages*, kalaulah ada strategi yang tepat, kalaulah ada kawal selia daripada kerajaan, *scientist-scientist* yang kritikal ini kita dapat, kita boleh masuk ke universiti dan kenal pasti mereka, mereka yang buat penyelidikan di dalam bidang teknologi ini. Namun, kelemahan kita juga adalah di dalam sistem pengurusan harta intelek yang tidak cekap. Kalau ini berlaku maka apa yang kita buat akan dicuri oleh

orang lain, akan dicuri oleh rakyat lain. Akhirnya kita akan rugi. Jadi saya memohon agar MOSTI akan menetapkan bagaimanakah strategi yang diperlukan untuk memperluaskan lagi bioteknologi di negara kita. Kalau kita lihat - lagi....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua boleh? Saya minat dengan tajuk bioteknologi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat takut nanti ambil masa banyak lagi pada Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Mambong dia sangat *knowledgeable* dalam perkara ini, saya kira dia boleh memperjelaskan lagilah. Yang Berhormat Mambong, bolehkah Yang Berhormat Mambong *concur* dengan saya tentang kemajuan bioteknologi ini, kemungkinannya untuk mengatasi pembangunan ICT pada hari ini.

Saya terbaca dalam majalah yang mengatakan pembangunan bioteknologi ini akan melampaui kemajuan ICT dalam jangka masa lima tahun daripada hari ini, ini satu. Yang kedua, pihak-pihak yang ingin membangun hasil-hasil bioteknologi ini, hari ini mungkin menghadapi satu kekangan lain iaitu kewibawaan hasil kerja mereka, produk mereka untuk dibiayai oleh pihak-pihak yang boleh membiayai. Umpamanya untuk menghasilkan satu produk ubatan bagi sakit mata umpamanya memerlukan perbelanjaan yang begitu besar di dalam makmal, kemudian untuk dibawa ke pasaran memerlukan satu perbelanjaan yang lebih besar daripada membangunkannya di dalam makmal.

Untuk membiayai perbelanjaan ini pihak bank yang ada di negara kita ataupun institusi kewangan ini dia tidak mungkin boleh dipercayai akan potensi yang hadir di dalam produk-produk bioteknologi ini, jadi apakah pandangan Yang Berhormat? Saya minta tidak payahlah panjangkan kepada menteri, Yang Berhormat pun boleh kongsi dengan kita semua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat ingin saya maklumkan saya terpaksa kawal masa untuk membolehkan lebih ramai Ahli Yang Berhormat dapat diberi peluang berucap. Jadi Yang Berhormat kalau boleh tumpukan kepada perkara yang Yang Berhormat fikir perlu diberi keutamaan.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah perkara yang penting juga kepada negara, bagaimana negara mengurus bioteknologi.

Untuk menjawab soalan daripada Tangga Batu tadi yang pertama, adakah bioteknologi akan mengatasi ICT?

ICT adalah satu alat, juga untuk memajukan bioteknologi seperti bio-informatic ini juga adalah penting tetapi kepada peringkat permulaan ICT memang harus dibangunkan di negara kita agar ia boleh menjadi alat untuk seterusnya membangunkan bioteknologi. Yang kedua, hasil-hasil biotech ini, itulah saya sebut tadi yang penting harta intelek. Ini adalah satu prosedur *business*, yang pertama, bagaimanakah kita melihat sains, bioteknologi adalah sains, bagaimanakah kita melihat sains dan seterusnya kepada peringkat penjualan ataupun *sales* yang dikatakan di dalam bidang bioteknologi *from sciences to sales*. Bagaimanakah kita boleh membuat ini?

Seperti yang diamalkan di negara lain, para *scientist* mendapat hasil pertemuan dan apakah mereka harus buat? Mendaftarkan untuk harta intelek, selepas itu orang lain mengambil alih untuk proses-proses seterusnya iaitu *pre-clinical trial*, *clinical trial* dan mendaftar sebagai ubat-ubatan. Seterusnya penjualan, inilah yang kita harus lihat di negara lain seperti di Australia apa yang *scientist* melakukan ialah pertama, mereka mendaftar harta intelek, selepas itu mereka berhenti di situ kerana mereka akan membuat R&D yang lain untuk penemuan yang lain. Mereka menyenaraikan sebagai IPO di bursa-bursa saham mereka sendiri. Di Australia, ini boleh dilakukan dan kenapa tidak boleh dilakukan di sini?

Kita sudah banyak hasil-hasil bioteknologi, kita mesti ada strategi yang tepat. Kita sudah boleh juga di dalam fasa yang seterusnya, ini adalah penting selepas itu kalau tidak dapat disenaraikan sebagai IPO mereka juga akan mencari *venture capitalist* untuk proses-proses seterusnya ataupun mereka juga akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat yang ada duit untuk proses yang seterusnya. Ini berlaku di negara lain kenapa ia tidak berlaku di negara ini sedangkan penemuan kita sudah banyak. Kalau kita lihat daripada *action* pelan Dasar Bioteknologi Negara, Fasa 1 daripada tahun 2005 hingga tahun 2010, ini adalah fasa membina keupayaan. Kita sudah ada keupayaan, semuanya sudah ada.

Makmal-makmal sudah ada, pusat penyelidikan sudah ada, kenapa kita hendak buat ini lagi daripada tahun 2005 hingga tahun 2010. Yang penting sekarang adalah lihat daripada Fasa 2 di dalam Dasar Bioteknologi Negara iaitu *from science to business*. Ini adalah penting, kalau kita lihat ini, kalau kita lihat Fasa 2 ini, ini bermakna kita sudah banyak penemuan dan kita harus membangunkan proses-proses untuk

menjana pendapatan untuk negara di dalam Fasal 2 dan ia dapat dilaksanakan sekarang, bukan dalam tahun 2011 hingga tahun 2015. Yang penting adalah sistem untuk mendaftarkan harta intelek, selepas itu baru kita pergi ke Fasal yang ketiga iaitu global *business*.

Di Australia mereka juga melihat Amerika sebagai negara yang boleh membawa *venture capital*, yang boleh mereka bekerjasama supaya dapat terus memajukan bidang bioteknologi ini. Ini adalah penting bagi negara kita. Justeru itu, saya ingin bertanya tentang mesyuarat meja bulat bioteknologi tahun ini di Amerika Syarikat. Apakah yang dibincang dan apakah yang diputuskan di sana? Ini amat penting kita harus tahu apa yang berlaku?

Di manakah arah tujuan kita, direction kita tentang bioteknologi ini agar mendapat menjana kekayaan di negara kita.

Seterusnya saya ingin merujuk kepada bio-produk validation center yang akan diwujudkan di Johor Bahru. Apakah fungsi pusat ini. adakah ia akan menyelaraskan aktiviti-aktiviti R&D bioteknologi oleh pakar-pakar kita dan saya juga ingin bertanya tentang Malaysian Life Sciences Capital Fund untuk melaburkan dalam projek-projek biotech. Bagaimanakah peruntukan ini diagihkan dan siapakah yang akan layak mendapat peruntukan ini. Adakah ini untuk aktiviti R&D ataupun untuk aktiviti pengeluaran. Itu persoalan-persoalan yang penting bagi Bajet Tahun 2006.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang bioteknologi pertanian. Ini adalah satu cara untuk memodenkan sektor pertanian di negara kita. Peranan institusi penyelidikan yang amat penting untuk membangunkan bio-teknologi pertanian supaya negara kita lebih kompetitif di peringkat global ialah Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Saya dapat tahu bahawa di MARDI sudah banyak penyelidikan dan kajian-kajian telah pun dijalankan untuk *transfer of gene* daripada satu organisma kepada satu organisma atau daripada satu tanaman ke satu tanaman. Mereka sudah dapat hasil, tetapi adakah hasil-hasil ini diberi kepada petani-petani kita supaya mereka boleh pertamanya menanam baka baru, menanam tanaman baru yang boleh membawa hasil kepada mereka.

Ini memang sudah lama dibuat tetapi kalau tidak diselaraskan oleh kerajaan, kalau tidak dipantau oleh kerajaan, maka hasil-hasil beginilah tidak kesampaian kepada petani-petani kecil di luar bandar. Institusi yang penting juga dalam membangunkan

bioteknologi adalah Lembaga Minyak Sawit Malaysia. Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan institusi-institusi pengajian tinggi yang lain.

Di dalam bioteknologi pertanian, kerajaan harus mewujudkan dasar dan strategi bersepadu juga dan dasar ini haruslah mengambil kira apa yang dikatakan *orphan crop*. Saya pun tidak tahu di dalam Bahasa Melayu, *orphan crop* ataupun tanaman yatim ataupun tanaman-tanaman anak yatim. Ini adalah *orphan crop*, *orphan crop* langsung tidak diambil kira oleh sektor swasta untuk dibangunkan kerana *orphan crop* ini adalah tanaman yang ditanam oleh petani-petani kecil di luar bandar. Pihak swasta tidak melihat ini sebagai satu sumber yang akan memberi mereka pulangan yang tinggi. Itulah sebabnya petani-petani kita di kawasan luar bandar ketinggalan walaupun kita di dalam Dewan ini menyebut bioteknologi beribu-ribu kali, di luar Dewan ini, kita berbincang tentang bioteknologi. Tetapi kalau kerajaan tidak ada strategi, untuk membangunkan *orphan crop* maka petani kita di luar bandar memang susah.

Orphan crop ataupun tanaman-tanaman yang dirangkumkan sebagai *orphan crop* ialah seperti padi, jagung semua tanaman seperti kentang ataupun *sweet potatoes*. Itu yang dikatakan *orphan crop*. Jadi semuanya ini adalah penting, kalau tidak petani-petani di kawasan luar bandar tidak akan menikmati hasil daripada bidang bioteknologi yang kerajaan menyokong ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus sentuh tentang bio-diesel.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Pendang? Silakan.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Sekejap sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Apabila disebut tentang *transfer of gene* dalam bio-teknologi pertanian ini, saya teringat satu kisah di mana sebuah negara Asia Barat telah menolak buah tomato yang diimport daripada sebuah negara Asia yang menggunakan *transfer of gene* ini, mereka mengatakan buah tomato ini digunakan gen daripada khinzir untuk mempertahankan usia tomato tersebut supaya tidak mudah diserang penyakit dan juga tidak mudah layu apabila terkena panas. Jadi apakah Yang Berhormat memikirkan bahawa kaedah begini boleh diimplemenkan di negara kita kerana ia menggunakan *transfer of gene* daripada haiwan yang tidak dibenarkan di dalam Islam kepada makanan, terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat. *Transfer of gene* ini adalah bergantung kepada etika bio-teknologi. Etika bio-teknologi adalah dirangkumkan di dalam Catalina Protocol on Bio-safety. Negara kita telah pun menandatangani kata Catalina Protocol on Bio-safety dan semua negara di dunia ini yang telah bersetuju dengan Catalina Protocol on Bio-safety haruslah mewujudkan satu akta sendiri yang berkaitan dengan *bio-safety* dan *bio-ethics*. Jadi kalaulah negara kita belum mewujudkan perundangan seperti ini, kalau kita menjemput syarikat-syarikat besar dari luar negara untuk datang ke sini, bagaimanakah kita hendak mengawal aktiviti-aktiviti mereka seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Memindahkan gen daripada babi masuk ke dalam *potato*. Seharusnya ini memang tidak boleh, tetapi memindahkan gen daripada satu tanaman kepada *potato* ini memang boleh dilakukan yang dinamakan RDNA, *recombine DNA*. Selalu dibuat. Itulah sebabnya banyak negara di dunia ini tidak menerima *genetically modified* makanan. Tidak menerima *genetically modified* makanan. Selagi akta *bio-safety* belum wujud di negara tersebut. Sekarang di Amerika Syarikat memang berleluasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Dr. James Dawos Mamit: Ada banyak lagi. Saya belum sentuh bio-diesel lagi. Tetapi itu tidak panjang Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cubalah.

Dr. James Dawos Mamit: Saya memang cuba.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sudah berucap lebih daripada 40 minit.

Dr. James Dawos Mamit: Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 40 minit sudah berucap.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan patuh pada Tuan Yang di-Pertua. Saya menyentuh pada bio-diesel sebagai usaha mempelbagaikan sumber tenaga di negara kita. Isu sumber minyak mentah akan pupus satu hari nanti. Memang adalah satu gambaran yang harus kita terima dan jika itu berlaku kerajaan akan kehilangan sumber *revenue* dan sumber pendapatan. Oleh yang demikian, kerajaan haruslah dan terus kerana ada dasar terus membangunkan industri bio-diesel ini. Yang sebenarnya apakah *bio-diesel*. Adakah ini boleh digunakan di dalam kenderaan kita sekarang? Bio-diesel adalah satu bahan tenaga yang selamat

digunakan. Ia tidak beracun, ia boleh reput. Kalau kita buang, ia boleh reput ataupun *bio-degradable*. Dan ia juga memang *renewable*. Bio-diesel boleh digunakan tanpa menukar *engine* kenderaan yang sekarang menggunakan petrol diesel. Jadi ini adalah kebaikan bio-diesel.

Ia dihasilkan melalui proses tindak balas kimia, iaitu methanol dengan minyak sayuran seperti minyak rap seed, minyak kacang, minyak kacang soya ataupun minyak kelapa sawit yang memang banyak di negara kita dan dicampurkan dengan catalyst iaitu sodium ataupun sodium hydroxide.

Untuk menghasilkan satu tan bio-diesel, memerlukan 2.67 tan minyak kelapa sawit mentah. Ini adalah satu nisbah yang perlu. Proses tindak balas yang tersebut tadi akhirnya menghasilkan bio-diesel asli 90% dan 10% adalah glycerin sebagai co-product. Glycerin adalah satu bahan yang digunakan di dalam industri *pharmaceutical* dan kalau di Europe, pasaran glycerin amat meluas dengan harga 500 EURO satu tan. Ini adalah glycerin.

Di Amerika Syarikat, bio-diesel diatur dengan nisbah 20% bio-diesel dan 80% petrol-diesel bagi penggunaan sebab negara mereka adalah negara *temperate* dan juga untuk mengurangkan sediments ataupun habuk kecil kerana ia dikeluarkan oleh oxide jika bio-diesel itu dibakar oleh enjin kenderaan.

Di Eropah, pengeluaran bio-diesel meningkat kepada 2 bilion liter dalam tahun 2003. Di Jerman sahaja, ia mengeluarkan 1.1 bilion liter pada tahun 2004 dan di Jerman juga ada 100.....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bagan bangun.

Dr. James Dawos Mamit: Ya. Ada 100 maaf sekejap lagi. Ada 1,700 stesen pam minyak bio-diesel. Ya, Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat bagi Mambong, bolehkah Yang Berhormat bagi Mambong memberitahu kos untuk menjana atau membuat satu liter atau 1,000 liter bio-diesel sama ada kos efektif sekiranya dibandingkan dengan diesel asli. Sekian, terima kasih. .

Dr. James Dawos Mamit: Bagus soalan itu Yang Berhormat bagi Bagan. Kos pengeluaran bio-diesel – ini di Eropah, kos di Eropah. Di Eropah jika harga minyak sayur-sayuran ataupun minyak rapseed mereka dalam lingkungan USD400 satu tan dan

tanpa cukai apa-apa maka harga bio-diesel lebih murah lagi di pasaran daripada petrol-diesel.

Sekarang di Jerman dianggarkan harga bio-diesel di pasaran 0.91 Euro satu liter. Jika dibandingkan dengan petrol-diesel, 1.42 Euro satu liter. Kalau begini harga bio-diesel lebih murah dan mengapakah negara-negara di EU menggunakan bio-diesel? Yang pertama, mereka mematuhi *Kyoto Protocol* yang mengarahkan bahawa negara-negara maju haruslah mengurangkan pengeluaran karbon dioksida kepada atmosfera daripada tahun 2008 hingga tahun 2012 dengan kadar 8% dan jika mereka menggunakan bio-diesel maka mereka mematuhi *Kyoto Protocol*.

Kalau kita lihat kos pengeluaran bio-diesel di Malaysia, harga pasaran global minyak sawit mentah ataupun CPO kini dalam lingkungan RM1,450 satu tan. Ini adalah lebih kurang lagi daripada harga rapeseed tadi kerana kalau kita terjemah RM1,450 ini kepada Dolar Amerika, ia adalah USD382. Ini bermakna kalau negara kita mengeluarkan bio-diesel, ia lebih murah lagi dan kita tidak perlu kalau kita eksport, negara-negara yang import bio-diesel tidak perlu mengenakan *carbon tax* kepada bio-diesel. Ini adalah penting.

Oleh yang demikian, saya menyarankan kerajaan agar Dasar Bio-fuel Nasional dan Akta Bio-fuel haruslah digubal secepat mungkin supaya negara cepat mengeluarkan bio-diesel untuk pasaran global. Pasaran terkini untuk bio-diesel adalah USD20 bilion.

Saya sampai di situ sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong bajet tahun 2006. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sandakan.

5.48 ptg.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Bajet 2006. Sementara mengalu-alukan peruntukan sejumlah RM2.3 bilion diberikan kepada negeri Sabah, adalah diingatkan supaya peruntukan-peruntukan berterusan dapat disalurkan untuk projek-projek pembangunan demi kebaikan rakyat jelata di Sabah. Berikut adalah beberapa isu yang dibangkitkan untuk tindakan kerajaan.

Pertama, masalah gangguan bekalan elektrik. Ini lagu lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Lagu lama.

Tuan Chong Hon Min: Ini lagu lama tetapi muzik masih dijalankan.

Seorang Ahli: Tetapi tidak jemu.

Tuan Chong Hon Min: Lagu ini dinyanyikan semula, satu kali lagi. Walaupun langkah-langkah telah diambil oleh kementerian tetapi gangguan bekalan elektrik di Sabah khususnya di kawasan Sandakan masih merupakan suatu masalah serius yang belum ditangani sehingga kini. Rakyat di kawasan Sandakan minta isu ini dibangkitkan sekali lagi di Dewan yang mulia supaya dapat diambil tindakan yang secepat mungkin.

Rekod dari segi bilangan dan tempoh masa gangguan bekalan elektrik ini jelas sekali menunjukkan masalah ini semakin hari semakin buruk. Tiap-tiap hari berlakunya gangguan bekalan elektrik di kawasan Sandakan dan adalah juga tempat mengalami beberapa kali dalam sehari sehingga saya difahamkan bahawa tempoh puratanya sebanyak 4000 minit bagi masa gangguan pada setiap pengguna setahun. Adalah difahamkan bahawa kawasan Kinabatangan pun mempunyai nasib yang sama manakala Sabah pada keseluruhannya ialah 2300 minit setiap pengguna setahun. Sedangkan di Semenanjung Malaysia hanya mencatat 130 minit setiap pengguna setahun.

Ini sememangnya tidak harus berlaku kerana Ketua Menteri Sabah dan Menteri Pembangunan Infrastruktur Negeri pun berasal dari kawasan Sandakan. Ini telah dan akan terus memalukan reputasi pemimpin tertinggi kerajaan negeri kerana rakyat diberi gambaran bahawa mereka ini tidak dapat mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik di kawasan perwakilan sendiri yang sudah lama wujud dan tidak kelihatan ianya dapat diselesaikan.

Untuk menggambarkan betapa seriusnya masalah ini saya ingin mengemukakan bahawa kawasan perindustrian ringan Seiko yang terletak lebih kurang 4 kilometer dari pusat bandar Sandakan mengalami bekalan elektrik terputus pada malam 12 Julai 2005 selama sembilan hari berturut-turut tanpa notis awal dan juga tiada nasihat langsung kepada pengguna-pengguna di kawasan perindustrian tersebut. Ini telah membawa kerugian yang berjuta-juta ringgit.

Oleh sebab kegagalan daripada pihak Sabah Electric Sdn. Bhd. atau SESB memberi notis awal dan nasihat seterusnya kerugian dalam tempoh lebih daripada 200 jam ini mesti diberi pampasan ganti rugi yang sewajarnya dengan segera. Saya difahamkan bahawa syarikat-syarikat berikut telah mengemukakan tuntutan mereka

masing-masing. Lowerd Progress Sdn. Bhd. jumlah tuntutan yang dikemukakan ialah RM89,365.60, Wicing Workshop RM23,261, Syarikat Cold Storage Distributor RM12,294.24, Gimpung Market RM11,325.30, Syarikat Wing Wa RM11,060, Syarikat Fan & Brothers RM19,519, Ee Keong Aluminium Works Sdn. Bhd RM24,000, White Group Marine Product Sdn. Bhd. RM318,479 dan Pua Chua Interpool Seafood Chew Ling RM55,800. Jadi jumlah ialah RM562,134.44.

Ini adalah sebahagian kecil yang terlibat dan ada ramai yang tidak keyakinan dapat pampasan daripada SESB itu tiada mengemukakan tuntutan mereka. Bagi pihak pemilik-pemilik kilang ini saya ingin menyeru pihak kementerian supaya dapat memandang serius perkara ini dan mengurus tuntutan mereka ini dengan segera. Pertimbangan khas dan kelulusan mestilah diberi sebagai kes spesifik atau tertentu kerana usaha yang dibuat oleh SESB untuk menambah baik bekalan elektrik di Sandakan memang tidak mencukupi sehingga adanya gangguan bekalan setiap hari dengan tercatatnya tempoh masa gangguan yang tertinggi sekali bukan sahaja di Sabah tetapi di seluruh Malaysia.

Pada pandangan rakyat Sandakan, penjana kuasa elektrik mesti dinaik taraf segera dengan penambahan bilangan yang secukupnya untuk menjana bekalan yang konsisten dan stabil dengan sistem penyelenggaraan yang baik. Selain daripada itu pembahagian bekalan elektrik ini mesti diurus dengan pemantauan ketat supaya perkara dan keadaan yang boleh mengakibatkan gangguan bekalan dikawal dalam tahap yang minimum.

Yang kedua, bekalan air. Ini memang dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi masalah ini juga satu isu yang serius dan mesti diatasi dengan serta-merta. Dalam lawatan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi ke Sabah lebih daripada satu tahun yang lalu beliau merasa sangat tidak puas hati tentang sistem bekalan air yang sedia ada kerana Kerajaan Negeri terhutang sebanyak RM800 juta kepada syarikat-syarikat konsesi air.

Beliau juga mengulas bahawa ada orang-orang tertentu menjadi jutawan sedangkan Kerajaan Negeri hampir menjadi bankrap. Walaupun ada komen beliau sebegini hutang bil air ini masih meningkat dan adalah difahamkan sudah melebihi RM1 bilion pada sekarang. Pada Disember 2004 bekalan air hampir dihentikan di Lahad Datu kononnya tiada bayaran kepada syarikat konsesi air berkenaan. Ada juga diumumkan oleh Jabatan Air Sandakan bahawa kawasan di Sandakan mengalami

gangguan bekalan air dalam hujung bulan Ogos 2005 dan September 2005 kerana kerosakan pam air di Kinabatangan. Tetapi kononnya rakyat terdengar situasi sebenarnya ialah kegagalan membayar bil air kepada syarikat konsesi air yang mengambil tindakan mengurangkan jumlah bekalan ini.

Memandangkan masalah bekalan air ini sudah lama berlarutan dan kelihatan bertambah buruk, rakyat ingin meminta supaya kementerian berkenaan dapat menyiasat dan menyelaras hutang bil air yang kian meningkat menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri dan menentukan sama ada isu mengurangkan bekalan air adalah disebabkan ketiadaan bayaran ataupun sebaliknya. Saya ingin juga mencadangkan bahawa sebuah Jawatankuasa Khas dibentuk untuk memantau seterusnya mengatasi masalah ini.

Ketiga, pembangunan industri pelancongan. Ekonomi Sabah khususnya di kawasan Sandakan pada zaman awal banyak bergantung kepada industri kayu balak sehingga sumber-sumber ini dihasilkan dengan sewenang-wenangnya mengakibatkan hampir kehabisannya kawasan pembalakan komersial dan pelabur-pelabur terpaksa menuju ke industri penanaman kelapa sawit atas harga MFP yang tinggi dengan keuntungan yang lumayan. Dengan latar belakang ekonomi yang sedemikian di mana kita terlalu bergantung pada sejenis tanaman iaitu kelapa sawit sahaja dan ini membawa masalah serius sekiranya terjadi faktor-faktor penurunan harga kelapa sawit ini di luar kawalan kita. Jadi dorongan kerajaan untuk pembangunan industri-industri lain adalah sangat penting dan seharusnya dilaksanakan secepat mungkin.

Salah satu industri yang dikenal pasti berpotensi baik ialah aktiviti pelancongan khususnya dengan adanya tempat-tempat alam semula jadi yang menarik seperti Pusat Pemulihan Orang Utan dan sebagainya.

Sehubungan dengan ini menaik taraf Lapangan Terbang Sandakan adalah sangat diperlukan supaya ia dapat menampung peningkatan bilangan pelancong dan juga mereka yang menjalankan urusan niaga di Sandakan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan.

Tuan Chong Hon Min: Ini bukan sahaja.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat.....

Tuan Chong Hon Min:mendapat lagi peluang pekerjaan kepada.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat boleh sambung besoklah. Dua harilah hari ini dan besok.

Tuan Chong Hon Min: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha besok sambung.

Tuan Chong Hon Min: Okey saya habis sini dahulu. Ini bukan hanya akan menambah lagi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan pengusaha-pengusaha business lain pun dapat mencari pendapatan yang lebih. Ini pada keseluruhannya akan meningkatkan tahap ekonomi di Sandakan. Okey saya terus.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong besok cakap. Setengah jam ya.

Tuan Chong Hon Min: Saya ada lagi. Sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kata sudah habis.

Tuan Chong Hon Min: Sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada lagi.

Tuan Chong Hon Min: Ada lagi. Kalau lima minit boleh siap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi Yang Berhormat kata sudah habis.

Tuan Chong Hon Min: Bukan, saya ada sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat kasi habis, Santubong sambung besok. Boleh habis?

Tuan Chong Hon Min: Saya kasi habis dalam lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sendiri kata habis.

Tuan Chong Hon Min: Oh, bukan. Ada sedikit lagi. Jadi, yang keempat *[Disampuk]* lima minit boleh siap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, boleh.

Tuan Chong Hon Min: Yang keempat, kenaikan harga minyak petroleum. Pihak kerajaan mesti mengemukakan dengan lebih transparent keuntungan yang diperolehi daripada jualan minyak petroleum dan juga subsidi minyak ini kepada rakyat jelata untuk makluman dan membuat bandingan supaya memahami dengan lebih mendalam isu ini. Beban rakyat Malaysia kelihatan bertambah dengan kenaikan harga minyak ini tanpa ketahuan bila kenaikan harga ini akan berhenti. Sudah tiga kali harga minyak ini

dinaikkan sejak September 2004 tetapi pihak kerajaan tidak kelihatan mencari jalan untuk meringankan beban rakyat jelata dengan lebih efektifnya akibat kenaikan harga ini sehingga beban ekonomi mereka menjadi lebih berat.

Sebenarnya jika kerajaan berhasrat mempertingkatkan pendapatan asas rakyat jelata ataupun memberikan subsidi yang sesuai kepada peniaga-peniaga untuk mengurangkan impak kenaikan harga minyak petroleum ini mereka akan lebih rela menerima keputusan yang diambil ini. Pihak kerajaan tidak boleh memberikan bandingan bahawa harga-harga minyak petroleum yang lebih tinggi di negara-negara jiran serantau sahaja menjadi salah satu alasan untuk menaikkan harga minyak petroleum di negara ini. Kita mesti tahu bahawa negara-negara yang harga minyak petroleum tinggi itu mempunyai pendapatan asas yang lebih tinggi daripada kita dan harga-harga barangan juga lebih murah. Jadi mereka ini memang mampu membayar harga minyak petroleum yang lebih tinggi.

Kelima, pembangunan pendidikan. Memandangkan bertambahnya bilangan murid lepasan SPM di Pantai Timur Sabah, adalah sangat sesuai untuk mendirikan sebuah politeknik di Sandakan supaya lepasan sekolah ini dapat peluang yang mencukupi untuk melanjutkan pelajaran mereka sehingga tahap diploma yang seterusnya dapat dilatih menjadi sumber manusia separuh profesional yang amat diperlukan dalam proses pembangunan semua bidang di pertumbuhan ekonomi khususnya di kawasan pantai timur, Sabah seperti Sandakan.

Keadaan sekarang ialah kebanyakan lepasan sekolah ini melanjutkan pengajian mereka di luar Sandakan dan setelah tamat kursus mereka memberi tidak balik ke tempat asal mengakibatkan sumber manusia yang seharusnya menggantikan yang bersara tidak terjadi. Ini telah membawa kesan negatif ke atas pembangunan ekonomi yang berterusan.

Pembentukan sebuah politeknik di Sandakan akan memberi galakan kepada murid-murid sekolah menengah khususnya mereka di sekitar kawasan pusat pengajian ini supaya bersaing dengan lebih gigih dan meningkatkan tahap pendidikan dan juga membawa kebaikan yang menyeluruh kepada pertumbuhan ekonomi yang pada masa kini terlalu bergantung pada sektor pertanian iaitu industri kelapa sawit.

Keenam, polisi pembangunan negara. Negara kita Malaysia telah mencapai kemerdekaan selama 48 tahun, kita mempunyai kelayakan-kelayakan sendiri yang mencukupi untuk merealisasikan kemerdekaan sebenar dan bukannya meminta orang

lain ataupun melalui syarat-syarat tertentu untuk mendapatkannya. Kemerdekaan dalam erti kata lain ialah berdikari dalam semua aspek yang menjadikan kita bangga....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Point of order, sudah lebih lima minit ini.

Tuan Chong Hon Min: Sedikit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ada kuasa.

Tuan Chong Hon Min: Kita bangga dengan Malaysia dan semua rakyat mencintainya. Dalam proses mencintai negara ia mesti termasuk kemerdekaan negara dan rakyat benar-benar berdikari yang mencerminkan imej negara secara boleh. Seseorang rakyat yang cintakan negara seharusnya memberikan keyakinan kuat kepada negara dan tidak boleh membentuk syarat-syarat untuk mengehadkan diri sendiri sebaliknya ia mesti mengambil sikap terbuka untuk memperkukuhkan dirinya, bangsanya dan seterusnya rakyat keseluruhan. Inilah cara kita memperkukuhkan rakyat sendiri sebelum negara boleh menjadi kuat dan dihormati orang. Dalam era globalisasi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah lebih lima minit...

Tuan Chong Hon Min: Maaf, sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sedikit ya.

Tuan Chong Hon Min: Dalam era globalisasi di mana dunia yang tidak bersempadan ini, sesiapa atau bangsa di dunia ini mesti mempunyai visi dan wawasan yang luas untuk menghadapi cabaran baru yang akan datang

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada dua minit pun sambung esok sahajalah Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min: Sedikit lagi ya. Hanya dengan persiapan-persiapan untuk memperkukuhkan kedudukan sendiri dan meningkatkan daya saing dalam semua aspek baru kita dapat menghadapi cabaran dengan jaya untuk menguatkan negara kita, kita semua mesti meneruskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan bagi mereka keluar nanti kuorum tidak cukup. *[Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Chong Hon Min: Sedikit sahaja. Kita semua mesti meneruskan keadaan harmoni masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya yang dipupuk oleh pemimpin

dahulu dan sekarang yang bersikap sederhana dan bertolak-ansur sehinggalah terbentuknya sebuah negara Malaysia yang unik sekali di dunia ini di mana semua bangsa hidup bahagia dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Jadi apa juga polisi pembangunan sekarang atau pada masa akan datang mestilah dibentuk melalui rakyat dengan syarat-syarat ataupun keadaan yang akan maju bersama-sama yang boleh memaksimumkan kegunaan sumber-sumber terhad yang kita ada supaya peningkatan hasil ataupun pulangan yang lebih akan membawa manfaat kepada yang banyak kepada setiap rakyat. Dalam usaha meningkatkan ekonomi negara adalah penting bagi kerajaan untuk memberikan peluang kepada setiap rakyat khususnya mereka yang berkemampuan dalam bidang tertentu supaya mereka dapat kerja bersama-sama dari tahap asas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah lapan minit.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Satu paragraf lagi. *[Dewan riuh seketika]* Asas kepakaran masing-masing untuk mendapatkan pasaran yang lebih baik. Maka kerajaan seharusnya menilai kepakaran dan kemampuan semua kaum dan membentuk satu pendekatan yang dapat mempertingkatkan daya saing dan kepakaran kaum-kaum ini untuk menembusi pasaran antarabangsa supaya memperkukuhkan pertubuhan ekonomi negara kita untuk menghadapi cabaran sedunia. Sekian terima kasih. *[Disorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Esok Yang Berhormat Santubong boleh berucap. Ya, esok . Dengan ini saya tangguhkan dewan yang mulia ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.10 minit petang.

19 September 2005**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO

13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **Dato’ Seri** Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, **Dato’ Sri** Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. “ Menteri Pengangkutan, Dato’ Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
19. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop
20. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato’ Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) – UMNO
21. “ Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) – UMNO
25. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Dato’ Seri** Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) – PBB
30. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato’ Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) – GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN

21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tajah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong, (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO

4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **Dato' Lee Kah Choon** (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS

4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. " Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. " Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. " Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. " Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. " Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. " Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. " Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. " Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRB
16. " Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. " Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. " Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. " Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
23. " Dato' Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. " Dato' Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. " Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. " Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. " Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. " Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. " Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. " Dato' Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. " Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. " Dato' Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. " Dato' Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. " Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. " Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. " Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO

40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. “ **Tan Sri** Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO

76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ **Datuk** Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
103. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
104. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
105. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
106. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
107. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
108. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
109. “ Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
110. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.
(Gua Musang) – UMNO

- 111. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
- 112. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
- 113. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP
- 114. “ Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
- 115. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
- 116. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
- 117. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN
- 118. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
- 119. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
- 120. “ Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
- 121. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
- 122. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
- 123. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
- 124. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
- 125. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli